

MODUL PEMBELAJARAN LITERASI MEDIA & INFORMASI


Untuk Pelajar-pelajar Media & Komunikasi di Malaysia



Hasrul Hashim
Nurul Akqmie Badrul Hisham
Sabariah Mohamed Salleh

Diterbitkan pada 2022 oleh Pusat Kajian Media & Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor

e ISBN 978-967-26889-0-7



Modul Pembelajaran Literasi
Media & Informasi



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Kajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM dan UNESCO

Diterbitkan pada 2022 oleh Pusat Kajian Media & Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Penyunting: Hasrul Hashim, Nurul Akqmie Badrul Hisham & Sabariah Mohamed Salleh


Penulis Murni Wan Mohd Nor, Nuurrianti Jalli, Muhammad Harris Zainul, Sabariah Mohamed Salleh, Hasrul Hashim, Abdul Latiff Ahmad, Nurul Akqmie Badrul Hisham, Kuek Ser Kueng Keng, Hazwany Jamaluddin & Darshini Kandasamy

Penilai modul: Prof. Dr. Shanti Balraj Baboo & Prof. Madya Dr. Saidatul Akmar Ismail

Pereka grafik: Hasrul Hashim

Rekaan muka depan: Muhammad Zafran Anas Ahmad Nor Khushairi

Atur Huruf: Nurul Akqmie Badrul Hisham



MODUL PEMBELAJARAN LITERASI MEDIA & INFORMASI

**Untuk Pelajar-pelajar Media & Komunikasi di
Malaysia**

**Hasrul Hashim
Nurul Akqmie Badrul Hisham
Sabariah Mohamed Salleh**



Kandungan

i

Prakata

BAB 1 : Pengenalan Terhadap Literasi Media & Informasi
Oleh: Murni Wan Mohd Nor & Nuurianti Jalli

<i>Sinopsis.....</i>	01
<i>Objektif Pembelajaran.....</i>	01
<i>Hasil Pembelajaran.....</i>	02
<i>Kandungan Utama.....</i>	02
<i>Aktiviti.....</i>	13
<i>Senarai Rujukan.....</i>	17

BAB 2 : Literasi Media & Informasi (MIL) dan Disinformasi
Oleh: Harris Zainul

<i>Sinopsis.....</i>	21
<i>Objektif Pembelajaran.....</i>	21
<i>Hasil Pembelajaran.....</i>	21
<i>Kandungan Utama.....</i>	22
<i>Aktiviti.....</i>	41
<i>Senarai Rujukan.....</i>	42

Kandungan

BAB 3 : Mengakses Maklumat Dengan Efisyen & Cekap
Oleh: Sabariah Mohamed Salleh

<i>Sinopsis</i>	44
<i>Objektif Pembelajaran</i>	44
<i>Hasil Pembelajaran</i>	45
<i>Kandungan Utama</i>	45
<i>Aktiviti</i>	50
<i>Senarai Rujukan</i>	51

BAB 4 : Literasi Media & Informasi (MIL) Dari Perspektif Sosio Budaya
Oleh: Abdul Latiff Ahmad, Nurul Akqmie Badrul Hisham & Hasrul Hashim

<i>Sinopsis</i>	54
<i>Objektif Pembelajaran</i>	54
<i>Hasil Pembelajaran</i>	54
<i>Kandungan Utama</i>	55
<i>Aktiviti</i>	65
<i>Senarai Rujukan</i>	67

BAB 5 : Literasi Media & Informasi (MIL) Dan Etika Produksi Media
Oleh: Hasrul Hashim

<i>Sinopsis</i>	70
<i>Objektif Pembelajaran</i>	70
<i>Hasil Pembelajaran</i>	70
<i>Kandungan Utama</i>	71
<i>Aktiviti</i>	77
<i>Senarai Rujukan</i>	78

Kandungan

BAB 6 : Semakan Fakta

Oleh: Kuek Ser Kuang Keng, Hazwany Jamaluddin & Darshini Kandasamy

.....

<i>Sinopsis.....</i>	79
<i>Objektif Pembelajaran.....</i>	79
<i>Hasil Pembelajaran.....</i>	79
<i>Kandungan Utama.....</i>	80
<i>Aktiviti.....</i>	95
<i>Senarai Rujukan.....</i>	96

Prakata

Kepentingan bidang literasi media dan informasi tidak perlu untuk disangkal kerana bidang ini telah membuktikan tanpa asas pengetahuan dan pemahaman yang baik, sesuatu informasi boleh digunakan dengan cara yang tidak beretika dan seterusnya boleh menimbulkan pelbagai masalah. Di tambah pula dengan perkembangan teknologi media dan pertambahan pelbagai platform digital, sesuatu maklumat boleh dimanipulasi, disalahtafsir dan mendatangkan kekecohan kepada sesiapa sahaja yang menerimanya. Justeru itu, ilmu asas dan kemahiran yang berkaitan dengan literasi media dan informasi perlu diterapkan sedari awal terutamanya kepada para pelajar bidang media dan komunikasi kerana mereka ini yang bakal mencorakkan masa depan bidang media dan komunikasi samada di Malaysia atau di peringkat global.

Literasi media dan informasi juga merupakan satu kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan seseorang berkemampuan untuk mengakses, menapis dan menganalisis pelbagai bentuk informasi daripada pelbagai sumber media dan menggunakan maklumat berkenaan secara beretika dan berhemah. Kemahiran ini menuntut satu bentuk penerapan yang efisyen terutamanya kepada golongan pelajar bidang media dan komunikasi.

Modul pembelajaran literasi media dan informasi ini telah dibangunkan oleh kumpulan penyelidik daripada Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui tajaan dana daripada UNESCO. Pembangunan modul pembelajaran literasi media dan informasi ini dikhurasukan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus media dan komunikasi di Malaysia sebagai panduan untuk memahami konsep media informasi dan literasi yang perlu difahami secara holistik oleh mereka. Modul ini menfokuskan kepada dua objektif iaitu pertamanya; untuk mendidik bakal pengamal di dalam industri media dan komunikasi terutamanya di dalam bidang kewartawanan di samping untuk memperkasakan para pelajar untuk menggunakan kemahiran pemikiran kritis dalam menapis maklumat-maklumat. Keduanya, modul ini juga bertujuan untuk menyediakan kemahiran dan pengetahuan teknik di dalam melakukan semakan fakta sebelum melakukan perkongsian.

Modul ini terdiri daripada enam bab yang dibahagikan kepada dua tema utama. Setiap tema mempunyai tiga bab yang akan menjurus kepada konsep, pemahaman, aplikasi dan percontohan media informasi dan literasi terutamanya di dalam konteks tempatan. Tema pertama menfokuskan kepada aspek asas dan kerangka teori berkenaan dengan media literasi dan informasi manakala tema kedua menekankan kepada aspek pengaplikasian dan kemahiran terutamanya di dalam kandungan media. Setiap bab akan memberikan percontohan kes tempatan di Malaysia dan diakhiri dengan cadangan aktiviti bagi menguji pemahaman pelajar terhadap setiap bab. Modul ini sesuai digunakan oleh pensyarah dan pelajar di dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan kewartawanan dan produksi media.

Hasrul Hashim, Nurul Akqmie Badrul Hisham & Sabariah Mohamed Salleh





Bab 1

PENGENALAN LITERASI MEDIA & INFORMASI



Pengenalan Literasi Media & Informasi

MURNI WAN MOHD NOR & NUURRIANTI JALLI

SINOPSIS

Bab ini akan menjelaskan aspek-aspek asas literasi media dan informasi (LMI). Ia menekankan kepentingan LMI sebagai panduan kepada para pelajar untuk mengakses, memahami, menganalisis, menghasilkan kandungan dan berkongsi informasi dengan menggunakan pelbagai platform media. Para pelajar juga akan turut didedahkan dengan perkaitan di antara demokrasi dan LMI yang memperkuuhkan lagi kepentingan penggunaan dan perkongsian Informasi secara beretika, supaya demokrasi dapat dipelihara dan hak asasi manusia pula dimartabatkan melalui kebebasan bersuara dan kebebasan media. Tahap kesedaran LMI tidak akan sempurna sekiranya kita mengenepikan kesan negatif pengabaianya. Berleluasannya ucapan-ucapan kebencian, suburnya kegiatan ekstrimisme dan bercambahnya aktiviti keganasan, adalah antara kesan-kesan negatif yang akan terbudaya sekiranya tahap LMI gagal ditingkatkan. Selain daripada itu, bab ini turut menerangkan tentang bagaimana etika berkongsi Informasi boleh dimanfaatkan untuk mempromosikan hak asasi manusia, memudah cara dialog-dialog antara budaya dan agama, serta mempromosikan keamanan dan kesaksamaan. Pada penghujung bab, disertakan beberapa aktiviti praktikal yang boleh dilakukan oleh para pelajar untuk mengukuhkan lagi kefahaman mengenai LMI.

Kata kunci: *Berita palsu, disinformasi, etika informasi, kecelaruan maklumat, literasi media informasi, misinformasi*

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran di dalam bab ini adalah seperti berikut:

- 1.Untuk memahami konsep literasi media dan informasi di dalam konteks Malaysia.
- 2.Untuk memahami kepentingan literasi media dan informasi.
- 3.Untuk meningkatkan kesedaran mengenai kemudarat yang boleh berlaku sekiranya literasi media dan informasi di tahap yang rendah.
- 4.Untuk menekankan kepentingan penggunaan dan perkongsian informasi secara beretika.

HASIL PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran di dalam bab ini adalah seperti berikut:

1. Untuk memahami konsep literasi media dan informasi di dalam konteks Malaysia.
2. Untuk memahami kepentingan literasi media dan informasi.
3. Untuk meningkatkan kesedaran mengenai kemudaratan yang boleh berlaku sekiranya literasi media dan informasi di tahap yang rendah.
4. Untuk menekankan kepentingan penggunaan dan perkongsian informasi secara beretika.

PENGENALAN LITERASI MEDIA DAN INFORMASI

Perkembangan teknologi maklumat dan media di seluruh dunia membolehkan masyarakat untuk mendapatkan pelbagai informasi yang datang daripada pelbagai sumber. Teknologi media yang membangun dengan pesat membolehkan masyarakat untuk mendapatkan informasi dengan lebih pantas, dengan jumlah yang banyak, melalui pelbagai media yang berbeza. Pada masa kini, kebergantungan masyarakat terhadap teknologi media semakin meningkat bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat, malah untuk melakukan aktiviti harian. Oleh itu, terdapat keimbangan dalam kalangan penyelidik dan sarjana tentang tahap literasi media dan informasi masyarakat di seluruh dunia (Cappello, et. al., 2011; Simmons, 2018; Debreau, 2019). Ramai dalam kalangan sarjana (Salleh, et. al., 2019) menyeru untuk kurikulum literasi media diperkenalkan di sekolah, institusi tinggi dan juga dalam kalangan komuniti untuk memastikan banyak lapisan masyarakat terdedah kepada pengetahuan pengendalian media dan informasi yang lebih baik. Contohnya di Malaysia seperti yang laporkan oleh *Malay Mail*, lebih daripada 1,200 orang pendidik menyertai program media literasi yang dianjurkan oleh *Media Education Academy* (MEA) untuk mempelajari cara mendidik pelajar untuk lebih bijak dalam pengendalian maklumat (Palansamy, 2021). Penyertaan yang tinggi dalam kalangan guru-guru dan pendidik di peringkat institusi tinggi mencerminkan terdapatnya kehendak dalam kalangan pendidik untuk memperkenalkan kurikulum literasi media dan informasi di institusi pendidikan.

Walaupun seruan untuk memperkenalkan kurikulum berkaitan literasi media dan informasi adalah bukan sesuatu yang baharu, namun sehingga kini, modul berkaitan literasi media dan informasi masih kurang, terutama di Asia Tenggara, termasuk Malaysia. Ramai di kalangan sarjana telah menyuarakan keperluan kritikal untuk membina modul literasi media dan informasi yang holistik di Malaysia (Salleh, et. al., 2019; Kok, et. al., 2019); 'Memperkasa pendidik Malaysia melalui gerakan literasi media', 2021). Kita boleh lihat setiap hari, ada sahaja kes terbaru di mana ahli masyarakat menjadi mangsa penipuan siber, tertipu oleh maklumat salah yang dikongsikan di media sosial, malah ada yang masih tidak tahu etika penggunaan media yang baik. Bagi memastikan masyarakat kita menjadi lebih terdidik dalam pengendalian media dan informasi, adalah penting bagi kita untuk memahami definisi asas apakah literasi media dan informasi.



Memahami Literasi Media & Informasi

Apakah yang dimaksudkan dengan literasi media dan informasi? Memahami definisi literasi media dan literasi informasi adalah penting sebelum kita mendalami lebih lanjut tentang topik penting ini. Cuba anda fikirkan, sekiranya anda menonton video di dalam laman media sosial seperti *YouTube*, atau sekiranya anda menerima mesej di aplikasi *WhatsApp*, apakah dua kemahiran penting yang perlu anda kuasai untuk memastikan anda boleh memproses kandungan media yang anda terima dengan baik?

Meskipun ada sarjana yang melihat literasi media dan informasi adalah perkara yang sama, namun sebenarnya sekiranya kita lihat dengan lebih mendalam terdapat perbezaan di antara kedua-dua jenis literasi ini. Literasi media secara amnya lebih cenderung kepada kemahiran mengakses media, memahami dan mampu menilai secara kritis pelbagai media dan kandungan media, serta kebolehan untuk berkomunikasi dalam pelbagai konteks (Suruhanjaya Eropah, 2007). Menurut Aufderheide (1993), seorang yang celik media merupakan seseorang yang boleh mengurai kod (decode), menilai, menganalisis, dan juga mampu untuk menghasilkan kandungan media. Manakala menurut Hobbs (2006), literasi informasi pula lebih menfokuskan kepada kemahiran mengenalpasti, menilai, dan menggunakan maklumat. Berbanding dengan literasi media yang lebih cenderung kepada pengendalian media, literasi informasi menekankan kepada kemampuan individu untuk menilai kualiti, validiti, kredibiliti dan keaslian informasi (Hobbs, 2006). Namun kedua-dua kemahiran ini juga mempunyai persamaan yang ketara iaitu, penekanan terhadap kemahiran berfikir secara kritis, mega-kognitif dan kemahiran pengendalian dan penilaian (media atau informasi) mengikut domain, bidang, atau konteks tertentu (Hobbs, 2006).

KAREKTOR MEDIA

1. Media dibina dan membina realiti
2. Media mempunyai implikasi komersial
3. Media mempunyai implikasi terhadap ideologi dan politik
4. Penerima kandungan media mencipta makna kandungan media
5. Media bertindak sebagai bingkai dan penapis realiti dunia

Sumber: Aufderheide (1993) dan Goodman (2003).

Penguasaan kemahiran literasi media dan informasi ini bukan lagi kemahiran yang boleh dipandang enteng, kerana perkembangan pesat teknologi media dan komunikasi memberi peluang kepada masyarakat tanpa mengira lapisan untuk mengakses pelbagai maklumat. Apabila peralatan media semakin mudah diperoleh dan semakin mampu dimiliki oleh masyarakat umum, penghasilan kandungan media yang dihasilkan oleh pengamal media profesional tidak lagi bersifat eksklusif. Ini menyebabkan lambakan informasi yang bersifat amatur, informasi yang tidak di semak fakta dan kandungan media yang tidak beretika tersebar dalam kalangan masyarakat (Jalli & Idris, 2019). Tambahan lagi dengan tembusan Internet yang tinggi di seluruh dunia, informasi tidak hanya disebarluaskan kepada kalangan masyarakat setempat, malah boleh tersebar kepada masyarakat global tidak mengira garis sempadan. Di Malaysia sahaja, menurut data yang diperoleh dari Data Reportal, sebuah organisasi yang memantau penembusan Internet di seluruh dunia, 84.2% dari seluruh populasi Malaysia mempunyai akses kepada Internet pada Januari 2021.

Manakala pengguna media sosial di Malaysia pula adalah sebanyak 86% daripada jumlah populasi negara (Kemp, 2021). Angka pengguna media sosial selalunya lebih tinggi oleh kerana terdapat individu yang mempunyai lebih dari satu akaun di platform media sosial yang sama.

Mengapa Literasi Media & Informasi Begitu Penting?

Literasi media dan informasi adalah sangat penting untuk dikuasai oleh semua pengguna media. Pada masa kini, kebanyakan daripada kita mengendali media setiap hari tidak kira melalui penggunaan telefon pintar untuk melakukan aktiviti harian, menggunakan media sosial untuk berkongsi maklumat, atau menggunakan laman sesawang. Di seluruh dunia kita boleh saksikan bagaimana masyarakat global terkesan oleh media dan informasi yang mereka peroleh saban hari. Oleh kerana akses kepada media adalah tinggi dalam kalangan masyarakat kita, penguasaan literasi media dan informasi adalah kemahiran yang kritikal untuk dikuasai oleh semua lapisan masyarakat.

Menguasai literasi media adalah penting kerana media mempunyai pengaruh yang besar di dalam kehidupan masyarakat. Media bukan sahaja ejen konstruksi realiti, media juga mempunyai implikasi terhadap ideologi dan politik, serta mempunyai impak besar terhadap pendapat masyarakat awam (Aufderheide, 1993). Di Malaysia contohnya, akibat daripada tidak memiliki literasi media dan informasi yang tinggi, ramai antara kita telah menjadi mangsa penipuan atas talian, menjadi mangsa propaganda politik dan menjadi mangsa berita palsu, gara-gara tidak memiliki literasi media dan informasi yang baik. Jika kita lihat implikasi komersial akibat literasi media dan informasi yang rendah di dalam kalangan masyarakat, pada tahun 2020 sahaja, menurut statistik yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, mangsa penipuan *scam* atas talian di Malaysia telah rugi sebanyak RM 914 juta (Zainuddin, 2020). Secara amnya, literasi media dan informasi adalah penting untuk :

Membantu pengguna media untuk berfikir secara lebih kritis

Pengguna media yang mempunyai tahap literasi media dan informasi yang tinggi mampu untuk memutuskan samada mesej atau informasi yang mereka terima masuk akal, boleh memahami mengapa pencipta kandungan (*content creator*) media menyertakan atau tidak menyertakan sesetengah maklumat, dan juga apakah idea utama mesej yang cuba disampaikan. Kemahiran berfikir secara kritis ini boleh membantu pengguna media dan penerima informasi untuk memutuskan samada informasi yang diterima adalah berkualiti atau sebaliknya.

Membantu untuk melahirkan pengguna media dan informasi yang lebih bijak

Literasi media dan informasi juga membantu pengguna media untuk menentukan samada maklumat yang diperolehi di media adalah tepat, sahih, berkualiti dan telah disemak fakta. Ini juga boleh membantu pengguna media untuk menilai samada informasi dan kandungan media yang diperolehi mempunyai agenda tertentu atau tidak.

Membantu pengguna media untuk mengenal pasti sudut pandangan pencipta kandungan

Setiap pencipta kandungan media mempunyai perspektif tertentu terhadap sesuatu topik. Contohnya jika seorang wartawan warga memuat naik berita di laman *Facebook*, seorang pengguna media yang bijak akan menyedari terdapat kemungkinan bahawa berita yang dimuat naik mempunyai unsur berat





sebelah yang memihak kepada entiti tertentu. Ini kerana pencipta kandungan seperti wartawan warga itu tadi, memuatnaik kandungan dengan rangka rujukan (*frame of reference*) tertentu yang dipengaruhi oleh sistem kepercayaan, kecenderungan politik dan juga pengaruh persekitaran sosionya. Dengan memiliki literasi media dan informasi yang tinggi, pengguna media mampu untuk memahami konteks informasi yang diperoleh dengan lebih baik.

Membantu pengguna media memahami kepentingan kepelbagaiannya perspektif

Dengan memiliki literasi media dan informasi yang tinggi, pengguna media akan memahami kepentingan kepelbagaiannya perspektif dari orang lain. Kepelbagaiannya perspektif adalah penting untuk memastikan pengguna media boleh meluaskan pandangan mereka tentang sesuatu isu. Malah boleh mengelakkan pengguna media untuk tidak beremosi jika terdapat pendapat yang bercanggah dengan mereka kerana terdapat pemahaman bahawa setiap orang mempunyai perspektif mereka sendiri yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan sosiobudaya.

Membantu pengguna media untuk memahami peranan media sebagai agen pemantau masyarakat

Dengan memiliki literasi media dan informasi yang tinggi, pengguna media maklum tentang peranan media di dalam masyarakat. Media yang bebas, bertindak sebagai pemantau masyarakat dengan melaporkan berita terkini tanpa diintimidasi oleh sesetengah pihak. Ruang media yang bebas juga membolehkan penyaluran informasi dari pelbagai perspektif dan membantu pengguna media untuk membina pendapat tentang sesuatu topik dengan lebih baik.

Membantu pengguna media untuk mencipta kandungan media dengan lebih bertanggungjawab

Dengan memiliki literasi media dan informasi yang tinggi, pengguna media boleh mencipta kandungan media dengan lebih bertanggungjawab kerana memahami kepentingan etika media dan impak informasi yang dikongsikan kepada masyarakat. Pencipta kandungan media juga mampu untuk menentukan perspektif kandungan media mereka, bagaimana untuk mencipta kandungan yang selari dengan perspektif serta memahami bahawa setiap informasi yang dikongsikan mempunyai kesan kepada masyarakat.

Mampu memahami bahawa media dan informasi boleh mempengaruhi budaya masyarakat

Individu yang mempunyai literasi media dan informasi yang tinggi mampu mengenal pasti peranan media di dalam pembentukan budaya. Contohnya trend yang terdapat di dalam media sosial seperti di *TikTok*, *Facebook* dan sebagainya senang menular dalam kalangan masyarakat setempat. Trends ini seterusnya boleh mempengaruhi tingkah laku, cara berfikir, dan gaya hidup masyarakat tempatan.

Hubungan di antara literasi media dan informasi dengan demokrasi

Sesebuah masyarakat yang mahir dalam pengendalian media dan informasi dapat membantu dalam memelihara demokrasi sebuah negara. Mungkin ada yang tertanya-tanya bagaimana literasi media dan informasi boleh mempengaruhi demokrasi? Cuba fikirkan, apakah implikasi sekiranya rakyat tidak mampu untuk membezakan di antara maklumat sahih dan maklumat palsu? Apakah pula kesan jika masyarakat tidak tahu mengendali media dan informasi secara kritis dan beretika ?

Di seluruh dunia, terdapat banyak contoh di mana media dan informasi digunakan sebagai salah satu senjata di dalam perang moden. Di Amerika Syarikat contohnya, ketika Pilihanraya Presiden 2016 di antara Donald Trump dan juga Hillary Clinton, informasi palsu disebarluaskan sebagai senjata propaganda (Bovet & Makse, 2019). Di Malaysia dan Indonesia ketika Pilihan Raya Umum 14 pada tahun 2018 (PRU14) dan Pilihan Raya Presiden 2019 di Indonesia, tentera siber dan propagandis digunakan oleh parti-parti politik untuk tujuan mempengaruhi pendapat umum dan meraih undi (Jalli & Idris, 2019). Di laman media sosial dan platform mesej percuma seperti WhatsApp dan Telegram digunakan untuk menyebarkan maklumat yang tidak tepat.

Penyebaran maklumat yang tidak tepat terutama sekali yang berbaur perbalahan boleh mengganggu-gugat keselamatan negara. Contohnya di Jakarta, Indonesia ketika Pilihan Raya Presiden 2019, berita palsu yang tersebar di platform Internet menyebabkan orang ramai turun memprotes di Jakarta dan menyebabkan kacau bilau sehingga enam orang kehilangan nyawa (Jalli & Idris, 2019). Tambahan lagi, sesetengah kerajaan yang mengamalkan pendekatan autoritarian boleh menjadikan berita palsu sebagai alasan untuk kerajaan mengadakan sekatan media dan mengganggu-gugat demokrasi negara. Contohnya di Indonesia pada tahun 2019, akibat protes yang berlaku di seluruh negara, Presiden Jokowi menetapkan untuk menyekat penggunaan Internet di beberapa tempat termasuk penggunaan media sosial *Facebook* dan *WhatsApp* untuk mengawal penyebaran berita palsu. Pengkritik politik melihat tindakan presiden Indonesia itu sebagai ancaman terhadap demokrasi Indonesia dan langkah drastik diambil oleh Presiden Jokowi untuk legitimasi kedudukannya sebagai Presiden Indonesia (Jalli, 2019).

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik di seluruh dunia telah menunjukkan, dengan memiliki tahap literasi media dan informasi yang tinggi, pengguna media boleh mengelakkan diri mereka menjadi mangsa propaganda politik pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab (lihat kajian Hobbs et. al. 2018; Murrock et. al. 2018; Mason, et. al. 20; Boven & Makse, 2019). Malah dengan memiliki literasi media dan informasi yang tinggi, rakyat akan memandang lebih serius tentang etika penggunaan media dan penyebaran informasi. Apabila rakyat semakin sedar dan maklum tentang implikasi penggunaan media dan informasi, maka demokrasi negara secara tidak langsung lebih terpelihara.




Kebebasan Media dan Demokrasi

Hubungan di antara kebebasan editorial dengan demokrasi adalah jelas, di mana di dalam konteks media, keupayaan wartawan untuk melaporkan secara bebas mengenai perkara-perkara yang berkepentingan awam (*public interests*) adalah merupakan indikator sesebuah negara demokrasi. Namun mungkin ada di antara kita tertanya-tanya apakah pula hubungan di antara literasi media dan informasi dengan kebebasan editorial? Argumen di sini adalah, rakyat yang celik media dan mempunyai tahap literasi informasi yang tinggi mampu meneka dan menilai, sekiranya sebuah badan media, dimiliki oleh organisasi eksklusif dan sidang redaksinya tidak mempunyai kebebasan untuk menerbitkan berita-berita tertentu, maka, kita boleh mendeduksi bahawasanya mungkin informasi yang dikongsikan oleh badan media itu mempunyai agenda yang tertentu. Sebagai warga yang celik media, kita tidak seharusnya hanya bergantung dengan satu sumber media sahaja untuk mendapatkan maklumat berkenaan sesuatu topik. Sarjana media dan komunikasi banyak menekankan untuk mengelakkan kita menjadi mangsa propaganda sesetengah media. Sebagai pengguna media, kita seharusnya menyemak maklumat dari pelbagai sumber dan perspektif, terutama sekali berkenaan berita serta informasi sosiopolitik dan budaya (Khan & Idris, 2019).



Sebagai seorang warga yang celik media, yang memahami impak media terhadap masyarakat, kita boleh mengambil langkah proaktif untuk membantu dalam mempertahanan kebebasan media dalam menyebarkan informasi dari pelbagai perspektif. Mendapatkan informasi yang pelbagai bukan sahaja boleh membantu pengguna media untuk memahami sesuatu topik dengan lebih baik, malah boleh membantu untuk pengguna media menentukan informasi yang mana yang lebih mempunyai kredibiliti berbanding yang lain. Namun, adalah penting apabila lambakan informasi di dalam ruang publik memerlukan masyarakat am untuk mempunyai literasi media dan informasi yang tinggi. Oleh kerana ruang media telah bebas, maka adalah biasa jika ruang media dipenuhi dengan perspektif yang pelbagai yang mungkin dicemari oleh propaganda dari pihak-pihak tertentu. Oleh itu, amat penting latihan literasi media dan informasi diperkenalkan kepada masyarakat, untuk membolehkan masyarakat menjadi lebih aktif dalam mempertahankan hak mereka sebagai rakyat. Rakyat akan lebih berani bersuara dan bijak dalam menguraikan maklumat yang mereka perolehi daripada media.

Di negara-negara yang mana kebebasan media disekat, rakyat tidak mendapat akses kepada maklumat yang telus. Maka rakyat tidak dapat membuat keputusan yang tepat dalam pemilihan wakil rakyat, tidak dapat memantau perkembangan industri dan tidak dapat mengikuti perkembangan semasa dengan tepat (Melki, 2017). Ini adalah realiti terutama sekali bagi masyarakat yang tidak mempunyai akses kepada media dan informasi alternatif (melalui Internet). Maka golongan masyarakat ini kekurangan maklumat melalui pendekatan sistemik oleh pihak berkuasa di negara-negara mereka. Situasi sebegini sering kita perhatikan di Asia Tenggara, contohnya di Myanmar ketika rampasan kuasa oleh tentera (Ochwat, 2020). Media disekat sepenuhnya termasuklah penggunaan Internet dan menyebabkan rakyat tidak mendapat maklumat yang penuh berkenaan situasi rusuhan di negara mereka. Hal ini seterusnya menyebabkan huru-hara yang lebih teruk apabila khabar angin berleluasa dalam kalangan masyarakat. Rakyat marah dengan tindakan pihak berkuasa, lantas turun memprotes sehingga menyebabkan kehilangan nyawa apabila bertempur dengan pihak tentera (Reuters, 2021).



Rajah 1: Kepentingan kebebasan media terhadap sesebuah negara demokrasi

Etika Informasi

Kebebasan bersuara merupakan elemen utama dalam kehidupan sebuah masyarakat yang demokratik. Demokrasi sebenar perlu menyediakan ruang kebebasan kepada setiap individu masyarakatnya untuk mencari, menerima dan menyebarkan informasi yang akan mempengaruhi kelangsungan hidup bermasyarakat. Walau bagaimanapun, bukan semua ahli masyarakat mampu untuk mendapat akses kepada informasi-informasi yang diperlukan atau terlatih untuk hidup

dalam dunia ‘kebanjiran informasi’ (*infodemic*) seperti hari ini. Oleh sebab itu, literasi media dan informasi adalah suatu kemahiran dan merupakan hak yang amat penting untuk dimiliki oleh setiap ahli masyarakat.

Pada hari ini, budaya penghasilan dan penyebaran berita dan informasi amat berbeza jika hendak dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu. Perubahan besar ini berlaku disebabkan wujudnya pelbagai platform media, khususnya media sosial. Sebagai contoh, berbekalkan peranti di tangan masing-masing, sesuatu berita itu dapat tersebar dengan meluas dan pantas, sama ada melalui *Facebook*, *Twitter* mahupun *WhatsApp*.

Kajian menunjukkan bahawa masyarakat pada hari ini kerap mengguna dan menyebarkan berita yang beredar dalam lingkungan sosial mereka (Hermida et al., 2012, hlmn. 815-824). Kebanyakan pengguna media sosial menyatakan bahawa rakan-rakan dan ahli keluarga mereka berkongsi lebih banyak berita dan informasi, jika dibandingkan dengan media tradisional (Hermida et al., 2012, hlmn. 815-824). Hal ini turut mencerminkan corak yang sama bagi para pengguna di seluruh Malaysia. Berdasarkan satu kaji selidik yang dibuat oleh SKMM, 70.6% responden rakyat Malaysia berkongsi informasi mereka melalui grup mesej (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia [SKMM], 2019, hlmn. 4). Kepantasan penyebaran informasi ini menjadi cabaran besar untuk mempersiapkan masyarakat dengan literasi media dan informasi. Misinformasi merupakan informasi yang tidak betul atau tidak tepat dan ia disebarluaskan secara tidak sengaja tanpa niat untuk menipu pihak lain (Wu et al., 2019, hlmn. 80-90). Disinformasi pula merujuk kepada informasi yang salah dan dibuat dengan niat untuk menyakiti atau memudaratkan seseorang, kumpulan atau pihak lain, organisasi atau negara (UNESCO, 2021).

Berita palsu boleh berlaku dalam bentuk misinformasi atau disinformasi. Kedua-duanya berkecenderungan untuk disebarluaskan kepada pihak lain tanpa mengetahui atau disemak kesahihannya terlebih dahulu. Hasil kajian berdasarkan data-data daripada Sebenarnya.my menunjukkan bahawa platform paling banyak tersebarnya berita palsu ialah melalui *Whatsapp*, dan diikuti pula dengan *Facebook* (Harris & Farlina, 2020). Dalam situasi ini, peranan etika dan moral menjadi penting untuk memastikan wujudnya keseimbangan di antara pengamalan kebebasan asasi dengan perlindungan daripada kesan-kesan negatif seperti penyebaran misinformasi, mal-informasi, disinformasi, dan segala kegiatan yang melanggar integriti individu (Fuchs, 2015; Zuboff, 2018).



Etika Informasi perlu dipatuhi oleh masyarakat awam dan juga para pemegang taruh, khususnya industri media. Hal ini kerana, naratif dan kandungan media memberi impak dan mempengaruhi masyarakat awam dalam pelbagai cara. Masyarakat berkecenderungan untuk berkongsi Informasi yang diterima, tanpa memikirkan kesan sampingan yang mungkin akan timbul. Kaji selidik yang dibuat pada minggu pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun 2020 mendedahkan, 95% responden Malaysia bersetuju bahawa informasi yang mereka terima mempengaruhi tingkah laku mereka. Kajian itu menekankan kepentingan komunikasi yang berkualiti dan berkesan untuk mengurangkan kadar penyebaran “informasi salah yang berpotensi mendatangkan kemudaratuan” (Khayriyyah & Chang, 2020, hlmn.21). Oleh sebab itu, usaha mendidik pelbagai pihak mengenai isu-isu berkaitan etika informasi menjadi semakin penting.

Isu-isu Etika Berkaitan Penggunaan dan Penyebaran Informasi

Impak Berita Palsu

Pada ketika kita berhadapan dengan pandemik COVID-19, kita turut berhadapan dengan ‘pandemik’ penyebaran berita palsu. Pihak UNESCO telah memberi amaran bahawa situasi ini boleh mengakibatkan masyarakat bergantung kepada misinformasi dan berita palsu, berbanding informasi sebenar (UNESCO, 2020). Sebagai contoh, penggunaan ubat yang belum terbukti berkesan menyembuhkan pesakit COVID-19 telah mendedahkan lebih banyak nyawa kepada risiko yang tinggi (BERNAMA, 2020).

Kadar pengguna internet di Malaysia agak tinggi (sekitar 84.7%), tetapi ia tidak menjamin kematangan pengguna untuk membezakan antara fakta dan rekaan. Buktinya, sehingga Mac 2021, sebanyak 287 kertas siasatan telah dibuka pihak polis berkaitan dengan berita palsu melibatkan isu COVID-19 (Karim, 2021). Ini menunjukkan bahawa masyarakat di luar sana masih mengamalkan tabiat perkongsian berita tanpa menyemak kesahihannya terlebih dahulu. Hal ini menyebabkan campur tangan dalam proses demokrasi kerana memberi ruang “berita-berita” tersebut dimanipulasi sehingga mempengaruhi pandangan awam dan pembuatan keputusan (Syed Arabi Idid, 2019).

Berita palsu juga boleh memberi impak kepada sumber pendapatan ekonomi. Sebagai contoh, dalam sesetengah sektor perniagaan, jumlah jualan menjunam hampir 80% setelah laporan palsu tersebar mengenai kononnya terdapat para pekerja atau pelanggan yang dikatakan positif COVID-19 (Sayed, 2021). Selain itu, informasi tidak benar sengaja dibuat untuk menyebarkan ketakutan dalam kalangan penganut agama Islam sehingga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terpaksa memberi penjelasan mengenai ketidakbenaran sesuatu informasi itu (Loheswar, 2020). Namun begitu, segala informasi yang tidak benar itu terus tersebar luas dan ia telah memberi implikasi dan mewujudkan sudut pandang seolah-olah berlaku ketidakadilan dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

Diskriminasi dan Ucapan Kebencian

Media mesti berusaha menyediakan laporan yang tepat, profesional dan seimbang. Sekiranya orang awam membentuk persepsi negatif terhadap seseorang berdasarkan agama atau etnik, ia akan memberi kesan buruk kepada perpaduan sosial. Situasi ini berlaku di seluruh dunia yang sedang berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Kekerapan penggunaan tajuk-tajuk yang bersifat sensasi di media massa, ditambah dengan penggunaan imej-imej yang sensitif, telah menyebabkan masyarakat dunia menyalahkan China dan rakyatnya sebagai penyebab tersebarnya virus COVID-19. Berdasarkan kaji selidik oleh L1GHT, berlaku peningkatan 900% ucapan-ucapan kebencian terhadap China dan warganya di Twitter (L1GHT, 2020). Individu yang mempunyai rupa paras seakan-akan masyarakat Asia, menjadi objek kebencian sebahagian masyarakat Barat, tanpa mengambil kira kerakyatan atau etnik sebenar seseorang.

Dalam konteks Malaysia, berita-berita sensasi dan penggunaan perkataan-perkataan yang stereotaip, telah mengakibatkan berlakunya diskriminasi terhadap segolongan masyarakat yang dilabel mengikut latar etnik, kewarganegaraan, agama dan taraf sosio-ekonomi. Sebagai contoh, tajuk yang paparkan di *New Straits Times*, “*Tabligh cluster now responsible for almost half of COVID-19 cases in Malaysia*,” (Chan, 2020).

Dakwaan seumpama itu merupakan simbol kepada naratif Islamofobia yang mengakibatkan wujudnya stigma masyarakat terhadap individu-individu yang dikaitkan dengan kluster Tabligh. Selepas itu, wujud pula stigma terhadap golongan pelarian yang dilabel sebagai *super spreaders* dan mereka dilayan dengan hina. Penghinaan itu dihalakan kepada perbezaan budaya dan ‘jenayah’ yang dilakukan (*The Star*, 2018) melalui kekerapan penggunaan istilah seperti “pendatang haram”, “pendatang haram yang memegang kad UNHCR”, dan “pendatang haram Rohingya” (Zuraida & Lee, 2014).

Sentimen-sentimen seumpama ini diuar-uarkan oleh orang awam dengan cara melampiaskan kemarahan mereka kepada golongan tersebut di media sosial. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengugut para pendatang dan pelarian dengan mesej berbaur keganasan (*Human Rights Watch Council*, 2020) kerana dilihat sebagai mengancam keselamatan negara dan warganya.

Ekstremisme dan Keganasan

Dalam situasi terburuk, kumpulan-kumpulan pengganas, radikal dan ekstremis telah menggunakan retorik kebencian mereka secara dalam talian sebagai strategi untuk merekrut pengikut-pengikut baharu. Sebagai contoh, kumpulan militant *Islamic State* (IS), menggunakan platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube* dan *Telegram* untuk menghantar imej-imej grafik, video-video, dan risalah-risalah yang bertujuan untuk menyebarkan dakyah mereka. Kaedah-kaedah yang mereka gunakan sangat berkesan sehingga pada tahun 2015, pihak *UN Counter Terrorism Committee* menganggarkan sebanyak 30,000 pengganas warga negara asing menuju ke Syria dan Iraq kerana dipengaruhi propaganda IS (UN News, 2015).

Praktis sedemikian rupa turut berlaku di Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa seorang pengganas yang berasal dari Malaysia, Muhammad Wanndy Mohamed, telah mempengaruhi orang awam ke arah keganasan dengan cara melakukan normalisasi terhadap keganasan melalui ucapan kebencian dengan menggunakan media sosial seperti *Facebook* dan grup-grup *Telegram* peribadi. Hal ini membawa kepada kegiatan keganasan seperti pengeboman di kelab malam Movida, Puchong (Mustafa, 2017).

Menggunakan Etika Informasi Ke arah Mewujudkan Dunia yang Adil dan Aman

Etika Informasi merupakan komponen yang amat penting dalam LMI. Ia berperanan untuk memperkuuh demokrasi, serta memastikan perpaduan sosial dan keamanan terpelihara. Walau bagaimanapun, objektif murni tersebut sukar dicapai kerana praktis dalam dunia media yang mudah dipengaruhi oleh tekanan-tekanan dalam dan luaran dunia penerbitan (White, 2020). Hal ini diburukkan lagi dengan tingkah laku pengguna dalam talian yang akan terus menyebarkan kandungan berita yang belum ditentukan lagi kesahihannya. Oleh itu, semua pemegang taruh yang berkaitan harus berperanan untuk memastikan etika informasi dapat dipatuhi ke arah mewujudkan dunia yang adil dan aman. Bagi memastikan hasrat ini berjaya mencapai matlamat, kerjasama yang erat dan berterusan mesti berlangsung di antara Kerajaan dan agensi-agensinya, organisasi masyarakat sivil, organisasi bukan kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan korporat, institusi-institusi pendidikan serta gerakan masyarakat akar umbi. Beberapa cadangan diringkaskan seperti berikut:




KERAJAAN	MEDIA	ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL, SYARIKAT TEKNOLOGI	INSTITUSI PENDIDIKAN	GERAKAN DAN ORGANISASI AKAR UMBI
<p>Komitmen dipertingkatkan untuk memperkuuh kebebasan berekspresi dan menyediakan persekitaran yang lebih baik untuk kebebasan media</p> <p>Menyokong program-program pembangunan kapasiti yang bermatlamat untuk meningkatkan kadar LMI serta etika informasi di semua sektor</p> <p>Memperbaiki kelemahan yang wujud dalam kerangka perundangan untuk mendukung kebebasan bersuara</p>	<p>Badan peraturan kendiri untuk media dan keahlian wajib untuk semua wartawan</p> <p>Kursus etika yang diwajibkan untuk semua wartawan</p> <p>Latihan secara berkala kepada para wartawan mengenai etika informasi, kesedaran kebudayaan dan sensitiviti dalam penyediaan laporan berita</p>	<p>Inisiatif Kerjasama dengan Kerajaan dan para pemegang taruh yang lain ke arah meningkatkan kadar literasi media dan informasi</p> <p>Menyediakan kayu ukur yang berkesan untuk mengesan berita palsu, ucapan kebencian, dan ekstremisme di dalam talian</p>	<p>Pelaksanaan modul LMI dengan komponen etika informasi yang kuat untuk semua pelajar di semua fakulti</p> <p>Penyediaan Panduan Etika Dalam Talian yang sesuai diajar kepada semua pelajar mengikut kumpulan umur</p> <p>Kursus interaktif secara dalam talian mengenai LMI yang terbuka kepada orang awam</p>	<p>Program libat urus bersama pelbagai lapisan masyarakat mengenai Literasi Media dan Informasi serta etika Informasi yang disampaikan dalam bahasa penutur terbanyak di Malaysia</p> <p>Platform yang terangkum dan interaktif untuk proses dialog</p>



Rangkuman Kesan Tahap Literasi Media dan Informasi

Jika tahap literasi media dan informasi seorang pengguna adalah tinggi, ini akan membawa kepada penghayatan nilai-nilai seperti keamanan, keadilan, demokrasi dan lain-lain.



Jika tahap literasi media dan informasi seorang pengguna adalah rendah, ini boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif kepada individu, komuniti dan negara

AKTIVITI

Mengenal pasti Kesahihan Kandungan Berdasarkan Sumber

Literasi Media dan Informasi dapat memperkasakan orang awam dengan meningkatkan keupayaan mereka menganalisis dan menilai mesej-mesej yang diterima dari segi kesahihan, kebenaran dan kualiti. Berikut adalah panduan bagi menganalisis kandungan media:


Membezakan Kandungan: Cara Meningkatkan Literasi Media dan Mengelakkan Penyebaran Informasi Yang Salah

1. Semak URL/rujukan yang anda gunakan—Adakah sahih dan boleh dipercayai?

Perlu mengenali URL yang boleh memberi gambaran mengenai kesahihan, kebolehpercayaan, keselamatan dan autoriti sesuatu laman web. Sebagai contoh, laman web dengan url seperti:

- **.gov** menunjukkan ianya adalah merupakan laman web sahif Kerajaan dan rujukan yang pada kebiasanya lebih berautoriti.
- **.edu** pada kebiasanya merupakan laman web sekolah, kolej atau universiti. Walaubagaimanapun, ada lawan web yang berakhir dengan **.edu** yang dimiliki pelajar. Maka semakan harus dibuat untuk mengenalpasti kesahihan dan autoriti sesuatu laman web.
- **.org** menunjukkan lawan web ini dimiliki oleh organisasi. Digalakkkan untuk membuat semakan mengenai organisasi dan matlamat organisasi tersebut untuk mengenalpasti bias yang mungkin ada.

Semak juga sama ada laman web tersebut mempunyai ciri-ciri *Typosquatting*, iaitu satu laman web yang dieja seakan-akan/hampir sama dengan laman web yang sahif. Pengguna mungkin telah membuat kesilapan ejaan (*typo*) semasa menaip nama laman web di pelayar web dan akan dibawa ke laman web yang merbahaya, seterusnya menjadi mangsa serangan siber (*phishing*). Contoh seperti *goggle.com*; *paywpal.com* dan lain-lain.



Imej dari: <https://cybersecuritynews.com>

2. Lihat sumber yang dirujuk dalam artikel tersebut—adakah pautan hiper (*hyperlink*) disertakan? Adakah kenyataan dipetik dengan betul atau digunakan di luar konteks?

Artikel yang ditulis dengan baik akan disokong dengan kajian yang tepat, petikan atau menyediakan pautan ke sumber kenyataan yang sebenar.

3. Bahasa yang digunakan—dibesar-besarkan atau tidak? Memberikan jaminan? Terlalu baik untuk menjadi kenyataan yang benar?

Salah satu cara berita palsu dapat dikenalpasti adalah menerusi tuntutan (*claims*) yang mustahil dalam sesuatu artikel serta menggunakan terma-terma yang tidak profesional dan bahasa yang mengikut emosi.

Walaubagaimanapun, berita palsu kini dipersembahkan dalam cara yang amat meyakinkan dan menyerupai berita sebenar, daripada akaun media yang sahih. Pembaca harus berhati-hati sebelum mempercayai dan menyebarkan “berita” yang diterima. Contoh di bawah adalah artikel berita palsu, yang dipersembahkan seolah-olah dari portal berita yang sahih (MCMC, 2020). Dari tajuk artikel ini, kita dapat lihat bahawa bahasanya kurang profesional dan ia digambarkan dengan cara yang provokatif untuk menjadi ‘*clickbait*’ tajuk utama yang berkesan.

Bawa Najib Razak masuk sbgai penasihat Ekonomi, kekalkan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri setuju ke korang

K3131

PALSU

Datuk Seri Najib Tun Razak Dilantik Sebagai Penasihat Ekonomi?

Najib sebagai penasihat Ekonomi, Bukan Menteri Kewangan atau Perdana Menteri - Berita Terkini

SEBENARNYA.MY
Tidak Patti Jangan Kongsi

4. Semak dan sahkan fakta—disokong oleh kajian atau laman web lain? Adakah kajian atau laman web yang lain melaporkan penemuan yang sama? Selari dengan pendapat pakar?

Seorang pembaca perlu mengesahkan informasi dengan beberapa sumber yang boleh dipercayai, kerana ada situasi di mana laman berita yang sahih sekalipun boleh menerbitkan informasi yang tidak tepat. Sebagai contoh, dalam laporan oleh *Daily Express* yang memaparkan "Bas UMS terbabas: 34 cedera" (*Daily Express*, 2016). Semakan pantas akan mendedahkan bahawa bas yang terlibat dalam insiden tersebut bukan milik UMS, sebaliknya adalah bas ekspres sebuah syarikat swasta yang membawa penumpang yang terdiri daripada 34 pelajar UMS, seperti yang dilakukan oleh *Borneo Post Online* (*Borneo Post Online*, 2016). Seseorang juga boleh memeriksa laman web yang dicipta untuk mengenalpasti dan menangani berita palsu dan *hoax*, seperti *Sebenarnya.my* dan *Factcheck.org*




5. Tarikh penerbitan—adakah ia artikel/berita yang sudah terlalu lama?

Kadang-kadang, informasi dari masa lalu digunakan kembali dalam konteks yang salah pada masa kini dan menyumbang kepada penyebaran informasi yang tidak tepat.

6. Gambar—adakah ia telah disunting atau merupakan satu penipuan? Atau adakah ia benar?

Kadang-kadang, ia mungkin gambar sebenar mengenai sesuatu peristiwa. Tetapi adakah gambar itu sesuai digunakan untuk menerangkan artikel tersebut? Untuk membantu anda mengenal pasti kesahihan gambar, anda boleh melakukan carian gambar di google dengan menekan ikon kamera dan memuat naik gambar yang ingin dicari. Kemudian, hasil carian akan menunjukkan gambar yang serupa dengan gambar yang anda cari, beserta perincian bagaimana dan bila gambar-gambar itu digunakan.



7. Elakkan artikel yang mencurigakan dan jangan sebar/kongsikan. Artikel di bawah adalah salah satu berita palsu yang tersebar di Malaysia pada tahun 2021. Seperti yang anda lihat, berita tersebut bertujuan untuk tampil sah dengan menggunakan kata seperti "kenyataan media" dan logo Pejabat Perdana Menteri. Tetapi artikel ini sebenarnya merupakan contoh berita palsu yang bertujuan untuk menarik perhatian pembaca.



8. Berita palsu atau satira dihasilkan agar kelihatan benar dan sahih. Ini menyebabkan pembaca menjadi keliru, seperti yang terjadi kepada Ketua Polis Negara sebelumnya ketika dia mempercayai dan berkongsi artikel "berita" yang disebarluaskan dari U.S. (The Star, 2019):



RUJUKAN

Aufderheide, P. (1993). Media Literacy. A Report of the National Leadership Conference on Media Literacy. Aspen Institute, Communications and Society Program, 1755 Massachusetts Avenue, NW, Suite 501, Washington, DC 20036.

Bovet, A., & Makse, H. A. (2019). Influence of fake news in Twitter during the 2016 US presidential election. *Nature communications*, 10(1), 1-14.

Bus carrying UMS students lands on its side. (2016, Jun 8). Borneo Post Online. Diakses di <https://www.theborneopost.com/2016/06/08/bus-carrying-ums-students-lands-on-its-side/>

Cappello, G., Felini, D., & Hobbs, R. (2011). Reflections on global developments in media literacy education: Bridging theory and practice. *Journal of media literacy education*, 3(2), 1.

Chan, D. (2020, Mei 19). Tabligh cluster now responsible for almost half of Covid-19 cases in Malaysia. NST Online. Diakses di <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/593922/tabligh-cluster-now-responsible-almost-half-covid-19-cases-malaysia>

Covid-19 Fueling Anti-Asian Racism and Xenophobia Worldwide. (2020, Oktober 28). Human Rights Watch. Diakses di <https://www.hrw.org/news/2020/05/12/covid-19-fueling-anti-asian-racism-and-xenophobia-worldwide>

De Abreu, B. S. (2019). Teaching media literacy. American Library Association.

Don, Z. M., & Lee, C. (2014). Representing immigrants as illegals, threats and victims in Malaysia: Elite voices in the media. *Discourse & Society*, 25(6), 687–705. <https://doi.org/10.1177/0957926514536837>

European Commission (2007) A European Approach to Media Literacy in the Digital Environment. Diakses di http://ec.europa.eu/avpolicy/media_literacy/docs/com/en.pdf

Fuchs, C. (2015). Culture and Economy in the Age of Social Media (1st ed.). Routledge.

Gainer, J. S. (2010). Critical media literacy in middle school: Exploring the politics of representation. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 53(5), 364-373.

Goodman, S. (2003). Teaching youth media: A critical guide to literacy, video production & social change (Vol. 36). Teachers College Press.

Harris Zainul & Farlina Said, (2020, Ogos). The COVID-19 Infodemic in Malaysia Scale, scope and policy responses. Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia. Diakses di https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2020/08/FAKE-NEWS_REV.pdf

Hermida, A., Fletcher, F., Korell, D., & Logan, D. (2012). SHARE, LIKE, RECOMMEND. *Journalism Studies*, 13(5-6), 815-824. <https://doi.org/10.1080/1461670x.2012.664430>, p. 820

Hobbs R (2006). Multiple visions of multimedia literacy: emerging areas of synthesis. In: McKenna M et al. (eds) *International Handbook of Literacy and Technology*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum, 15–26.



Hobbs, R., Seyferth-Zapf, C., & Gafe, S. (2018). Using virtual exchange to advance media literacy competencies through analysis of contemporary propaganda. *Journal of Media Literacy Education*, 10(2), 152-168.

Idris, S. H. (2021, Jun 3). Perniagaan terjejas gara-gara mesej palsu Covid-19. Utusan Digital. Diakses di <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/perniagaan-terjejas-gara-gara-mesej-palsu-covid-19/>

Ismail, A., Ahmad, M. K., & Mustaffa, C. S. (2017). Investigative Journalism in Malaysia: The Battle Between Outside and Inside Newsroom Challenges. *SHS Web of Conferences*, 33, 00079. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20173300079>

Jalli, N. (2019, Mei 31). Rusuhan di Indonesia: Adakah sekatan media cara terbaik? Berita Harian. Diakses di <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/05/570023/rusuhan-di-indonesia-adakah-sekatan-media-cara-terbaik>

Jalli, N., & Idris, I. (2019, November). Fake news and elections in Two Southeast Asian Nations: A comparative study of Malaysia general election 2018 and Indonesia presidential election 2019. In International Conference on Democratisation in Southeast Asia (ICDeSA 2019), Atlantis Press.

Journalism, "Fake News" and Disinformation: A Handbook for Journalism Education and Training. (2021, May 7). UNESCO. <https://en.unesco.org/fightfakenews>

Karim, L. A. A. (2021, Mac 12). 287 kertas siasatan kes berita palsu dibuka. Berita Harian. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/795473/287-kertas-siasatan-kes-berita-palsu-dibuka>

Kemp, S. (2021, Februari 11). Data Reportal - Digital 2021: Malaysia. Data Reportal. Diakses di <https://datareportal.com/reports/digital-2021-malaysia>

Khan, M. L., & Idris, I. K. (2019). Recognise misinformation and verify before sharing: a reasoned action and information literacy perspective. *Behaviour & Information Technology*, 38(12), 1194-1212.

Koltay, T. (2011). The media and the literacies: Media literacy, information literacy, digital literacy. *Media, Culture & Society*, 33(2), 211-221.

L1GHT. 2020. "Rising Levels Of Hate Speech & Online Toxicity During This Time Of Crisis".

Livingstone, S. (2004). Media literacy and the challenge of new information and communication technologies. *The communication review*, 7(1), 3-14.

Loheswar, R. (2020, Mac 24). Minister clarifies Covid-19 fund for everyone in need, not just Muslims. Malay Mail. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/24/minister-clarifies-covid-19-fund-for-everyone-in-need-not-just-muslims/1849792>

Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2019). Internet Users Survey 2018. (p. 4). Cyberjaya: MCMC

Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2020, Disember 10). Laporan Berita Yang Melaporkan Kononnya Datuk Seri Najib Tun Razak Dilantik Sebagai Penasihat Ekonomi Adalah Tidak Benar. SEBENARNYA.MY. Diakses di <https://sebenarnya.my/laporan-berita-yang-melaporkan-kononnya-datuk-seri-najib-tun-razak-dilantik-sebagai-penasihat-ekonomi-adalah-tidak-benar/>

Mason, L. E., Krutka, D., & Stoddard, J. (2018). Media literacy, democracy, and the challenge of fake news. *Journal of Media Literacy Education*, 10(2), 1-10.

Melki, J. (2017). Guest editorial: Towards a media literacy of the oppressed. *MERJ*, 8(1), 5-14.

Moeller, S. D., National Endowment for Democracy, & NED. (2009). Media literacy: Understanding the news. Center for International Media Assistance.

Mohd Hanafiah, K., & Chang, D. W. (2020). Public knowledge, perception and communication behavior surrounding COVID-19 in Malaysia. p. 21. <https://doi.org/10.31124/advance.12102816.v1>

Murrock, E., Amulya, J., Druckman, M., & Liubyva, T. (2018). Winning the war on state-sponsored propaganda: Results from an impact study of a Ukrainian news media and information literacy program. *Journal of Media Literacy Education*, 10(2), 53-85.

Mustafa, M. (2017, Mei 14). Wanndy, From Kampung boy to Islamic State terrorist. *The Malaysian Insight*. Diakses di <https://www.themalaysianinsight.com/s/2882>.

Ochwat, M. (2020). Myanmar media: Legacy and challenges. *The Age of Human Rights Journal*, (14), 245-271.

Pakatan proposes own Bill to safeguard sensitivities. (2018, Julai 24). *The Star*. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/25/pakatan-proposes-own-bill-to-safeguard-sensitivities>

Palansamy, Y. (2021, Sep 3). Over 1,200 academics join media literacy programme to fight misinformation, fake news Friday, 03 Sep 2021 06. Diakses di <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/09/03/over-1200-academics-join-media-literacy-programme-to-fight-misinformation-f/2002757>

Reuters (2021, April 1). Myanmar junta cuts internet, protesters say they will not surrender. *Reuters*. Diakses di <https://www.reuters.com/article/us-myanmar-politics/myanmar-junta-cuts-internet-protesters-say-they-will-not-surrender-idUSKBN2BP06T>

Salleh, S. M., Shamshudeen, R. I., Abas, W. A. W., & Tamam, E. (2019). Determining media use competencies in media literacy curriculum design for the digital society: A modified 2-wave delphi method. *SEARCH (Malaysia)*, 11(1), 17-36.

Simmons, T. (2018). Media Literacy and Fake News: How Media Literacy Can Curb the Fake News Trend. In *Handbook of Research on Media Literacy in Higher Education Environments* (pp. 255-268). IGI Global.

Syed Arabi Idid. (2019, Mei). "More Than Fake News... Opinion Manipulation Forum Fake News And Politics In Malaysia." *Kertas Persidangan*, diakses di <https://www.researchgate.net/publication/333031531>



- The Pandemic and the Infodemic: Disinformation in the Modern Age. (2020, Oktober 20). UNESCO. Diakses di <https://en.unesco.org/news/pandemic-and-infodemic-disinformation-modern-age>
- Tiada bukti saintifik daun semambu boleh rawat Covid-19: Pakar. (2020, Mac 26). Sinarharian.Diakses di <https://www.sinarharian.com.my/article/75774/KHAS/Covid-19/Tiada-bukti-saintifik-daun-semambu-boleh-rawat-Covid-19-Pakar>
- UMS bus lands on side: 34 hurt. (2016, Jun 8). Daily Express Online - Sabah's Leading News Portal. Diakses di <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=110415>
- UN News. (2015, Disember 17) Internet, Social Media Help ISIS to Recruit 30,000 fighters. United Nation News. Diakses di <https://news.un.org/en/audio/2015/12/607712>
- White, A. (2021, April 24). Ethical journalism: back in the news. UNESCO. Diakses di <https://en.unesco.org/courier/july-september-2017/ethical-journalism-back-news>
- Wu, L., Morstatter, F., Carley, K. M., & Liu, H. (2019). Misinformation in Social Media: Definition, Manipulation, and Detection. ACM SIGKDD Explorations Newsletter, 21(2), 80–90. <https://doi.org/10.1145/3373464.3373475>
- Zainuddin, Z. M. (2020, Oktober 22). Mangsa scam rugi RM 914 juta tahun ini. Berita Harian. Diakses di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/745272/mangsa-scum-rugi-rm914-juta-tahun-ini>
- Zuboff, S. (2018). The Age of Surveillance Capitalism: The Fight for a Human Future at the New Frontier of Power (Illustrated ed.). PublicAffairs.
- Memperkasa pendidik Malaysia melalui gerakan literasi media (2021, Mac 16). Diakses di <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/memperkasa-pendidik-malaysia-melalui-gerakan-literasi-media-288445>
- Kok, K. H., Mohammad Yasin, R. & Amin, L. (2019). Pemupukan Kemahiran Literasi Era Digital Dengan Modul Interdisiplin STEM 1. Kajian dibentangkan di National Conference in Education Research 2018At: Institute of Teacher Education, Bangi, Malaysia.

Bab 2

MAKLUMAT PALSU DAN LITERASI MEDIA & INFORMASI





Maklumat Palsu dan Literasi Media & Informasi

HARRIS ZAINUL

SINOPSIS

Dalam bab ini, pelajar akan mendalami tentang disinformasi dan literasi media. Bab ini akan terbahagi kepada dua komponen; yang pertama menggariskan persoalan "mengapa", merujuk kepada mengapa terdapat keperluan untuk tipologi baharu bagi menerangkan masalah utama dengan maklumat palsu. Kemudiannya membawa kepada isu politik yang masih baharu terutamanya istilah "berita palsu" dan akibatnya. Perkara ini diikuti dengan tipologi maklumat palsu iaitu; misinformasi, disinformasi dan malinformasi (*Mal-information*), seperti yang diadaptasi daripada Wardle et al. Komponen pertama kemudiannya diakhiri dengan cabaran dunia sebenar seperti yang dikaitkan dengan niat untuk membuktikan, faktor utama perbezaan antara misinformasi dan disinformasi, serta perkara yang boleh menjadi salah apabila kita terlalu bergantung kepada perundungan untuk menangani isu-isu tersebut. Komponen kedua pula, lebih praktikal dan bermula dengan percontohan kes dan meneliti kepentingan literasi media dan maklumat. Berdasarkan hal ini, penulis memperlihatkan faktor pendorong di sebalik penyebaran maklumat palsu, perkara yang boleh dilakukan oleh seseorang (dan dilakukan dengan lebih baik), dan yang paling penting, cara mengesahkan sumber dan memahami kepentingan menjadi pengguna atau pembuat kandungan yang beretika dan bermaklumat. Selain itu, pelajar juga akan memahami tentang etika media, kebebasan editorial di bilik berita Malaysia dan kepentingan pluralisme media.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran bab ini adalah seperti berikut:

1. Untuk memahami perbezaan di antara pelbagai jenis penyebaran maklumat palsu seperti misinformasi, disinformasi dan malinformasi
2. Untuk mendalami kesan yang wujud akibat pengawalan maklumat yang salah
3. Untuk memahami kepentingan literasi media dan maklumat
4. Untuk mengetahui bagaimana untuk membezakan dan mengenal pasti maklumat palsu serta perkara yang boleh dilakukan untuk mengesahkan sumber.

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas melengkapkan modul ini, pelajar akan berupaya untuk:

- Memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang mengapa istilah "berita palsu" bermasalah dan tipologi moden maklumat palsu perlu lebih diutamakan.
- Memahami keadaan sebenar kesukaran membezakan misinformasi daripada disinformasi, termasuk akibat apabila melakukan kesalahan ini.
- Menghargai kesukaran yang wujud dalam mengawal selia maklumat palsu.
- Lebih berkebolehan untuk mengenal pasti dan menilai kesahihan maklumat yang diterima.

PENGENALAN

Kebimbangan dan isu yang berkaitan dengan maklumat palsu telah wujud sejak dahulu lagi. Namun, kemunculan serta penggunaan media sosial yang hampir di mana-mana pada dasarnya telah menjadi penggalak utama di dalam masalah ini. Apa yang paling teruk, seorang pelaku yang berniat jahat boleh mencipta maklumat palsu yang sekali pandang akan dianggap sahih. Setelah disebarluaskan di media sosial, capaiannya hanya terhad kepada jalur lebar dan mampu mengorbankan demokrasi dan keharmonian negara. Paling membingungkan, semua ini boleh dilakukan tanpa menggunakan nama dan boleh dilakukan dari mana-mana lokasi di dunia.

Walau bagaimanapun, satu kaveat perlu dijelaskan kerana perkara di atas mewakili senario terburuk. Lebih-lebih lagi, maklumat palsu yang lapuk seperti bohong sunat (*white lie*), kepalsuan kerana kepercayaan yang salah dan sebagainya, secara relatifnya adalah tidak berbahaya. Hal ini menunjukkan fakta penting untuk dihayati. Segala spektrum bahaya yang disebabkan oleh maklumat palsu adalah sangat luas dan tidak semua kes ini perlu ditangani dengan undang-undang.

Dalam konteks yang lebih terkini, kemunculan virus Covid-19 telah membawa kepada banyak ketidakpastian apabila ia pertama kali dilaporkan pada Disember 2019. Walaupun lebih banyak maklumat ditemui dan diketahui pada tahun berikutnya, termasuk pembangunan vaksin yang selamat dan berkesan, jangka masanya sudah pasti ditandai dengan banyak kekeliruan dan ketakutan yang seterusnya menyumbang kepada lonjakan dalam penerimaan maklumat palsu. Sehubungan itu, terdapat 254 siasatan polis mengenai "berita palsu" yang melibatkan pandemik Covid-19 di antara 18 Mac 2020 dan 23 Jun 2021.


Dengan isu berkaitan maklumat palsu dan maklumat lain yang tidak menunjukkan tanda-tanda untuk reda, adalah amat penting pada masa ini untuk orang ramai melengkapkan diri mereka dengan kemahiran literasi media dan maklumat serta memahami pelbagai aspek penyeleweng maklumat.



Mengapa Istilah Analog Tidak Sesuai Untuk Era Digital?


Permasalahan mengenai maklumat palsu telah wujud sejak dahulu lagi. Malah, Pope Francis telah mencadangkan bahawa "berita palsu" berasal daripada kisah Adam dan Hawa dan pembohongan licik tentang epal, yang kemudiannya menyebabkan mereka diusir dari taman syurga. Dari perspektif tempatan pula, sebelum kewujudan media sosial, rakyat Malaysia sering mendengar berita-berita mengenai surat layang yang merujuk kepada dakwaan palsu yang dibuat terhadap seseorang mangsa. Namun, baru-baru ini, wujudnya blog-blog politik yang dikendalikan oleh individu yang memikul tugas utama untuk menyebarkan khabar angin, maklumat separuh benar dan kadangkala pembohongan secara terang-terangan sebagai senjata untuk melemahkan lawan atau sasaran politik mereka.

Terdapat tiga perbezaan yang perlu diketengahkan antara maklumat palsu yang diedarkan melalui surat layang pada waktu dahulu dan blog politik pada masa sekarang.




Pertamanya, media sosial pada asasnya telah mengalih sebarang halangan masuk untuk membuat kandungan. Malah, sesiapa sahaja yang mempunyai sambungan internet yang cukup baik, berupaya untuk memiliki akaun namun, sama ada ia digunakan untuk tujuan produktif atau jahat, ianya boleh dianggap sebagai perkara kedua. Hal ini berbeza dengan keadaan sebelum ini yang lebih sukar untuk menyebarkan sebarang kandungan kepada orang ramai dan apabila ia boleh dilakukan, ia seringkali melibatkan akhbar arus perdana yang memiliki editor profesional dan dikawal dengan piawaian kewartawan yang ketat. Hal ini bermakna, maklumat palsu pada masa lalu berkemungkinan memiliki jumlah khalayak yang terhad atau terlebih dahulu ditapis oleh pasukan-pasukan editorial yang wujud. Faktor-faktor ini tidak lagi relavan pada hari ini, yang mana sesiapa sahaja boleh menghasilkan kandungan asli, malah jika ditambah dengan dedikasi secukupnya, sesiapa sahaja mampu memiliki jumlah pengikut yang memuaskan.

Peratusan pengguna internet yang berkongsi kandungan dalam talian
Sumber: Tinjauan Pengguna Internet SKMM 2020



3 jenis kandungan teratas yang dikongsi
Sumber: Tinjauan Pengguna Internet SKMM 2020



Perbezaan kedua pula adalah berkaitan dengan capaian kandungan. Pada masa lalu, sejauh mana ketercapaian kandungan dihadkan oleh jangkauan rangkaian pembuat kandungan atau khalayak. Perkara ini bermakna, jangkauan kandungan berkemungkinan telah dihadkan oleh beberapa limitasi yang wujud. Namun, berbeza dengan masa kini, di mana sesuatu berita dari suatu sudut dunia mampu disebarluaskan dengan beberapa minit atau saat sahaja. Apa yang membezakannya adalah had setiap capaian terhadap sesuatu kandungan itu samada ianya menarik untuk dikongsi atau tidak, penggunaan bahasa dan juga bagaimana ia ditularkan.

Perbezaan ketiga pula merujuk kepada bagaimana media sosial itu tersedia untuk perkongsian maklumat. Perkara ini bergantung kepada platform media sosial terbabit sama ada dalam bentuk "kongsi" (*share*) atau "ciapan semula" (*retweet*) atau aplikasi komunikasi yang memiliki butang "maju" (*forward*). Kesemuanya tersedia untuk memudahkan pengguna. Ciri perkongsian maklumat ini amat "mesra pengguna" sehingga dikatakan sebagai punca penyebaran maklumat palsu secara meluas. Namun demikian, platform media sosial seperti *Twitter* telah memperkenalkan fungsi pertanyaan sama ada pengguna ingin membaca artikel terlebih dahulu apabila pengguna tersebut cuba untuk mengulang ciapan sesuatu berita. Pada masa yang sama, aplikasi *WhatsApp* turut menekankan sesuatu mesej itu telah dikongsikan beberapa kali dan turut menghadkan jumlah penerima perkongsian dalam satu masa yang sama. Matlamat utama fungsi-fungsi ini diwujudkan adalah untuk mewujudkan "perselisihan" dalam proses perkongsian maklumat.


Berdasarkan perkara di atas, telah jelas bahawa di dalam dunia digital pada masa kini, istilah-istilah yang dicipta semasa era analog tidak akan mencukupi untuk menggambarkan keadaan apa yang berlaku dalam persekitaran maklumat kita.



Mengarusperdanakan dan mempolitikkan "berita palsu" serta akibatnya



Hari ini, istilah "berita palsu" sering kali dikaitkan dengan bekas Presiden AS Donald Trump. Walaupun hujah ini masih dipertikaikan mengenai siapa yang mula-mula mencipta istilah tersebut, dunia hampir mencapai persetujuan bahawa bekas presiden AS itu telah mempopularkan istilah ini dan membawanya ke arus perdana.



Google Trends telah menegaskan minat terhadap perkataan "berita palsu" dalam tempoh pentadbiran pra-Trump (2015-2016), di peringkat global dan Malaysia, berada di kemuncak antara 5 hingga 10% pada Mac 2020. Apa yang menarik ialah, diakhir tempoh pentadbirannya, minat terhadap kata kunci itu turut berkurangan. Namun, apa yang penting, dalam tempoh pasca Januari 2021, selepas Presiden Biden mengangkat sumpah, minat terhadap "berita palsu" kekal lebih tinggi daripada tempoh sebelum Trump. Paling ketara sepanjang tempoh sampel diambil, minat terhadap perkataan "berita palsu" sama ada di peringkat global atau di Malaysia adalah hampir sama.


Tanpa mengira populariti hasil carian, fakta yang tidak dapat dinafikan ialah istilah itu telah memasuki leksikon harian pada masa ini. Walaubagaimanapun, bekas presiden Trump telah menyalahgunakan istilah itu dan menggunakan untuk melabelkan sebarang jenis maklumat yang tidak sesuai dengannya atau agenda politiknya. Walaupun hakikatnya, maklumat tersebut benar ataupun tidak, adalah tidak penting kerana sebarang maklumat boleh dilabelkan sebagai "berita palsu". Perkara ini telah meninggalkan kesan kepada istilah "berita palsu" terutamanya di dalam dunia politik sehingga ia menjadi suatu makna yang tidak berguna dalam mana-mana wacana yang bermakna pada diakhir terma presidensi beliau.



Apa yang penting, walaupun disebabkan oleh penyalahgunaan istilah "berita palsu" yang bermula dengan Trump, istilah ini telah diterima pakai oleh pelbagai kerajaan di seluruh dunia untuk menangani masalah maklumat palsu. Perkara ini pada akhirnya ternyata menjadi suatu janji palsu. Berdasarkan panduan yang disediakan oleh Institut Poynter, berkenaan dengan tindakan anti-misinformasi di seluruh dunia terhadap 55 negara, merangkumi dari Bahrain ke Bangladesh, dan termasuklah Amerika Syarikat ke Uganda, telah memperkenalkan beberapa bentuk sekatan terhadap maklumat salah. Sekatan ini datang dalam pelbagai bentuk, termasuk peraturan media, pengiklanan, ucapan kebencian dan peraturan internet.

Di Malaysia pula, kerajaan telah memperkenalkan dua undang-undang khusus untuk menangani "berita palsu" sejak 2018. Yang pertama ialah Akta Anti Berita Palsu 2018 yang kini dimansuhkan (selepas ini dirujuk sebagai AFNA 2018), dan telah diperkenalkan sejurus sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 pada bulan Mei 2018. Undang-undang kedua, merujuk kepada Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2021 (dirujuk sebagai EO2). Undang-undang kedua ini diperkenalkan semasa keadaan kecemasan untuk menangani pandemik Covid-19. Pada asasnya, AFNA 2018 menghukum pembuat, individu yang berkongsi dan pembiaya "berita palsu" dengan denda sehingga RM500,000 dan/atau penjara selama tempoh sehingga 10 tahun. Sementara itu, EO2 pula menjenayahkan pembuat, pemberi tawaran, penerbit dan pengedar "berita palsu" dengan denda sehingga RM100,000 dan/atau penjara sehingga 3 tahun. (Kritikan terhadap undang-undang ini boleh dirujuk di dalam rajah berikut).






Relevannya dengan perbincangan pada masa kini ialah bagaimana percubaan untuk menggubal "berita palsu" sememangnya bermasalah kerana istilah itu sendiri tidak jelas. Sebagai contoh, AFNA 2018, pada dasarnya menjadikan pembuatan dan perkongsian sebarang jenis maklumat palsu sebagai jenayah. Hal ini tidak masuk akal kerana tidak semua jenis maklumat palsu tersebut membahayakan seseorang. Sementara itu, contoh yang lebih terkini, EO2 sebagai usaha untuk mengurangkan kebimbangan melayakkan jenayah itu jika ia "berkemungkinan menyebabkan ketakutan mencemaskan kepada orang ramai". Namun, dengan mengetepikan niat yang murni, perkara ini masih sangat samar-samar kerana apakah sebenarnya yang berpotensi untuk menakutkan atau mencemaskan orang ramai?

Kepentingan Tipologi Untuk Maklumat Palsu

Dengan persoalan "mengapa" dan "bagaimana" berita palsu diselesaikan walaupun dalam keadaan yang bermasalah, persoalan yang lebih logik adalah "apa" - iaitu, apa yang sepatutnya digunakan untuk menerangkan maklumat palsu. Kebanyakannya sarjana bersetuju bahawa kajian Claire Wardle et al, di dalam *FirstDraft* memberi penerangan penting mengenai perkara ini. Kajian yang diterbitkan pada tahun 2017 itu mencadangkan tiga jenis maklumat palsu yang dibezakan dengan niat dan bahaya. Jenis pertama ialah misinformasi, yang ditakrifkan sebagai maklumat yang palsu, tetapi tidak dicipta dengan niat untuk menyebabkan kemudaratian. Yang kedua pula ialah disinformasi, yang ditakrifkan sebagai maklumat yang palsu dan sengaja dicipta untuk membahayakan seseorang, kumpulan sosial, organisasi atau negara. Manakala yang ketiga, malinformasi yang ditakrifkan sebagai maklumat yang berdasarkan realiti dan digunakan untuk mendatangkan bahaya kepada seseorang, organisasi atau negara.

Types of false information

Source: FirstDraft



Perlu ditekankan di sini ialah bagaimana misinformasi, disinformasi dan malinformasi bukanlah suatu tipologi baharu. Tetapi, sebaliknya mencerminkan bidang penyelidikan dan kajian yang semakin berkembang di sekeliling ekosistem maklumat. Namun, istilah baharu diperlukan untuk membezakan pelbagai jenis maklumat palsu, niat dan motivasi di sebaliknya, selain jenis bahaya yang mungkin wujud disebabkan oleh penyebaran maklumat palsu. Bab sebelum ini memperlihatkan apa yang berlaku disebabkan oleh ketiadaan istilah yang tepat terhadap "berita palsu" yang tidak mampu membezakan faktor-faktor utama tersebut. Perkara ini boleh menyebabkan orang ramai dihukum tanpa mengetahui perkara yang sebenarnya.

Apa yang penting, takrifan-takrifan ini masih lagi baru disebabkan oleh kajian yang masih diperengkat awal mengenai ekosistem maklumat palsu. Perkara ini mencerminkan bagaimana ekosistem ini telah berkembang sepanjang tahun dan dekad sejak penciptaannya dan seterusnya penggunaan platform media sosial serta aplikasi komunikasi dan juga kewujudan isu yang berkaitan dengan penggunaannya. Sebagai penulis, kami bersyukur kerana tipologi utama telah muncul untuk diterangkan serta diuraikan, dan yang paling penting, dapat mendidik tentang isu-isu yang terdapat di dalam ekosistem maklumat melalui istilah yang diterima umum ini.

Membezakan Antara Maklumat Yang Salah dan Salah Maklumat

Untuk melakukan pendakwaan yang berjaya atau prosiding jenayah yang kukuh, dua elemen utama perlu dibuktikan di mahkamah. Elemen-elemen ini adalah seperti *Actus Reus*, yang merujuk kepada perbuatan yang salah. Seterusnya pula, *Mens Rea* yang menggambarkan tertuduh memiliki pemikiran bersalah. Secara umumnya, apa yang dikatakan sebagai "perbuatan bersalah" merujuk kepada tindakan yang dilakukan secara terang-terangan dalam melakukan jenayah, yang membawa maksud seseorang itu benar-benar melakukan sesuatu berbanding hanya menahan diri dari melakukan sesuatu jenayah.

Perkara ini juga bermakna, pemikiran yang tidak baik dengan sendirinya tidak boleh disabitkan kesalahan yang boleh dihukum. Oleh yang demikian, istilah *Mens Rea* merujuk kepada niat disebalik perbuatan dan dengan pengecualian kes yang melibatkan isu liabiliti, ketiadaan niat biasanya akan membebaskan jenayah daripada pertuduhan terbabit.

Suatu perkara yang relevan dengan modul disinformasi ini, sesungguhnya ia lebih mudah untuk dibicarakan berbanding untuk membuktikan niat seseorang itu. Sebagai contoh, kedua-dua AFNA 2018 dan EO2 menjadikan perkongsian maklumat palsu sebagai sesuatu perbuatan yang boleh dihukum. Sebagai contoh, satu isu yang diketengahkan di dalam sebuah kes yang dilaporkan oleh Bernama pada Ogos 2020, melibatkan seorang wanita yang didakwa menyebarkan maklumat palsu berkaitan dengan penutupan pasar raya di Pulau Pinang. (Kes ini disiasat di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan).

Apa yang didakwa dikongsi wanita itu di Facebook...

Kes yang disyaki di Flat Tuna telah disahkan positif. Pesakit pergi membeli-belah di Billion, Bandar Sunway. Berbilion telah ditutup sehingga tarikh yang akan diumumkan kemudian untuk sanitasi.



Tiga konteks utama di sini ialah pertamanya, pihak Sunway kemudiannya telah menjelaskan bahawa tiada kes positif Covid-19 pada tempoh masa dan di lokasi tersebut. Hal ini bermakna, maklumat yang dikongsikan beliau lebih berkemungkinan adalah tidak palsu. Yang kedua pula, ianya tidak dianggap sebagai motivasi atau niat di sebalik perkongsian maklumat tersebut. Konteks yang ketiga dan lebih penting pula ialah, bagaimana maklumat terbabit dikongsi semasa pandemik yang memperlihatkan tempoh masa kebimbangan semakin memuncak. Pada waktu ini juga, orang ramai secara semula jadi ingin berkongsi maklumat yang mereka rasakan boleh memberi manfaat atau membantu orang lain.

Melihat kepada konteks kedua dan ketiga pula, dengan kadar literasi digital di negara yang masih lemah, telah menunjukkan kenapa dan bagaimana seseorang individu mungkin berkongsi maklumat yang berpotensi palsu. Perkara ini kemudiannya menimbulkan persoalan, adakah adil meletakkan kebebasan dalam menentukan kebenaran maklumat kepada pengguna, terutamanya apabila mereka sendiri tidak tahu yang mana lebih baik atau tidak dan juga adakah mereka menerima latihan literasi digital yang mencukupi.

Perkara di atas memperlihatkan keadaan yang jelas bahawa *Mens Rea*, atau pemikiran yang bersalah bukanlah suatu elemen yang mudah untuk dibuktikan di mahkamah. Perkara ini memang diakui oleh pihak pendakwa raya yang akan bertanggungjawab untuk mengendalikan kes, namun, perlu diakui bahawa walaupun pendakwa gagal dalam tugas terbabit, apabila melalui proses mahkamah akan memerlukan aspek kewangan dan masa. Selain itu, pertimbangan perlu dilakukan tentang bagaimana siasatan yang dijalankan bagi jenayah yang berpotensi dan kesan diheret ke mahkamah boleh menjadi pengalaman traumatis bagi orang biasa, kerana boleh dikatakan jenayah mereka hanya mengenai tidak mengetahui sesuatu dengan lebih baik.

Permasalahan Akibat Terlalu Bergantung Kepada Pendakwaan

Salah satu perkara utama yang perlu diambil kira apabila bercakap tentang pendakwaan adalah untuk mencapai keseimbangan antara menangani isu dan menghukum 'pembuat maklumat salah' dengan hak kebebasan bersuara yang lebih luas. Secara universal, hak untuk kebebasan bersuara diperuntukkan di bawah Perkara 19 Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, seperti yang dicerminkan di dalam Perkara 19 Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik. Di peringkat serantau, kebebasan bersuara diberikan di bawah Perkara 23 Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN. Di dalam negara, kebebasan ini diperuntukkan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Freedom of speech



Article 19 Universal Declaration on Human Rights

Everyone has the right to freedom of opinion and expression; this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media and regardless of frontiers.

Article 19 of the International Covenant on Civil and Political Rights

Everyone shall have the right to freedom of expression; this right shall include freedom to seek, receive and impart information and ideas of all kinds, regardless of frontiers, either orally, in writing or in print, in the form of art, or through any other media of his choice.



Article 23 of the ASEAN Human Rights Declaration

Every person has the right to freedom of opinion and expression, including freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information, whether orally, in writing or through any other medium of that person's choice.



Article 10 of the Federal Constitution of Malaysia

Subject to Clauses (2), (3) and (4)—
(a) every citizen has the right to freedom of speech and expression

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kebebasan bersuara seperti yang diperuntukkan di bawah instrumen undang-undang yang dinyatakan di atas - di peringkat antarabangsa, serantau dan domestik - tidak pernah mempunyai had kerana pengecualian kepada peraturan itu dibenarkan. Dalam keadaan ini, ia tidak bermakna bahawa kerajaan diberikan *carte blanche* dalam mengehadkan kebebasan bersuara, kerana sebarang percubaan untuk mengurangkan hak asasi kebebasan bersuara diperlukan untuk objektif yang sah dan langkah-langkah yang diambil mestilah berkadar dengan objektif terbabit seperti yang dikehendaki oleh kedaulatan undang-undang. Perkara ini akan memastikan bahawa kebebasan bersuara dilindungi dengan mengehadkannya hanya pada tahap yang benar-benar diperlukan dan mengurangkan peluang penapisan tidak langsung.

Selanjutnya, dengan menjelaskan objektifnya dan cara ia akan digunakan, perundangan yang dicadangkan akan mencapai kepastian undang-undang dengan lebih baik iaitu memastikan orang awam lebih berupaya untuk mengawal kelakuan mereka dengan sewajarnya. Perkara ini adalah kerana mana-mana perundangan tidak sepatutnya bertujuan untuk mendakwa semata-mata, tetapi juga menetapkan norma-norma yang boleh diterima.

Perundangan Malaysia yang disebut sebelum ini, seperti AFNA 2018 dan EO2 yang dimansuhkan bersama-sama dengan perundangan lain yang sebelum ini digunakan untuk menangani "berita palsu" seperti Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan, adalah gagal. Perkara ini disebabkan oleh mereka tidak menyampaikan dengan jelas jenis kandungan yang tidak boleh diterima di luar konsep yang kabur dan luas seperti EO2 "menimbulkan ketakutan atau kebimbangan kepada orang ramai", CMA "berniat untuk "mengganggu", dan "menjejaskan ketenteraman awam" Kanun Keseksaan. Hal ini menyebabkan orang ramai tidak dapat mengawal kelakuan mereka dengan sewajarnya dan sekali gus secara tidak langsung menjejaskan keberkesanan perundangan ini untuk menangani masalah "berita palsu".

Lebih-lebih lagi, wujudnya keperluan untuk mengelakkan pemikiran simplistik dalam mendiagnosis sesuatu masalah. Satu contoh pemikiran sedemikian ialah masalah dengan maklumat palsu disebabkan oleh kekurangan peraturan yang ketat. Penyokong aliran pemikiran ini berpendapat bahawa peraturan yang ketat diperlukan untuk menghalang orang ramai daripada mencipta dan berkongsi kandungan palsu. Mengikut kepada akal budi, Nagin (2013) mencadangkan bahawa, "kepastian sesuatu kebimbangan, bukan sesuatu keterukan akibat undang-undang, ia adalah satu bentuk penghalang yang lebih berkesan".

Memandangkan sebarang kepastian kebimbangan memainkan faktor penting dalam mewujudkan penghalang yang berkesan, maka amat penting untuk sebarang percubaan menghapuskan masalah itu dilengkapkan dengan kepakaran teknikal untuk mengenal pasti, menjelak dan menahan pembuat dan mereka yang berkongsi disinformasi. Namun, perlu digariskan bahawa mereka yang benar-benar terdorong untuk mencipta maklumat yang salah dan menyebabkan kemudaratkan akan berpotensi menyembunyikan identiti sebenar mereka melalui akaun media sosial palsu, menggunakan rangkaian persendirian maya (VPN) atau menjalankan operasi mereka di luar jangkauan perundangan kerajaan Malaysia. Ini satu perkara penting untuk dihayati iaitu hukuman yang lebih berat bukanlah sebagai suatu penamat, tetapi untuk menangani semua masalah maklumat palsu.



Selain daripada keberkesanan undang-undang yang telah dinyatakan secara berlebihan, pertimbangan lain juga diperlukan dalam usaha menangani masalah dengan maklumat palsu. Pertimbangan lain ini perlu meneliti tentang bagaimana, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, dalam mempunyai undang-undang untuk mengawal selia maklumat palsu yang boleh membawa kepada kesan yang mengerikan terhadap kebebasan bersuara yang lebih luas. Kebimbangan ini didorong apabila undang-undang "berita palsu" tidak jelas dalam objektif dan kebolehgunaannya, lalu mewujudkan senario di mana walaupun terdapat perbezaan pendapat yang sah yang boleh melanggar undang-undang. Walaupun sukar untuk mengumpul data tentang bilangan individu yang didakwa oleh undang-undang sedemikian di peringkat global namun, lihatlah bagaimana layanan terhadap wartawan dan bidang kewartawanan di seluruh dunia, kerana ianya mampu menjadi proksi kasar yang mencerminkan keadaan kebebasan bersuara di seluruh dunia.



Hal ini memandangkan media sering menjadi pemegang hak dan pemberi kebebasan bersuara dan sebarang sekatan terhadap kebebasan media sering mendahului penghakisan hak asasi yang lain. Sehubungan itu, layanan kerajaan terhadap media cenderung untuk menggambarkan pemahaman sebenar dan penghayatan hak kebebasan bersuara yang lebih luas. Di sini, fakta mengenai kewartawanan di 73% daripada 180 buah negara yang dinilai oleh *Reporters Without Borders* mendapati bahawa mereka "disekat sama sekali atau dihalang serius" atau "dikekang" pada 2021 dan fakta ini adalah membimbangkan.



Kesan sampingan yang dikesali daripada penyasar media ini membawa kepada penurunan kepada tahap penerimaan kebenaran dalam kalangan masyarakat. Barometer *Edelman Trust* (2021) mendedahkan tahap ketidakpercayaan orang ramai terhadap wartawan di 28 buah negara menunjukkan sebanyak 59% responden menjelaskan bahawa wartawan sengaja mencuba untuk mengelirukan orang ramai dengan melaporkan maklumat yang mereka tahu sebagai palsu.

Kepentingan Media dan Literasi Maklumat Mengenai Disinformasi

Kebenaran dan akses kepada kebenaran adalah asas kepada mana-mana demokrasi yang matang dan berkembang maju. Pertikaian idea dan ketiadaan dogma dalam wacana adalah perkara yang memberikan masyarakat keupayaan untuk menggubal dasar, melaporkan berita dan menilai secara kritis pembuatan keputusan di semua peringkat. Oleh itu, kebenaran mesti dilindungi dan tidak dicemari dengan maklumat palsu atau maklumat yang salah, kerana ini akan mencemarkan wacana demokrasi masyarakat.

Sekiranya disinformasi dibiarkan tanpa kawalan, ia akan menimbulkan risiko kepada masyarakat malah juga kepada keselamatan negara atau khalayak awam yang lebih luas. Sifat risiko adalah berbeza-beza berdasarkan tempat penyebaran maklumat yang salah. Sebagai contoh di Malaysia, kita boleh melihat risikonya dengan menitik beratkan beberapa faktor mudah. Terutamanya melihat Malaysia sebagai sebuah negara berbilang budaya dan agama dengan pelbagai retakan dan rekahan di sepanjang garis perbezaan ini. Perkara ini memudahkan pelaku yang berniat jahat untuk mengeksplorasi ketidakamanan masyarakat melalui disinformasi.

Case study 1: Real world consequences to disinformation



Case study 1: Comet Ping Pong Pizzeria

In 2016, the personal email account of John Podesta, presidential hopeful Hillary Clinton's campaign chair, was hacked and the emails published by WikiLeaks. Conspiracy theorists claimed that the emails contained coded messages that linked high-ranking Democratic Party leaders and various American restaurants with a human trafficking and child sex ring, including Comet Ping Pong. This 'Pizzagate' conspiracy theory was widely shared on social media and resulted in the restaurant's owners and employers being harassed online and in person, including receiving death threats via phone call.

The conspiracy theory spiralled. The restaurant was linked to Satanism, paedophilia and kidnapping. Events hit fever pitch a few months later when a man arrived at the pizzeria armed with a semi-automatic rifle and fired three shots inside the restaurant, later telling the police he wanted to "self-investigate" the conspiracy theory.

Hillary Clinton herself later responded to the conspiracy theory, saying that the "epidemic" of malicious fake news and fake propaganda that floods social media over the past year "can have real-world consequences".

Case study 2: Foreign interference in elections



Case Study 2: Foreign interference in elections

Over the past decade, we have seen Russia interfere with foreign elections throughout the Western world. From Russian hackers releasing private emails around the time of the US Presidential elections to cyberattacks and online disinformation campaigns. In 2015, the German Parliament was the victim of a Russia-linked cyberattack, while Scotland saw pro-Russia accounts on Twitter alleging voter fraud during the nation's independence referendum.

Other nations have also seen this unique brand of foreign interference: in Finland, Russian entities created fake Twitter accounts posing as parliament accounts, garnering thousands of followers. The United Kingdom has seen Russian actors sow discord between Britain and Northern Ireland, Sweden has seen 'fake news' websites pop up and election related websites across Europe have experienced cyberattacks over the years. ()

The dangerous reality is that no nation has formulated a foolproof method to counter these online disinformation campaigns and attacks, meaning that there is no solid defense. It is easy to see how the spread of disinformation during emotionally-charged, divisive periods such as a national election can result in a fractured society.

Malaysia turut tidak terlepas daripada disinformasi dan misinformasi, terutamanya semasa berlaku kekeliruan. Antara contohnya adalah termasuk;

- Serangan siber oleh pelaku yang berniat jahat.
- Misinformasi yang disebarluaskan melalui aplikasi pemesejan mengenai politik, kesihatan dan peristiwa semasa.
- Kebocoran kenyataan kerajaan sebelum kelulusan yang berpotensi membawa kepada kekeliruan dalam masyarakat.
- Disinformasi dan misinformasi berkaitan pandemik Covid-19.

Pandemik Covid-19 menyaksikan peningkatan dalam penyebaran 'berita palsu' dan ia dibantu oleh media sosial. Perkara ini boleh membahayakan masyarakat sekiranya dibiarkan kerana kewujudan pelbagai teori konspirasi dan berita palsu yang boleh menjelaskan fakta dan sains. Semasa pandemik, Malaysia menyaksikan retorik anti-vaksin disebarluaskan secara meluas dan pengurangan persepsi risiko terhadap virus itu sendiri.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Jolley dan Douglas, teori konspirasi mempunyai ketahan yang tinggi terhadap pembetulan. Hal ini bermaksud, apabila idea telah diterap di dalam minda individu adalah sangat sukar untuk meyakinkan mereka untuk mengubah fikiran. Percubaan untuk membongkar misinformasi boleh mencetuskan tentang kognitif terutamanya dalam isu yang berkaitan dengan sistem nilai atau ideologi.




Beberapa teori konspirasi 'infodemik' utama adalah seperti:

- Sesetengah vaksin adalah 'lebih baik' atau 'lebih selamat' daripada yang lain.
- Ubat parasit haiwan, *Ivermectin* menyembuhkan Covid-19.
- Ubat atau makanan 'tradisional' boleh menyembuhkan Covid-19.
- Makan durian sebelum atau selepas divaksin boleh menyebabkan kematian.

Mengapa Menyebarluaskan Maklumat Palsu?

Terdapat pelbagai punca mengapa individu atau organisasi menyebarluaskan sesuatu maklumat palsu. Kadangkala ia adalah suatu kesilapan yang jujur seperti menekan butang 'kongsi semula' tanpa berfikir terlebih dahulu kerana tahap literasi digital yang rendah. Namun, ada juga situasi yang berniat jahat. Sebagai contoh, propaganda dan percubaan untuk memanipulasi pendapat umum demi mengeksplorasi atau mempengaruhi sesuatu golongan masyarakat. Berikutnya, kita akan mengkaji sebab utama penyebaran kedua-dua disinformasi dan misinformasi.



Misinformasi

Misinformasi boleh disebarluaskan dengan mudah disebabkan oleh kesilapan manusia. Sebagai contoh, berita yang disalah faham, parodi atau siaran satira yang dianggap benar atau kenyataan yang diterbitkan oleh individu atau organisasi sebelum semakan fakta yang mencukupi dilakukan.

Jika seseorang individu tidak mempunyai literasi digital yakni, kemahiran yang diperlukan untuk hidup, belajar dan bekerja dalam masyarakat kita yang berteknologi tinggi, keadaan ini menyebabkan mereka akan mencipta semula misinformasi ini. Perkara ini boleh ditambah lagi dengan bias pengesahan yang berlaku apabila manusia berkecenderungan untuk mencari atau memihak kepada maklumat yang menyokong kepercayaan atau nilai sedia ada mereka. Hal ini memperlihatkan suatu aliran timbal balik, seperti mana di platform media sosial, yang mana mesej daripada pengiklan disesuaikan dengan mereka yang mungkin mempercayainya.

Bias pengesahan boleh membuatkan seseorang individu itu lebih terdedah kepada penyebaran maklumat yang salah, terutamanya apabila mereka akan kurang berusaha untuk mencari sumber yang boleh disahkan secara bebas. Keadaan ini ditambah lagi, jika mereka mempercayai sesuatu maklumat atau berita yang mencerminkan pandangan dan kepercayaan yang telah lama dipegang oleh mereka.

Disinformasi

Perbezaan antara misinformasi dan disinformasi adalah tentang niat seseorang. Walaupun kedua-duanya merujuk kepada maklumat palsu, disinformasi didorong oleh niat jahat atau keinginan untuk menipu.

Punca utama penyebaran disinformasi termasuklah juga kawalan persepsi, propaganda politik, tipu helah dan khabar angin tidak berasas yang boleh memberi kesan buruk kepada sasaran.

Penyebar utama disinformasi biasanya adalah *cybertroopers* atau '*troll*', terutamanya yang dikaitkan dengan kerajaan atau ahli politik. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, contoh utama adalah seperti operasi oleh ejen Rusia untuk mempengaruhi media sosial untuk cuba memberi kesan kepada pilihan raya AS melalui memupuk rasa tidak percaya dan menyebarkan naratif palsu.

Kajian Kes 3: Operasi pengaruh media sosial Rusia - Berbilang platform dan berspektrum penuh

Objektif	Platform	Tujuan dan Kelebihan
Penempatan	Utama: 4Chan, Reddit Sekunder: 8Chan, YouTube, Facebook	<ul style="list-style-type: none">Masukkan pemalsuan ke dalam perbincangan media sosial.Menyemai idea-idea konspirasi kepada khalayak yang disasarkan.Sebarkan "kompromat" pada musuh yang disasarkan, sama ada maklumat benar dan palsuMenyembunyikan atribusi Kremlin, memberikan penafian yang munasabah.
Penyebaran	Twitter	<ul style="list-style-type: none">Sebarkan naratif melalui akaun Kremlin secara terang-terangan dan berubah kepada pesona "<i>troll</i>".Memperbanyak cerita tentang khalayak sasaran terpilih dan naratif yang lebih baik yang menyokong matlamat Kremlin (membina propaganda menjadikan maklumat palsu kelihatan lebih dipercayai melalui pengulangan dan kelantangan).Menyuntik cerita ke dalam media arus perdana di seluruh dunia.Menyerang musuh politik, pakar dasar luar dan personaliti media lawan.



Objektif	Platform	Tujuan dan Kelebihan
Ketepuan	Utama: Facebook Sekunder: Google, LinkedIn, Instagram, Pinterest	<ul style="list-style-type: none"> Memperkuuhkan perpecahan politik dan sosial, menghakis kepercayaan terhadap demokrasi melalui perbincangan dan iklan. Mengambil kandungan daripada platform lain ke dalam perbincangan rakan dan keluarga yang dipercayai. Merekut khalayak sasaran untuk penciptaan/pengedaran propaganda organik atau provokasi fizikal (bantahan, perhimpunan atau keganasan).
Pengehosan	YouTube	<ul style="list-style-type: none"> Siaran propaganda terang-terangan yang mengaburi tangan Kremlin (RT) Memilih untuk berkongsi kandungan video kepada khalayak sasaran melalui penerbit dan wartawan, berbanding saluran televisyen standard.

Sumber: C. Watts (Foreign Policy Research Institute, Alliance for Securing Democracy, Centre for Cyber & Homeland Security)

Ahli politik kadangkala juga boleh menjadi sumber langsung disinformasi maklumat.

Kajian kes 4: Trump dan Twitter

Pada tahun 2021, Twitter telah mengharamkan akaun Twitter bekas Presiden AS Donald Trump secara kekal, dengan melabelkannya sebagai suatu "risiko melakukan hasutan keganasan" sebagai alasan. Larangan ini dibuat selepas Rusuhan di Capitol yang menyaksikan perusuh menyerbu masuk Bangunan Capitol dalam usaha untuk membantalkan kekalahan pilihan raya Trump. Rusuhan itu menyaksikan lima maut dan ramai tercedera.

Menurut Sam Woolley, pengarah penyelidikan propaganda di Universiti Texas di Pusat Penglibatan Media Austin, "penggunaan utama Twitter oleh Trump adalah untuk menyebarkan propaganda dan memanipulasi pendapat umum", dengan kajian CNBC mendapati bahawa tweet beliau yang paling disukai mengandungi maklumat palsu.

Maklumat palsu tersebut berkaitan dengan keputusan pilihan raya yang telah mencipta gerombolan penyokong dakwaan Trump walaupun bertentangan dengan kenyataan dan maklumat yang dikeluarkan oleh institusi atau pakar yang disemak dan ditubuhkan. Hal ini memperlihatkan bagaimana media sosial banyak digunakan dalam mengatur dan melaksanakan rusuhan dengan kepalsuan maklumat dari Trump merebak ke dalam kehidupan sebenar.

Beberapa tweet Trump yang paling disukai oleh pengikut beliau yang mengandungi maklumat palsu.

Tweet yang paling disukai) daripada @realDonaldTrump sejak perasmiannya, disenaraikan mengikut bilangan tanda suka. Tweet yang dilorek dengan warna kelabu mengandungi dakwaan) pilihan raya yang tidak benar.

Platform	Tarikh	Tanda Suka	Ulang Ciap
Tonight, @FLOTUS and I tested positive for COVID-19. We will begin our quarantine and recovery process immediately. We will get through this TOGETHER!	2 Oktober 2020	1.9 juta	409,000
Going well, I think! Thank you to all, LOVE!!!	3 Oktober 2020	1.2 juta	140,000
I WON THIS ELECTION, BY A LOT!	7 November 2020	1.2 juta	191,000
WE WILL WIN!	10 November 2020	1 juta	165,000
71,000,000 Legal Votes. The most EVER for a sitting President!	7 November 2020	978,000	158,000

Platform	Tarikh	Tanda Suka	Ulang Ciap
WE ARE LOOKING REALLY GOOD ALL OVER THE COUNTRY. THANK YOU!	3 November 2020	956,000	109,000
I will be making a statement tonight. A big WIN!	4 November 2020	925,000	133,000
VOTE! VOTE! VOTE! *(included video of himself dancing to YMCA)	3 November 2020	905,000	169,000
MERRY CHRISTMAS!	25 Disember 2020	835,000	105,000
A\$AP Rocky released from prison and on his way home to the United States from Sweden. It was a Rocky Week, get home ASAP A\$AP!	2 August 2020	821,000	226,000

Sumber: CNBC, Trump Twitter Arkib. Tidak termasuk ciapan semula daripada akaun lain

Apa yang boleh kita lakukan terhadap penyebaran misinformasi?

Bagi menangani isu misinformasi, penting untuk memahami terlebih dahulu mengapa sesuatu jenis maklumat tertentu menimbulkan respons yang lebih ketara. Hal ini telah terbukti bahawa apa yang digelar sebagai 'berita palsu' secara popular bergantung pada pencetus emosi yang kuat untuk menarik perhatian kita. Perkara ini boleh dilakukan melalui topik atau nada sesuatu perkongsian.

Misinformasi atau disinformasi boleh disebarluaskan dengan mudah terutamanya apabila melibatkan topik mengenai isu-isu hangat dalam kalangan masyarakat. Beberapa contoh termasuklah wabak Covid-19 dan keselamatan vaksin, isu perkauman, agama dan politik. Walaupun penting untuk membincangkan topik-topik ini untuk menyumbang kepada masyarakat yang saksama, adil dan demokratik, kita juga mesti melakukannya dengan cara yang bertanggungjawab berdasarkan fakta dan bukannya sentimen dan maklumat yang salah.

Satu lagi cara misinformasi dan disinformasi mudah disebarluaskan ialah apabila mereka yang berkongsi maklumat ini menggunakan nada dengan cara yang boleh mencetuskan, memberi tekanan atau menyinggung perasaan sesetengah individu dalam masyarakat. Perkara ini termasuklah ucapan kebencian, kata-kata kasar, penghinaan perkauman atau fitnah. Walaupun kebebasan bersuara membenarkan penghinaan dan kata-kata kasar, terdapat beberapa baris tertentu yang tidak boleh dibiarkan khususnya bahasa yang mengecam atau kesat. Oleh itu, apabila kita menangani penyebaran misinformasi, kita perlu mengambil kira kedua-dua faktor ini.

Untuk melawan misinformasi, kita perlu memahami bagaimana sesuatu media itu beroperasi. Terdapat sumber berita yang boleh dipercayai dan berkredibiliti yang melaporkan maklumat yang disahkan dan disemak faktanya dengan teliti. Namun terdapat juga laman web yang menggunakan umpan klik dan menulis berita yang belum disemak dengan teliti. Selain itu juga, isu mengenai tarikh akhir sesuatu berita juga penting. Wartawan sering bekerja dalam suasana yang kompetitif dan sensitif dengan masa, iaitu bermaksud mereka dalam keadaan tergesa-gesa untuk mengeluarkan berita, lalu amalan baik berkaitan semakan fakta boleh ditinggal atau terlepas. Oleh yang demikian, adalah penting untuk penerima berita mengesahkan apa yang mereka baca, sama ada ianya berita serius atau mesej yang dilanjutkan melalui aplikasi WhatsApp.



Terdapat beberapa cara untuk mengenal pasti berita palsu. Antaranya ialah:

- Membaca keseluruhan cerita dan bukan hanya melihat atau berkongsi berdasarkan tajuk. Tajuk berita selalunya boleh mengelirukan atau mensensasikan sesuatu berita untuk meningkatkan perkongsian media sosial.
- Semak saluran berita mana yang menerbitkan sesuatu karya tersebut. Terdapat perbezaan antara organisasi yang disahkan dan berkredibiliti seperti Reuters berbanding blog-blog dalam talian. Semak tarikh dan masa penerbitan. Kadangkala berita lama dari tahun-tahun lalu boleh muncul semula dan dikongsi jika pembaca tidak menyemak bila ia diterbitkan.
- Semak siapa pengarangnya. Adakah mereka terkenal dengan pandangan polarisasi? Adakah mereka pakar, ahli akademik atau aktivis? Adakah maklumat ini daripada sumber tanpa nama?
- Periksa pautan dan sumber yang digunakan – adakah ia sah, boleh dipercayai dan boleh disahkan? Contoh sumber yang boleh dipercayai termasuklah laman web akademik, artikel jurnal dan saluran berita yang sudah dipercaya.
- Berhati-hati dengan bias pengesahan. Baca untuk belajar dan memahami, bukan untuk mengesahkan idea dan nilai yang sedia ada.
- Semak sama ada saluran berita lain telah menerbitkan cerita yang sama. Penunjuk yang baik bahawa sesbuah maklumat berpotensi palsu adalah apabila hanya satu laman web yang membawa cerita terbabit.
- Fikir sebelum berkongsi! Ini adalah suatu peraturan penting dalam memerangi misinformasi dan disinformasi. Timbang tara secara kritis akibatnya, persoalkan fakta yang dikemukakan dan lakukan penyelidikan anda sendiri.

Kajian kes 5: Sebenarnya.my, Pasukan Respons yang pantas dan infodemik Covid-19

Pasukan respon pantas KKMM semak berita tular antara 30 minit hingga tiga jam

“Kecekapan dan kepentasan pasukan itu menyemak kesahihan sesuatu berita dapat dicapai melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan.”

Datuk Suriani Ahmad
Ketua Setiausaha KKMM

Sumber: BERNAMA

#kitateguhkitamenang #komunikasikita #stayathome

@JPenerangan Japenmalaysia Jabatan Penerangan Malaysia Jabatan Penerangan Malaysia

Apabila pandemik Covid-19 melanda Malaysia awal tahun 2020, pada masa yang sama, terma 'infodemik', telah dicipta oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Terma ini menerangkan tentang situasi di mana terdapat banyak maklumat sama ada, yang benar atau palsu, dan menyebabkan orang ramai tidak boleh membezakan maklumat. Di peringkat tempatan, misinformasi tentang asal-usul novel coronavirus, penawar, penyebaran dan kemudiannya keberkesanan vaksin diulang sehingga sering menjadi salah tanggapan biasa dalam wacana awam.

Sebagai tindak balas kepada masalah ini, kerajaan telah melengkapkan inisiatif semakan fakta yang sedia ada, laman web Sebenarnya.my, dengan Pasukan Tindak Balas Pantas untuk membetulkan salah tanggapan ini. Sehingga kini, kedua-dua inisiatif ini telah menyemak fakta dan manfaikan lebih daripada 300 maklumat palsu yang berbeza di negara ini.

Bagaimanakah kita boleh mengesahkan sumber dan mengamalkan penciptaan media yang beretika?

Adalah penting bagi pembuat kandungan media dan pengguna untuk lebih beretika dan bermaklumat. Perkara ini boleh dilakukan melalui pengesahan sumber dan mengamalkan etika media yang baik, memegang prinsip objektiviti, keadilan, keseimbangan, ketepatan dan kebenaran. Selain itu, menjadi pengamal media yang beretika memerlukan piawaian tertentu dan perlu digunakan sepanjang proses penghasilan sesuatu kandungan seperti:

1. Apabila mengumpul maklumat, hormati kerahsiaan, keselamatan dan persetujuan.
2. Apabila menyemak fakta, elakkan daripada pemikiran yang bias dan pastikan objektiviti.
3. Ketika menyampaikan maklumat, hormati keadilan, keseimbangan dan ketepatan.

Sudah tentu terdapat faktor luaran yang boleh memberi kesan kepada keupayaan pengamal untuk menyampaikan maklumat seadil boleh. Sebagai contoh, dalam bilik berita mungkin terdapat kekurangan kebebasan editorial yang merujuk kepada kebebasan wartawan untuk membuat keputusan tanpa campur tangan daripada pembiaya, parti politik atau syarikat yang mengiklan di media terbabit. Oleh kerana banyak bilik berita bergantung kepada pengiklan dan sokongan politik untuk dana, kumpulan ini mempunyai banyak kuasa ke atas arahan kewartawaran.

Tambahan pula, undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta Akta Hasutan boleh mendorong wartawan untuk berhati-hati dan tidak tersilap langkah dengan mengelak daripada menerbitkan apa-apa yang boleh menggusarkan kerajaan. Namun, hal ini bukan eksklusif untuk Malaysia sahaja, banyak bilik berita di seluruh dunia mempunyai bias politik dalam kewartawaran mereka. Perkara ini sering kali mengakibatkan kekurangan keseimbangan.

Kajian kes 6: Skandal manipulasi foto Fox News 2008



Pada tahun 2008, saluran berita konsevertif Amerika Syarikat, Fox News dituduh menyiarkan foto yang telah dimanipulasikan oleh seorang wartawan dari New York Times. Foto terbabit digambarkan Jacques Steinberg dengan "hidung dan dagu dilebarkan, dan telinganya dibuat untuk lebih menonjol". Saluran ini turut menindihkan (super-imposed) wajah beliau di atas gambar anjing ketika menyiarkan segmen yang mengkritik laporannya. Pendekatan ini secara meluas dianggap melepassi nilai sindiran dan sebaliknya agak tidak beretika.

Berdasarkan kepada semua pertimbangan ini, maka adalah penting untuk mempunyai pluralisme media dalam masyarakat. Ini merujuk kepada pelbagai suara dan sudut pandangan dalam sistem media, secara dalaman dan luaran. Perkara ini bermakna bahawa dalam platform kandungan terdapat individu yang mempunyai pandangan yang berbeza kerana di dalam landskap media terdapat pelbagai jenis media. Contohnya termasuklah kebanyakan akhbar dalam bahasa yang berbeza, portal berita dan saluran TV berita untuk memberi pengguna pelbagai pilihan dan perspektif.





Pluralisme media adalah suatu komponen penting dalam masyarakat demokratik. Tanpa pluralisme media kita akan melihat kekurangan idea, monopoli media dan kekurangan pilihan untuk pengguna. Ia juga akan memberi kesan negatif untuk mengakses maklumat, mewujudkan 'ruang gema' dan berpotensi meminimumkan maklumat tentang kumpulan terpinggir yang memang sudah mempunyai akses terhad untuk menjadi perhatian dalam media.

Kajian kes 7: Fairfax-Nine Merger, Australia

Pada tahun 2018, rangkaian akhbar Fairfax Media Australia dan Nine Entertainment, sebuah rangkaian TV nasional telah bergabung. Gabungan ini mewujudkan konglomerat berita yang menimbulkan keimbangan dalam kalangan pemerhati kebebasan akhbar. Nine Entertainment, yang bertanggungjawab ke atas entiti baharu itu dengan pantas mengumumkan pemotongan belanjawan yang menimbulkan keimbangan di kalangan pembaca.

Hal ini menyebabkan Reporters Without Borders mengeluarkan kenyataan yang mengatakan bahawa, "Di satu pihak, Fairfax telah menyediakan kewartawanan penyiasatan yang berkualiti melalui rangkaian penerbitan cetak serantau yang mewakili seluruh negara sejak 1831. Di pihak sebaliknya, Nine pula, lebih kepada penyiar sukan dan hiburan. Pada masa yang sama, pengurusannya dianggap lebih mementingkan keuntungan dan penjimatkan kos daripada etika kewartawanan."

AKTIVITI

1. Dalam kumpulan yang mempunyai tiga ahli, cari kajian kes yang berkaitan dengan misinformasi atau disinformasi. Kemudian, analisis kes berkenaan menggunakan apa yang telah anda pelajari, termasuk cadangan. Bentangkan penemuan anda kepada rakan sekelas anda di dalam pembentangan selama lima minit.
2. Secara individu, cari contoh laman web/sumber penyangkalan maklumat salah bukan warga Malaysia. Senaraikan sebab ia berkesan dan apa yang boleh dilakukan untuk menambah baik sumber ini.
3. Menggunakan maklumat yang sedia ada secara umum, cari contoh wartawan atau pemberi maklumat yang didakwa atau disiasat atas laporan mereka sama ada di Malaysia atau di luar negara. Adakan perbincangan dengan rakan sekelas anda tentang aspek undang-undang kes itu, sama ada kebebasan bersuara dilanggar, dan perkara yang sepatutnya dilakukan oleh pihak berkuasa.

RUJUKAN

2021 Edelman Trust Barometer. (2021). Diambil daripada <https://www.edelman.com/trust/2021-trust-barometer>.

Anti-Fake News Bill 2018. (2018). CLJ Law. Diambil daripada https://www.cljlaw.com/files/bills/pdf/2018/MY_FS_BIL_2018_06.pdf.

ASEAN Human Rights Declaration. (2013). ASEAN. Diambil daripada <http://hrrca.org/wp-content/uploads/2015/05/2012ASEANHuman-RightsDeclaration.pdf>.

Ciampaglia, G. (2018). Biases Make People Vulnerable to Misinformation Spread by Social Media. Scientific American. Diambil daripada <<https://www.scientificamerican.com/article/biases-make-people-vulnerable-to-misinformation-spread-by-social-media/>>

CITS. (n.d.) How is Fake News Spread? Bots, People like You, Trolls, and Microtargeting. University of California Santa Barbara. Diambil daripada <https://www.cits.ucsb.edu/fake-news/spread>

Emergency (Essential Powers) (No. 2) Ordinance 2021. (2021). Federal Government Gazette. Diambil daripada <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/03/Ordinan-Anti-Berita-Tidak-Benar-20211.pdf>.

Funke, D and Daniela Flamini. (n.d.). A guide to anti-misinformation actions around the world. Poynter. Diambil daripada <https://www.poynter.org/ifcn/anti-misinformation-actions/>.

Hetherington M and Jonathan M. Ladd. (2020). Destroying trust in the media, science and government has left America vulnerable to disaster. Brookings. Diambil daripada <https://www.brookings.edu/blog/fixgov/2020/05/01/destroying-trust-in-the-media-science-and-government-has-left-america-vulnerable-to-disaster/>.

How false information spreads. (n.d.). BBC Bitesize. Diambil daripada <https://www.bbc.co.uk/bitesize/articles/zcr8r2p%3e>

International Covenant on Civil and Political Rights. (1976). United Nations. Diambil daripada <https://www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/ccpr.aspx>.

Maloy, S. (2008). Fox News airs altered photos of NY Times reporters. Media Matters. Diambil daripada <https://www.mediamatters.org/fox-friends/fox-news-airs-altered-photos-ny-times-reporters>

Molina, M. D., Sundar, S. S., Le, T., & Lee, D. (2021). "Fake news" is not simply false information: A concept explication and taxonomy of online content. *American Behavioral Scientist*, 65(2), 180–212. Diambil daripada <https://doi.org/10.1177/0002764219878224>.

Nagin, DS. (2013). Deterrence in the twenty-first century; Crime and Justice Vol. 42, No. 1. Diambil daripada https://www.jstor.org/stable/10.1086/670398?read-now=1&seq=1#page_scan_tab_contents



Rattner, N. (2021). Trump's election lies were among his most popular tweets. CNBC. Diambil daripada <https://www.cnbc.com/2021/01/13/trump-tweets-legacy-of-lies-misinformation-distrust.html>

Reporters Without Borders. (2018). Fairfax-Nine merger threatens media pluralism in Australia. Diambil daripada <https://rsf.org/en/news/fairfax-nine-merger-threatens-media-pluralism-australia>

Tandoc, E. C., Jr., Lim, Z. W., & Ling, R. (2018). Defining "fake news" a typology of scholarly definitions. *Digital Journalism*, 6(2), 137-153. Diambil daripada <https://hdl.handle.net/10356/140075>.

The World Press Freedom Index. (n.d.). Reporters Without Borders. Diambil daripada <https://rsf.org/en/world-press-freedom-index>.

Universal Declaration of Human Rights. (1948). United Nations. Diambil daripada <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights#:~:text=Article%2019,media%20and%20regardless%20of%20frontiers>.

Wardle, C and Hossein Derakhshan. (2017). Information disorder: Toward an interdisciplinary framework for research and policy making. Council of Europe report. Diambil daripada <https://rm.coe.int/information-disorder-toward-an-interdisciplinary-framework-for-research/168076277c>.

Zainul, H. (2020. In Malaysia's Covid "infodemic", crime is all too easy. The Interpreter. Diambil daripada <https://www.lowyinstitute.org/the-interpreter/danger-good-intentions-during-covid-infodemic-malaysia>.

Bab 3

MENAKSES MAKLUMAT DENGAN EFISIEN DAN CEKAP





Mengakses Maklumat Dengan Efisien dan Cekap

SABARIAH MOHAMED SALLEH

SINOPSIS

Dunia, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bukan sahaja telah menyaksikan penyebaran wabak COVID-19, malah turut mendepani serangan infodemik (WHO, 2020). Infodemik adalah istilah yang menjelaskan tentang fenomena kebanjiran maklumat, sama ada benar atau palsu, yang memberi kesan kepada orang ramai untuk mendapatkan akses kepada maklumat yang berwibawa, boleh dipercayai dan dari sumber autoritatif semasa wabak merebak (García-Saisó S, Martí M, Brooks I, Curioso WH, González D, Malek V, et al., 2021). Kebanjiran maklumat ini juga pernah dibincangkan oleh Wardle dan Derakhshan (2018) melalui konsep ‘keceluaran maklumat’ (*information disorder*). Dalam hal ini, mereka menyatakan bahawa perkembangan teknologi sosial menyebabkan kebanjiran maklumat di peringkat global (Kandel, 2020; Wardle dan Derakhshan, 2018), yang mana terlalu banyak maklumat dikongsi dan disebarluaskan, termasuk maklumat palsu. Ini berikutnya daripada timbulnya pelbagai teknik baharu untuk menyebarluaskan maklumat seperti penggunaan bot (Himelein-Wachowiak, Giorgi, Devoto, Rahman, Ungar, Schwartz, Epstein, Leggio dan Curtis, 2021) dan kewujudan platform-platform baharu (Waghre dan Seth, 2020) yang menjadi medium untuk maklumat disebarluaskan dengan pantas (Tanveer Khan, Antonis Michalas dan Adnan Akhunzada, 2021). Bagaimanakah infodemik dan ‘keceluaran maklumat’ mempengaruhi audiens di dalam proses mendapatkan maklumat yang sah? Apakah perkara yang mempengaruhi bagaimana maklumat dicerap oleh audiens?

Bab ini akan membincangkan tentang konsep ‘keceluaran maklumat’ secara terperinci. Selain itu, konsep-konsep penting yang dapat membantu audiens agar lebih efisien dan cekap semasa mendapatkan maklumat seperti ruang gema, buih tapisan, bias dan pemikiran kritis akan dibincangkan.

Kata kunci: Ruang gema (*echo chamber*), buih tapisan (*filter bubbles*), bias, pemikiran kritis (*critical thinking*).

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran bab ini adalah seperti berikut:

- 1.Untuk menggalakkan pelajar berfikir secara kritis tentang proses mendapatkan maklumat.
- 2.Untuk membantu pelajar mengenal pasti elemen-elemen yang berupaya untuk mempengaruhi mereka semasa mendapatkan maklumat.
- 3.Untuk menggalakkan pelajar berfikir secara kritis tentang kesan ‘keceluaran maklumat’ terhadap ekosistem media dan komunikasi

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir bab ini, pelajar berupaya untuk:

- Berfikir secara kritis tentang proses mendapatkan maklumat
- Memahami elemen-elemen yang mempengaruhi seseorang dalam proses pembentukan makna, berdasarkan maklumat yang diterima.
- Berfikir secara kritis tentang kesan ‘keceluaran maklumat’ terhadap ekosistem media dan komunikasi.

PENGENALAN

Dalam era digitalisasi dan revolusi 4.0, kecapaian dan kecepatan penyampaian maklumat membuatkan ia mudah diperoleh di hujung jari. Pelbagai maklumat dapat diakses dengan hanya menaip kata kunci di ruangan carian Google. Dari resepi memasak, hingga cara mananam pokok hidroponik dan kaedah sifir mudah, segala macam informasi boleh diperolehi melalui carian mudah tersebut.

Media, terutamanya media sosial, menjadi ruang bagi orang ramai mendapatkan maklumat. Menurut data daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC, 2020), 74.3% rakyat Malaysia menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat. Bukan itu sahaja, ia juga membolehkan sesiapa sahaja mencipta kandungan kreatif dan berkongsi maklumat dalam talian. Lihat sahaja populariti laman *Facebook Masak Apa Tak Jadi Hari Ini Official* yang mempunyai 2.1 juta ahli ataupun kumpulan *Ivermectin Malaysia* di Telegram yang mempunyai hampir 20 ribu ahli. Ramai yang berkongsi pengalaman hitam memasak dan juga penggunaan *Ivermectin* dalam merawat penyakit Covid-19. Ini selaras dengan data yang dikongsi oleh SKMM iaitu sebanyak 91.7% dari rakyat menggunakan Facebook dan 80.6%, YouTube, sebagai platform rangkaian sosial (MCMC, 2020).



Jurang Digital

Namun, kita tidak dapat menafikan bahawa masih ada golongan yang terkesan kerana tidak mempunyai akses kepada kemudahan digital seperti peranti dan internet.

Misalnya, kes Veveonah Mosibin yang terpaksa membuat ujian di atas pokok untuk memastikan sambungan internet yang lancar (Nurhidayah Hairom, 2020; Madiha Abdullah, 2020). Ramai ibu bapa juga menyuarakan masalah kekurangan peranti dan kemampuan untuk membayar perkhidmatan internet apabila anak-anak harus mengikuti pembelajaran atas talian akibat pandemik Covid-19 (Nur Adila Abdul Wahab, 2021; Syajaratulhuda Mohd Rosli, 2021; Bernama, 2021).

Selaras dengan pendapat Foo, Lai, dan Elamzazuthi (2017), hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa terdapat jurang digital dalam kalangan penduduk Malaysia. Jurang ini memberikan keistimewaan dan kelebihan kepada mereka yang mempunyai akses kepada peranti dan internet, tetapi membuatkan anak-anak lain ketinggalan dan tercincir. Hal ini pernah dibincangkan oleh sarjana-sarjana komunikasi seperti Jan Van Dijk (2017, 2020). Beliau menyatakan bahawa jurang digital memperlihatkan ketidakseimbangan dalam penyampaian dan penerimaan maklumat.

Perkongsian Maklumat Salah

Perkongsian maklumat secara berleluasa juga membimbangkan kerana tidak semua maklumat yang dikongsi adalah benar. Kadangkala, maklumat salah dikongsi secara sengaja atau tidak sengaja dan ini membimbangkan kerana dapat menimbulkan kacau bilau, pertikaian atau kematian. Misalnya di Iran, lebih daripada 800 orang meninggal dunia akibat daripada meminum methanol kerana percaya ia boleh merawat Covid-19 (Anon A, 2020). Sementara itu, di India, beberapa orang lelaki telah menjadi mangsa pembunuhan oleh penduduk kampung yang mempercayai maklumat salah yang menuduh mereka sebagai penculik (Anon B, 2018). Di Malaysia, dua orang keracunan akibat mengambil Ivermectin untuk merawat Covid-19 (Anon C, 2021).

Maklumat salah juga kerap digunakan oleh jaguh papankunci sebagai senjata untuk ‘membunuh’ karakter politik (Samoilenko, 2021; Kandel, 2020; Reynard, 2019, Ireton dan Posetti, 2018). Ia berupanya mewujudkan sentimen perkauman, semangat berpolitik tidak bertempat, salah faham dan pecah belah. Ada juga golongan tidak bertanggungjawab yang menyebar maklumat salah untuk mendapatkan keuntungan (Ryan, Schaul, Butner dan Swarthout, 2020; Kandel, 2020; Braun dan Eklund, 2019). Misalnya penjualan ubat-ubatan yang tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, yang dikatakan dapat mengubat pelbagai penyakit.

Apakah yang boleh dilakukan untuk mengelak daripada menjadi mangsa penyebaran maklumat salah? Sebagai pengguna media, kita perlu memastikan maklumat adalah kredibel dan berasaskan fakta. Kemahiran ini penting untuk mewujudkan masyarakat yang dapat memperkasakan diri melalui penggunaan media.

Bab ini akan membincangkan tentang elemen-elemen yang perlu pelajar titik beratkan semasa mencari dan mangakses maklumat agar mereka menjadi pengguna media yang efisyen dan cekap. Teknik pencarian maklumat untuk menentusah fakta pula akan diterangkan secara terperinci di dalam Bab 4.

Keceluaran Maklumat

Istilah berita palsu (fake news), adalah istilah yang bermasalah (Ho dan Emir, 2021; Berger, 2018). Ungkapan tersebut lazimnya digunakan untuk menggambarkan penyebaran propaganda dan berita yang tidak selaras dengan kehendak pihak-pihak tertentu, meskipun ia mungkin benar. Ia juga adalah istilah yang boleh menimbulkan kekeliruan kerana ia kini bukan sahaja digunakan untuk menggambarkan propaganda dan disinformasi, malah untuk kesilapan perkongsian maklumat oleh individu yang tidak ada sebarang niat jahat (sila rujuk bab 2).

Istilah ‘berita palsu’ menjadi popular ekoran kenyataan Trump berkenaan cubaan untuk memusnahkan kredibiliti beliau, oleh beberapa pihak, semasa Pilihanraya Amerika Syarikat pada tahun 2016 (BBC, 2018; Woodward, 2020; Field, 2021; Ross dan Rivers, 2018). Oleh yang demikian, istilah yang dicadangkan oleh Wardle dan Derakshan (2018) misinformasi, disinformasi, mal-informasi dan ‘keceluaran maklumat’, adalah lebih sesuai untuk digunakan apabila membincangkan tentang perkongsian maklumat salah.

Sebenarnya, masalah perkongsian maklumat salah telah berlaku sejak dahulu lagi, iaitu di zaman Rom lama, sekitar 44SM. Octavian telah menggunakan taktik berkongsi maklumat palsu tentang musuh politik beliau, Mark Antony, untuk mencemar kredibiliti. Kejayaan beliau menyebar maklumat palsu ini telah membolehkan beliau menjadi Maharaja Rom yang pertama (Posetti dan Matthews, 2018).

Natijahnya, fenomena ‘keceluaran maklumat’ bukanlah suatu perkara yang baharu. Penggunaan teknologi baharu membantu untuk mempercepatkan penyebarannya dan menyaksikan pelbagai jenis maklumat dikongsi. Hal ini perlu diberikan perhatian kerana ia dapat menjelaskan kefahaman orang ramai tentang situasi tertentu dan menimbulkan kemosyikilan, salah faham, pergaduhan dan reaksi yang tidak menyenangkan. Apakah yang dapat dilakukan untuk menghindari daripada berlakunya perkara tersebut?

Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh para pelajar adalah maklumat yang bersifat propaganda (lihat modul 2), cara membaca maklumat yang tersirat (lihat modul 4 dan 5) dan mengenal pasti bias yang wujud dalam diri masing-masing semasa membaca atau mendapatkan maklumat.

Bias inilah yang membantu seseorang dalam proses membentuk makna dan membuat keputusan sama ada sesuatu maklumat boleh dipercayai atau sebaliknya.

Bias

Bias kognitif berkait rapat dengan proses membuat keputusan setiap individu, yang kadangkala menyebabkan keputusan tidak rasional dibuat (Phillips-Wren, Power dan Mora, 2019). Kahneman (2011) dalam perbincangannya tentang proses membuat keputusan menyatakan bahawa individu lazimnya berfikir secara cepat dan automatik atau perlahan dan berhati-hati. Pemikiran yang perlahan dan berhati-hati bermakna individu mengambil kira semua kebarangkalian dan rasional. Namun, disebabkan kekangan masa, ramai yang membuat keputusan secara automatik, berpandukan kepada bias masing-masing.

Contoh-contoh bias adalah seperti berikut:

Bias Heuristik:

- Selepas membaca banyak laporan tentang kes kecurian di Selangor, anda mula mempercayai bahawa jenayah tersebut semakin berleluasa dan mengaitkannya dengan ramai pekerja yang diberhentikan akibat pandemik Covid-19
- Anda mungkin mempercayai kes lanun laut berleluasa kerana boleh memikirkan beberapa contoh dengan mudah.

Bias Heuristik:

- Selepas membaca banyak laporan tentang kes kecurian di Selangor, anda mula mempercayai bahawa jenayah tersebut semakin berleluasa dan mengaitkannya dengan ramai pekerja yang diberhentikan akibat pandemik Covid-19
- Anda mungkin mempercayai kes lanun laut berleluasa kerana boleh memikirkan beberapa contoh dengan mudah.



Bias pengesahan:

- Memberikan perhatian kepada maklumat yang mengesahkan kepercayaan seseorang terhadap sesuatu isu, contohnya tentang keperluan vaksinasi.
- Memilih untuk menjadi pengikut akaun media sosial atau untuk berkawan dengan individu-individu yang mempunyai pandangan yang sama dengan diri mereka.
- Memilih sumber berita yang selaras dan sependapat dengan diri sendiri.

Individu tidak boleh lari daripada membuat keputusan berpandukan bias masing-masing. Namun, menyedari tentang wujudnya bias dalam diri sendiri membantu untuk kita sedar akan kepelbagaiannya pendapat, sebab maklumat disampaikan dengan cara dan strategi tertentu serta kemungkinan bahawa maklumat tidak disampaikan secara menyeluruh (cherry picking). Ini akan membantu anda dalam memastikan setiap maklumat yang diperolehi dipertimbangkan secara rasional dan dalam sedar.

Ruang Gema

Ruang gema amat sukar untuk dikenal pasti oleh seseorang yang sudah berada di dalam ruang tersebut. Hal ini kerana, apabila berada di dalam ruang tersebut, maklumat yang dibaca dan diperolehi adalah daripada sumber-sumber yang sependapat dengan diri sendiri.

Ruang gema berupaya untuk mempengaruhi persepsi seseorang dan membuatkan orang tersebut susah untuk menerima pendapat dan maklumat lain yang berbeza terutamanya apabila membincangkan tentang topik-topik yang rumit (Cinelli, M., Gianmarco De Francisci Morales, G. D., Galeazzi, A., Quattrociocchi, W. and Starnini, M, 2021).


Contohnya, apabila mencari maklumat melalui akhbar dalam talian, akhbar-akhbar yang akan dirujuk lazimnya adalah akhbar yang biasa dibaca atau yang telah dicadangkan oleh seseorang yang rapat seperti kawan baik atau ahli keluarga. Ini akan menyebabkan ruang lingkup maklumat menjadi terhad. Pencarian maklumat melalui internet turut mempunyai ruang gemanya tersendiri, yang dinamakan sebagai buih tapisan.

Buih Tapisan

Buih tapisan wujud akibat daripada algoritma yang mengesan setiap klik yang dilakukan oleh seseorang semasa menggunakan internet. Enjin pencarian dan juga laman-laman web akan menggunakan maklumat tersebut untuk mencadangkan kandungan-kandungan yang hampir sama dengan isu atau perkara yang sering dibaca atau ditonton melalui internet, yang mungkin menarik minat kita (Thurman dan Schifferes 2012; Pariser, 2011; Zuiderveen Borgesius et al. 2016). Misalnya, jika seseorang sering membaca atau membuat pencarian tentang resepi masakan, mereka akan melihat banyak cadangan kumpulan Facebook, iklan ataupun akaun Instagram berkaitan aktiviti memasak serta resepi.

Buih tapisan akan menyukarkan anda untuk mendapat maklumat yang bercirikan idea dan perspektif baharu dalam pencarian anda di internet. Contohnya, pencarian perkataan di enjin pencarian Google bagi dua individu berbeza seperti di bawah. Didapati, cadangan daripada Google adalah berbeza bagi kedua-dua individu tersebut. Cadangan ini, adalah berdasarkan daripada buih tapisan, akibat kekerapan pencarian individu-individu tersebut tentang sesuatu isu.

Dalam pencarian di bawah, kata kunci yang digunakan adalah "Afghanistan". Senarai cadangan yang diberikan berdasarkan pencarian tersebut adalah berbeza untuk A dan B. Cadangan untuk A adalah daripada sumber berita. Namun, bagi B pula, cadangan adalah mengenai usaha mengumpul derma bagi mangsa di Afghanistan. Oleh sedemikian, penting bagi seseorang untuk sentiasa mengamalkan pemikiran kritis bagi mengatasi buih tapisan.



A

B

Pemikiran Kritis

Salah satu cara untuk memastikan pencarian maklumat efisyen adalah dengan menjadi lebih kritis semasa proses pencarian tersebut. Berikut adalah saranan yang diberikan untuk mencari maklumat dengan lebih efisyen:

- Pastikan sentiasa semak dan baca maklumat daripada pelbagai sumber agar anda dapat membuat deduksi dengan cermat dan tepat.
- Berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan individu yang mempunyai perspektif berbeza dari anda.
- Bincangkan sesuatu isu berdasarkan fakta dan hormati pendapat orang lain.
- Ingat yang walaupun anda percaya sesuatu itu benar, tidak bermakna ianya fakta.

Sementara itu, soalan-soalan yang boleh ditanya untuk mengelakkan daripada terperangkap dalam ruang gema dan buih tapisan:

1. Adakah maklumat yang dikongsi hanya mewakili satu perspektif sahaja?
2. Adakah pandangan dan maklumat yang diberikan disokong oleh bukti-bukti kukuh atau berdasarkan khabar angin sahaja?
3. Adakah fakta tidak diambil kira sekiranya ia bertentangan dengan pandangan organisasi/penulis tersebut?



AKTIVITI

Kata Siapa?

Pengajar dikehendaki memilih 5 hantaran daripada media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. Kemudian tanya para pelajar pendapat mereka tentang hantaran tersebut. Antara soalan yang boleh ditanya adalah:

- 1.Pada pendapat anda, siapakah yang telah membuat hantaran tersebut?
- 2.Apakah yang cuba disampaikan melalui hantaran tersebut?

Bincangkan bagaimana setiap pelajar mempunyai pendapat masing-masing yang disebabkan oleh ruang gema, bias atau buih tapisan.

Dari Berita ke Panggung

Pelajar-pelajar perlu di bahagikan kepada kumpulan kecil yang mengandungi sekurang-kurangnya 5 orang. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan sebuah filem pendek berdurasi 3 minit, berdasarkan satu artikel berita yang dikongsi oleh pengajar.

Setelah filem pendek tersebut dihasilkan, tonton filem tersebut bersama-sama semua pelajar. Kemudian, bincangkan perkara berikut, dengan mengaitkannya kepada konsep-konsep seperti bias, buih tapisan dan ruang gema:

- 1.Bagaimanakah kumpulan-kumpulan tersebut mendapat idea untuk menghasilkan filem tersebut?
- 2.Mengapakah genre dan naratif filem tersebut dipilih?
- 3.Apakah perbezaan yang terdapat antara setiap filem yang dihasilkan?

RUJUKAN

Al-Jazeera (2020) Iran: Over 700 Dead After Drinkinh Alcohol to Cure Coronavirus. 27 Julai. Diperolehi dari: <https://www.aljazeera.com/news/2020/4/27/iran-over-700-dead-after-drinking-alcohol-to-cure-coronavirus>

Anon A (2018) Death by Fake News: Social Media Fuelled Lynchings Shocked India dalam The Straits Times. 14 Julai. Diperolehi dari:<https://www.straitstimes.com/asia/south-asia/death-by-fake-news-social-media-fuelled-lynchings-shock-india>

Anon B (2021) Two Cases of Poisoning Involving Ivermectin. 14 Ogos. diperolehi dari: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/08/14/two-cases-of-poisoning-involving-ivermectin-reported-by-national-poison-centre-says-health-ministry>

Anon C (2021) PdPR Being Implemented Again: Some Parents Worried About Children's Education. Bernama 2021 <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pdpr-being-implemented-again-some-parents-worried-about-childrens-education-297252>

BBC (2018) How President Trump Took 'Fake News' Into The Mainstream
<https://www.bbc.com/news/av/world-us-canada-46175024>

Braun, J. A. & Eklund J. L., (2019) Fake News, Real Money: Ad Tech Platforms, Profit-Driven Hoaxes, And The Business Of Journalism, Digital Journalism, 7(1): 1 21, DOI: 10.1080/21670811.2018.1556314

Cinelli, M., Gianmarco De Francisci Morales, G. D., Galeazzi, A., Quattrociocchi, W. and Starnini, M. (2021) The echo chamber effect on social media dalam Proceedings of the National Academy of Sciences Mar 118 (9) e2023301118; DOI: 10.1073/pnas.2023301118

Field, P. S., (2021) Fake News Was A Thing Before Donald Trump – Just Ask The Ancient Greeks dalam The Conversation <https://theconversation.com/fake-news-was-a-thing-long-before-donald-trump-just-ask-the-ancient-greeks-155867>

Foo, L.N. & Lai, W.K. & Elamzazuthi, C., (2017). Narrowing The Digital Divide In Malaysia: Issues And Initiatives. ASEAN Journal On Science And Technology For Development. 19. 97. 10.29037/Ajstd.342.

García-Saisó S, Martí M, Brooks I, Curioso WH, González D, Malek V, Et Al. (2021) The COVID-19 Infodemic. Rev Panam Salud Publica. <https://doi.org/10.26633/rpsp.2021.56>

Ho, G. and Emir Izat Abdul Rashid (2021) Classification Of Information Disorder. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0

House Of Commons Digital, Culture, Media And Sport Committee. Misinformation In The COVID-19 Infodemic (2020) July 21 [Cited 21 August 2021]. Diperolehi dari: <https://committees.parliament.uk/publications/1954/documents/19089/default/>.

Himelein-Wachowiak M, Giorgi S, Devoto A, Rahman M, Ungar L, Schwartz HA, Epstein DH, Leggio L, Curtis B. (2020)

Bots And Misinformation Spread On Social Media: Implications For COVID-19. J Med Internet Res 23(5):E26933 doi: 10.2196/26933



Internet Users Survey (2020), Malaysian Communications and Multimedia Commission

Ireton, C. dan Posetti, J. (2018) Journalism, Fake News and Disinformation. UNESCO

Kahneman, D. (2011). Thinking, Fast And Slow. Macmillan. ISBN 978-1-4299-6935-2

Kandel N. (2020). Information Disorder Syndrome And Its Management. JNMA; Journal Of The Nepal Medical Association, 58(224), 280–285. <https://doi.org/10.31729/jnma.4968>

Khan, T., Michalas A, Akhunzada, A. (2021) Fake News Outbreak 2021: Can We Stop The Viral Spread? Journal Of Network And Computer Applications190

Krasodomski-Jones A, Judson E, Smith J, Miller C, Jones E. Warring Songs (2019) Information Operations in The Digital Age. May [Cited 31 August 2021]. Diperolehi dari: <https://demos.co.uk/wp-content/uploads/2019/05/warring-songs-final-1.pdf>.

Madiha Abdullah (2020) Video Panjat Pokok Demi Jawab Peperiksaan Tular Pelajar UMS Luah Penghargaan. Astro Awani. [dipetik pada 28 Julai 2021] <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/video-panjat-pokok-demi-jawab-peperiksaan-tular-pelajar-ums-luah-penghargaan-247312>

Mario Haim, Andreas Graefe & Hans-Bernd Brosius (2018) Burst Of The Filter Bubble?, Digital Journalism, 6:3, 330-343, DOI: 10.1080/21670811.2017.1338145

McLuhan, M., & Powers, B. R. (1989). The Global Village: Transformations In World Life And Media In The 21st Century. New York: Oxford University Press

Nur Adila Abdul Wahab (2021) Perlaksanaan Semula PdPR: Ibu Bapa Bimbang Pembelajaran Anak-anak. Malaysia Kini. 9 May. Diperolehi dari: <https://www.malaysiakini.com/news/574027>

Nurhidayah Hairom (2020) Panjat Pokok Sebab Nak Jawab Peperiksaan Online. Sinar Harian. 14 Jun. [cited 28 Julai 2021] <https://www.sinarharian.com.my/article/87788/berita/viral/panjat-pokok-sebab-nak-jawab-peperiksaan-online>

Phillips-Wren, G., Power, D. J. & Mora, M. (2019) Cognitive Bias, Decision Styles, And Risk Attitudes In Decision Making And DSS, Journal Of Decision Systems, 28:2, 63-66, DOI: 10.1080/12460125.2019.1646509

Posetti (2018) News Industry Transformation: Digital Technology, Social Platforms And The Spread Of Misinformation And Disinformation dalam Ireton Dan Posetti (ed.) Journalism, Fake News and Disinformation. UNESCO

Posetti, J & Matthews, A (2018): <https://www.icfj.org/news/short-guide-history-fake-news-and-disinformation-new-icfj-learning-module>

Reynard, L. J. (2019). Troll Farm: Anonymity As A Weapon For Online Character Assassination. dalam I. E. Chiluwa & S. A. Samoilenco (Eds.), Handbook Of Research On Deception, Fake News, And Misinformation Online (Pp. 392–419). Information Science Reference/IGI Global. <Https://Doi.Org/10.4018/978-1-5225-8535-0.Ch021>

Ross, A. S., & Rivers, D. J. (2018). Discursive Deflection: Accusation Of “Fake News” And The Spread Of Mis- And Disinformation In The Tweets Of President Trump. Social Media + Society. [Https://Doi.Org/10.1177/2056305118776010](https://doi.org/10.1177/2056305118776010)

Ryan, C. D., Schaul, A. J., Butner, R. dan Swarthout , J. T., (2020) Monetizing Disinformation In The Attention Economy: The Case Of Genetically Modified Organisms (GMOS). European Management Journal, 38(1): 7-18

Samoilenko, S. (2021). The Applied Social Theory Of Character Assassination. Journal Of Applied Social Theory, 1(3). Diperolehi dari: <https://socialtheoryapplied.com/jast/article/view/76/97>

Spohr, D. (2017). Fake News And Ideological Polarization: Filter Bubbles And Selective Exposure On Social Media. Business Information Review, 34(3), 150–160. [Https://Doi.Org/10.1177/0266382117722446](https://doi.org/10.1177/0266382117722446)

Syajaratulhuda Mohd Rosli (2021) Ibu Bapa Tertekan Urus PdPR Anak-anak. Sinar Harian. 11 Julai. <https://www.sinarharian.com.my/article/149337/laporan-khas/ibu-bapa-tertekan-urus-pdpr-anak>

Törnberg, P. (2018) Echo Chambers And Viral Misinformation: Modeling Fake News As Complex Contagion. Plos One [Https://doi.org/10.1371/journal.pone.0203958](https://doi.org/10.1371/journal.pone.0203958)

Travierso, M. (2021) Measuring Magnetism: How Social Media Creates Echo Chambers. Nature Italy. 23 Feb. [cited 28 August 2021] <https://www.nature.com/articles/d43978-021-00019-4>

Van Dijk, Jan A.G.M. (2017). Digital Divide: Impact Of Access. 10.1002/9781118783764.Wbieme0043.

Van Dijk, Jan (2020) The Digital Divide. Wiley (Rasanya Kena Check)

Waghre, P. dan Seth, R. (2020) Analysing Digital Platforms’ Responses To COVID-19 Information Disorder. Takshashila Discussion Document. June.

Woodward, A (2020) ‘Fake News’: A Guide To Trump’s Favourite Phrase – And The Dangers It Obscures In The Independent [Https://www.independent.co.uk/news/world/americas/us-election/trump-fake-news-counter-history-b732873.html](https://www.independent.co.uk/news/world/americas/us-election/trump-fake-news-counter-history-b732873.html)

World Health Organization Situation Report (2020) February 2.





Bab 4

LITERASI MEDIA DARI PERSPEKTIF SOSIOBUDAYA



Literasi Media Dari Perspektif Sosiobudaya

ABDUL LATIFF AHMAD, NURUL AKQMIE BADRUL HISHAM & HASRUL HASHIM

SINOPSIS

Topik di dalam bahagian ini akan membincangkan tentang kepentingan untuk memahami dan mengaplikasi literasi media dan informasi (MIL) dari perspektif sosiobudaya melalui tinjauan di tiga buah benua iaitu Asia, Eropah & Afrika. Terdapat pelbagai isu yang berkaitan dengan literasi media dan informasi di setiap negara di dunia ini dan setiap negara mempunyai amalan dan sudut pandang yang sangat berbeza di antara satu sama lain terhadap literasi media. Topik ini boleh digunakan sebagai panduan di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek komunikasi antarabudaya, pengenalan kepada media dan komunikasi, media global dan subjek-subjek kewartawanan yang relevan.

Kata kunci: Literasi Media & Informasi, Sosiobudaya, Komunikasi Antarabudaya

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran di dalam bab ini adalah seperti berikut:

- 1.Untuk memperkenalkan pelajar terhadap pemahaman literasi media & informasi dari perspektif antarabangsa dan antara negara.
- 2.Untuk memastikan pelajar dapat menganalisis isu-isu literasi media & informasi pelbagai negara.
- 3.Untuk memperkuatkkan pengetahuan pelajar melalui perbandingan isu antara negara terhadap literasi media & informasi.

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir bab ini, pelajar akan berupaya untuk:

- 1.Membezakan takrifan dan isu literasi media dan informasi mengikut perspektif sosiobudaya.
- 2.Mengenalpasti kepentingan faktor sosiobudaya dalam mempengaruhi isu-isu yang berkaitan dengan literasi media & informasi.
- 3.Menerapkan elemen sensitiviti sosiobudaya terhadap penulisan berita, penghasilan kandungan di media sosial untuk mengelakkan berlakunya isu-isu besar yang berkaitan dengan literasi media & informasi.

PENGENALAN

Takrifan terhadap konsep literasi media dan informasi telah banyak ditakrif dan dibincangkan oleh ramai sarjana di dalam bidang ini di seluruh dunia. Secara asasnya literasi media dan informasi melihat kemampuan seseorang individu atau khalayak dalam mengakses, menilai dan memahami sesuatu kandungan media. Kandungan media dalam konteks ini merangkumi media konvensional seperti radio, televisyen dan media cetak serta media baharu seperti internet. Menurut Kajimoto (2020) walaupun terdapat banyak takrifan terhadap konsep literasi media dan informasi diberikan oleh para sarjana, namun, tidak banyak yang menyentuh tentang keperluan aspek budaya dan sensitiviti budaya sebagai salah satu aspek yang perlu diberikan perhatian terutamanya di dalam aspek pengajaran literasi kepada generasi muda.

Dalam pembentukan masyarakat bermaklumat, media memainkan peranan utama dalam menyampaikan informasi serta agenda kepada penerima. Revolusi media bermula dengan penggunaan media konvensional seperti akhbar, radio, televisyen, buku dan majalah sehingga beralih ke media digital dengan adanya jaringan internet seperti media sosial. Kehadiran blog pada awal tahun 2000 telah menyediakan platform untuk individu mengekspresikan diri masing-masing dan revolusi media sosial telah membawa kepada kewujudan *Facebook*, *Twitter* dan *Tik Tok* yang terus memperkuat penggunaan media dalam kalangan masyarakat.

Masyarakat yang pada asalnya dianggap bersifat pasif telah beralih kepada masyarakat aktif dalam pencarian dan penerimaan terhadap maklumat yang disampaikan. Penggunaan media digital dengan adanya jaringan Internet telah membolehkan sesuatu maklumat itu diterima dengan lebih pantas, menyeluruh dari segala sisi dan kurang sekatan. Selain daripada sekadar menerima maklumat, masyarakat juga kini berupaya untuk mewujudkan kandungan tersendiri dan menyebarkan maklumat. Mereka juga bebas meluahkan apa yang mereka rasa secara terbuka. Kebebasan media yang berlaku akan memberi impak yang negatif dalam pembentukan masyarakat bermaklumat sekiranya kemahiran literasi media tidak dimiliki oleh setiap anggota masyarakat. Literasi media penting berikutan perkembangan globalisasi dan individualisasi yang telah meningkatkan penglibatan warganegara aktif dalam masyarakat demokratik (Shahrul Nazmi, 2020).

Fokus bab ini adalah untuk meneroka keadaan literasi media di beberapa benua yang dipilih berdasarkan kerangka kerja dari Jenkins et al. (2009). Kerangka kerja ini memfokuskan kepada tiga masalah utama dalam menangani isu mengenai budaya digital baharu terutamanya apabila berkait dengan golongan belia. Tiga masalah utama ini merujuk kepada apa yang dihujahkan sebagai jurang penyertaan (*participation gap*), masalah ketelusan (*transparency problem*) dan cabaran dalam etika (*ethics challenge*). Namun untuk menjuruskan lagi perbincangan, bab ini hanya akan memfokuskan kepada isu pertama yang dihujahkan oleh mereka iaitu jurang penyertaan. Perbincangan ini melihat apa yang diterangkan oleh Jenkins et al. (2009) sebagai perlunya untuk mengetengahkan hal ehwal ketidaksamaan asas dalam akses dan peluang dalam penyertaan di dalam budaya digital baharu dunia terutamanya dalam kalangan belia.

Secara asasnya, literasi media merupakan keupayaan individu untuk mengakses, menganalisis, menilai dan menghasilkan media dalam pelbagai bentuk (Aufderheide, 1993). Burniske (2008) menjelaskan literasi media sebagai keupayaan untuk membaca dan memahami medium komunikasi melalui proses yang membolehkan individu mentafsir tanda dan simbol serta melihat kesan sederhana pada penulis, khalayak dan mesej yang disampaikan. Oleh itu, melihat kepada tafsiran literasi media, ia memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan lengkap dengan maklumat yang informatif. Perkara ini selari dengan kenyataan Mihailidis dan Thevenin (2013) bahawa literasi media merupakan salah satu cara untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat, reflektif dan memainkan peranan dalam fungsi demokrasi.





Walau bagaimanapun, kemahiran literasi media berbeza dari setiap individu dan kelompok masyarakat disebabkan faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan, budaya dan faktor ekonomi. Kajian Muttaqin (2016) mendapat bahawa literasi media remaja luar bandar dari dimensi pemahaman dan kemahiran pengetahuan kritikal berada pada tahap yang masih rendah. Kemahiran literasi media yang rendah akan memudahkan wujudnya penyebaran kontroversi dan berita yang tidak benar yang turut memberi impak kepada moral masyarakat secara langsung dan melalui penggunaan media. Negara-negara di dunia mempraktikkan literasi media yang berbeza dalam kalangan masyarakat masing-masing. Senario budaya, ekonomi dan politik sesebuah negara memberikan kesan bagaimana isu literasi media ditangani di dalam sesebuah negara. Contoh, kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara di dalam sesebuah negara mungkin berbeza dan ini akan memberikan kesan kepada bagaimana seseorang individu itu mengakses dan juga memproses maklumat.

Media Literasi & Informasi di Asia

Asia merupakan salah satu benua di dunia ini yang sangat bertunjangkan kepada aspek penyuburan budaya terhadap masyarakatnya. Dalam konteks literasi media dan informasi, boleh dikatakan kebanyakan negara-negara di Asia menumpukan terhadap kepentingan literasi digital dalam kalangan individu terutamanya kepada generasi muda seperti golongan pelajar. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penyelidikan Statista pada tahun 2021, negara-negara seperti China, India, Jepun dan Indonesia merupakan antara negara yang mempunyai kadar pengguna internet tertinggi di rantau Asia, manakala Timor Leste dan Papua New Guinea mencatatkan bilangan pengguna internet yang paling rendah. Hal ini, secara tidak langsung membuktikan terdapatnya keperluan untuk memastikan pengguna-pengguna internet di Asia didedahkan dengan literasi media dan informasi terutamanya literasi media digital. Literasi digital bermaksud kemampuan seseorang individu untuk memahami, memproses serta menghasilkan maklumat berdasarkan medium digital (Kusumastuti & Nuryani, 2019). Menurut Pandian, Baboo & Jing Yi (2020), fokus harus diberikan terhadap aspek literasi media digital untuk memastikan khalayak mempunyai pengetahuan, kemahiran, nilai dan tanggungjawab apabila beradaptasi dengan budaya digital. Media digital seperti media sosial misalnya, boleh menjadi satu ruang yang dipenuhi dengan perkara bersifat negatif sekiranya para penggunanya tidak didedahkan terhadap kepentingan literasi media dan informasi.

Malaysia

Di Malaysia, tumpuan isu literasi media dan informasi banyak berkisar terhadap penularan berita palsu di media sosial. Media sosial yang mencatatkan penggunaan tertinggi di Malaysia adalah Facebook, Instagram, WhatsApp dan Twitter. Penularan berita palsu di Malaysia kebanyakannya disebarluaskan melalui media sosial. Justeru itu, pihak kerajaan menerusi agensi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Media (MCMC) telah mengambil inisiatif memperkasakan pengguna media sosial di Malaysia melalui kempen-kempen kesedaran seperti 'Klik Dengan Bijak' dan telah mengambil inisiatif mewujudkan sebuah laman web 'Sebenarnya.my' untuk rujukan terhadap kesahihan berita yang disebarluaskan di media sosial (Sabariah, 2020).

Selain itu, dalam usaha untuk meluaskan akses orang ramai kerajaan Malaysia turut mempergiatkan beberapa inisiatif untuk mengurangkan jurang digital di negara ini. Di antaranya adalah seperti menyediakan rebat cukai untuk pembelian komputer keluarga, kemudahan pinjaman dalam kalangan kakitangan Kerajaan dari segi membeli komputer, kelonggaran untuk mengeluarkan wang simpanan atas tujuan pembelian komputer untuk pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM401 juta untuk pembangunan ICT di sekolah (UNICEF Malaysia, 2014).

Di samping itu juga, pihak kerajaan telah memainkan peranan yang penting untuk membendung penularan berita palsu yang dilihat sebagai satu masalah yang besar dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Justeru, pada tahun 2018, pihak kerajaan telah memperkenalkan akta anti berita palsu yang boleh mendakwa sesiapa yang menyebarkan berita palsu. Walaubagaimanapun, akta ini telah mengundang pelbagai reaksi dalam segenap lapisan masyarakat kerana dikatakan bermotifkan campur tangan politik. Oleh yang demikian pada tahun 2019, akta ini telah dimansuhkan oleh pihak kerajaan yang baharu.

Indonesia

Menurut Hidayat & Ginting (2020), terdapat seramai 171.17 juta atau 64.8% pengguna yang menggunakan internet di Indonesia. Kebanjiran kepelbagaiannya media sosial menyumbang kepada peningkatan jumlah pengguna internet di Indonesia. Proses komunikasi tidak lagi tertumpu kepada komunikasi secara bersemuka, tetapi seluruh dunia telah beralih kepada penyertaan sosial secara maya melalui media sosial dan pelbagai bentuk platform digital yang lain. Oleh yang demikian, penyertaan sosial khalayak di internet adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, tetapi para pengguna perlu diterapkan dengan literasi media dan informasi. Seperti kebanyakan negara lain di Asia, Indonesia juga pernah merekodkan kes-kes penggunaan internet secara tidak beretika. Sebagai contohnya menurut Priancha (2021), warga net di Indonesia berkelakuan tidak profesional apabila menyerang akaun media sosial Persatuan Badminton Dunia (BWF) apabila pasukan Indonesia dipaksa menarik diri daripada kejohanan badminton All England 2021. Kebanyakan mereka menunjukkan kemarahan dan penghinaan akibat tidak berpuas hati dengan keputusan berkenaan. Situasi begini merupakan antara situasi yang kerap terjadi di kebanyakan negara di Asia Tenggara termasuklah di Malaysia.

Thailand

Menurut Moto et al. (2018), dalam satu kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik di London yang dikenali sebagai ‘We Are Social’ menunjukkan Thailand menduduki tempat pertama daripada 39 buah negara pada suku kedua dan ketiga 2017 dari segi penggunaan internet tertinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa, penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan rakyat di Thailand adalah tinggi. Oleh yang demikian, sama seperti kebanyakan negara lain di Asia Tenggara, Thailand banyak menumpukan kepada pembangunan kemahiran teknologi maklumat dan literasi digital terutamanya dalam kalangan pelajar. Hal ini adalah selari dengan misi Thailand 4.0 untuk menjadikan ekonomi berteraskan kreativiti, inovasi dan pembangunan kemahiran ICT sebagai pemacu utama kemajuan negara berkenaan. Dari aspek industri media pula, kebanyakan syarikat media di Thailand mempunyai kesedaran untuk membangunkan amalan kod etika yang seiring dengan usaha oleh National Broadcasting and Telecommunication Commission (NBTC). Menurut Anantho (2017), pengamal dan pengajar media di Thailand percaya bahawa terdapat peningkatan masalah di dalam pengamalan etika media terutamanya syarikat media dalam talian. Justeru, persepsi yang tidak baik ini boleh dibendung melalui kempen-kempen dan kesedaran literasi media dan digital.



Jepun

Jepun merupakan salah satu negara maju di Asia yang sangat menitikberatkan elemen budaya yang seiring dengan kemajuan dan kemodenan. Kebanyakan pakar media percaya bahawa, negara ini tidak begitu terkesan dengan masalah-masalah seperti penularan berita palsu atau sebarang bentuk perkongsian kandungan yang bersifat memanipulasi yang boleh mendatangkan keburukan (Kajimoto, 2020). Walaubagaimanapun, Jepun berhadapan dengan situasi di mana kebanyakan pengguna internet sering berkongsi mesej yang berbaur penghinaan, retorik, jenaka yang bersifat kebencian dan juga ejekan terutamanya di media sosial. Justeru, pihak berkuasa Jepun turut melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan literasi media dan informasi. Sebagai contohnya, Kementerian Pendidikan, Budaya, Sukan dan Teknologi (MEXT) menumpukan kepada pembentukan panduan kurikulum nasional di semua peringkat sekolah di Jepun dengan mengintegrasikan bahan pengajaran literasi media dan informasi di dalam Bahasa Jepun. Di samping itu juga, stesen penyiaran Japan Broadcasting Corporation (NHK) menawarkan klip-klip video kandungan pembelajaran melalui program 'NHK for School' untuk membantu mempromosikan literasi media di sekolah.

Media Literasi & Informasi di Eropah

Evolusi teknologi media di samping pengukuhan internet di hampir kes seluruh dunia menghasilkan kepelbagaian ruangan dan saluran untuk menghasilkan dan memperoleh maklumat. Kini, majoriti masyarakat dunia dilengkapi oleh pelbagai kemudahan untuk berkongsi maklumat, gambar dan kandungan media antara satu dengan yang lain. Seperti di negara-negara lain, benua Eropah turut memberikan penekanan dalam bagaimana masyarakat mereka berhadapan dengan maklumat dari sumber-sumber yang berpelbagai. Hal ini memperlihatkan pentingnya pemahaman tentang literasi media dan informasi kepada masyarakat maklumat pada masa kini. Pada masa yang sama, literasi media dan informasi perlu ditekankan sebagai suatu kemahiran asas untuk setiap golongan masyarakat demi menjamin kesejahteraan dunia yang dikongsi oleh pelbagai jenis latar belakang budaya dan agama.

Sistem Pendidikan Mengenai Literasi Media di Eropah

Literasi media dan informasi di Eropah mula diformalkan di United Kingdom dan disahkan oleh Suruhanjaya Eropah, dengan membentuk kerangka kerja baharu dasar komunikasi yang merangkumi langkah-langkah untuk mempromosikan literasi media (Sourbati 2009). Kerangka baharu ini memperlihatkan peranan pengatur Komunikasi UK iaitu The Office of Communication (Ofcom) di bawah Akta Komunikasi 2003 mendefinisikan literasi media sebagai kemampuan untuk mengakses, memahami dan membuat komunikasi dalam berbagai konteks. Menurut sejarah, literasi media di England boleh difahami berdasarkan dua tradisi iaitu pertama, bidang penyelidikan literasi yang luas dan kedua, dari segi pendidikan dan kajian budaya popular (McDougall 2019).

Selain itu, di Flanders, Belgium literasi media pertama kali disebut di dalam dasar media pada tahun 2008 dalam usaha untuk membina kemahiran kritikal yang diperlukan oleh rakyat untuk menilai maklumat-maklumat yang diperoleh (Van Audenhove et al. 2018). Kemudiannya pada tahun 2011, UNESCO telah mencadangkan literasi media dan maklumat sebagai konsep komposit yang merangkumi kecekapan dan amalan semua literasi sedia ada termasuklah literasi berita, televisyen, filem, digital dan sebagainya.

Penguasaan kemahiran literasi media dan informasi memerlukan konsep akses yang lebih luas dan mampu merangkumi kemampuan masyarakat, terutamanya untuk mengembangkan kemahiran dan kebolehan untuk menggunakan pelbagai jenis perkhidmatan elektronik. Oleh itu, perlunya memperluaskan skop literasi media kepada memperlihatkan hasil pertembungan media (Media Convergence) yang menggabungkan media elektronik dan multimedia dari segi – membaca dan menulis, audiovisual, digital, dan kemahiran baharu yang diperlukan bersesuaian dengan era digital pada masa kini (McDougall 2019). Perkara ini turut mencerminkan kajian-kajian terdahulu yang kepada dua elemen tersebut dan penulisan ini ingin memfokuskan kepada aspek pendidikan terhadap literasi media dan informasi di benua Eropah. Hal ini sebabkan oleh, sekiranya dibandingkan dengan pengajian media yang lebih memfokuskan pada kajian budaya, filem dan literatur, namun, wujudnya sedikit perbezaan dengan literasi media. Perbezaan ini disebabkan oleh, literasi media lebih memfokuskan kepada penerokaan literasi itu sebagai suatu amalan sosial masyarakat (McDougall 2019).

Kenapa literasi media dan informasi perlu menjadi suatu amalan sosial masyarakat? Menurut Polizzi (2020), di UK walaupun terdapat pelbagai maklumat banyak yang diperoleh secara mediasi namun, hanya 2% kanak-kanak di sekolah rendah dan menengah boleh mengenal pasti maklumat palsu di dalam talian. Selain itu, separuh daripada generasi muda yang berusia 12 hingga 15 tahun sukar untuk menentukan sama ada kandungan dalam media sosial benar, dua dari lima kanak-kanak berpengalaman menerima maklumat palsu dan lebih empat dari sepuluh kanak-kanak ini berpendapat bahawa media sosial memberikan berita-berita yang boleh dipercayai. Oleh itu, memiliki kemahiran literasi media dan informasi adalah sangat penting terutamanya apabila terlibat dan perlu menilai kandungan dalam talian.

Menyedari tentang kepentingan untuk melengkapkan masyarakat dengan kemahiran untuk menilai maklumat, sebilangan besar negara-negara Eropah mula menerapkan pendidikan media dalam sistem pendidikan formal mereka (Petranová et al. 2017). Namun, penerapan ini mungkin sebagai suatu subjek berasingan atau sebagai suatu pendidikan tidak formal contohnya:

- **Republik Czech** menumpukan kepada aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kesedaran terhadap media dan menyokong usaha untuk mengambil pendekatan kritis terhadap kandungan media contohnya projek Media Under the Magnifying Glass.
- **Slovakia** memberikan tumpuan kepada pendidikan media kanak-kanak dan generasi muda untuk mengambil kursus-kursus yang mampu mengembangkan kemahiran praktikal yang berkaitan dengan penggunaan media. Contohnya, pertubuhan tidak berdasarkan kepada keuntungan seperti eSlovensko dan projek Deti v sieti.
- **Denmark** yang memiliki Majlis Media untuk Kanak-kanak dan Belia yang menyediakan inisiatif melibatkan pengeluaran bahan pendidikan, panduan dan program yang boleh digunakan dalam pendidikan media untuk kanak-kanak, guru dan ibu bapa.
- **Belanda** yang terkenal dengan Minggu Literasi Media untuk memberi tumpuan kepada semua kumpulan khalayak media selain daripada kumpulan kanak-kanak dan generasi muda.
- **Croatia** berusaha untuk mewujudkan pusat internet yang lebih selamat, agar mampu membantu untuk mengembangkan lagi kemahiran komunikasi berkaitan dengan internet dan maklumat yang disebarluaskan oleh media.



- **Slovenia** pula memberi tumpuan kepada ibu bapa dan guru dalam bidang pendidikan bukan formal untuk meningkatkan kadar literasi melalui pemikiran kritis dan analisis kritis terhadap kandungan media.
- **Jerman** meletakkan tumpuan terhadap keselamatan internet, literasi media dan kemahiran komunikasi, pendidikan ibu bapa mengenai penyiaran televisyen.
- **Greece** memfokuskan kepada literasi filem, literasi media dan juga perlindungan kanak-kanak dan generasi muda dalam semua bidang penggunaan media.
- **Hungary** memberi tumpuan kepada literasi media terutama pada penggunaan internet yang selamat dalam kalangan masyarakat.
- **Ireland** meletakkan tumpuan kepada penghasilan filem dan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk bekerja dengan media digital.
- **Sepanyol** memberi tumpuan untuk menghasilkan bahan-bahan untuk pendidikan media dan menangani risiko Internet.
- **Sweden** menekankan kepada kepentingan terhadap kebolehan membaca (literasi membaca), keselamatan internet dan perlindungan hak dalam talian.

Menurut McDougall et al. (2018) sehingga 2014, kebanyakan negara-negara anggota Kesatuan Eropah masih lagi tidak menerapkan pengajian media dalam kurikulum. Perkara ini tertakluk kepada kuasa autonomi sekolah-sekolah untuk mewujudkan pendidikan literasi media dan informasi. Beberapa negara Eropah seperti Finland, Hungary dan Republik Czech memiliki kerangka nasional kurikulum atau strategi yang bertanggungjawab dalam menentukan mata pelajaran yang berkaitan dengan pengajian media. Namun, penentuan ini berdasarkan tahap fleksibiliti sesebuah sekolah di negara itu. Manakala di Jerman pula menganggap konsep kompetensi media sebagai suatu kemahiran teknikal di luar konteks pendidikan. Berbeza di Turki yang mana, wujudnya perdebatan mengenai kepentingan untuk mengintegrasikan subjek literasi media dan informasi ke dalam kurikulum sekolah. Meskipun begitu, ia dimulakan sebagai kursus elektif di sekolah menengah dan diajar dalam kursus-kursus lain seperti bahasa dan pendidikan seni. Di United Kingdom pula, memperlihatkan pengajian media sebagai suatu subjek penting yang membolehkan para pelajar memiliki kebolehan untuk menganalisis maklumat. Terutamanya menggalakkan kebolehan untuk mempersoal, pemikiran kritis, membuat keputusan dan menganalisis pengetahuan dan pemahaman terhadap kepelbagaiannya isu media.

Isu Migrasi Di Eropah

Selain daripada pendidikan, tahap literasi media dan maklumat terhadap kumpulan minoriti merupakan suatu agenda penting bagi negara-negara di Eropah. Menurut Smets dan Bozdag (2018) migrasi, imigran, pelarian atau minoriti etnik dan agama diwakili oleh pelbagai jenis media, merupakan salah satu tema yang paling penting dalam kajian media dan komunikasi Eropah. Leurs et al. (2018) menjelaskan di Belanda, migran-migran muda yang berusia antara 12 hingga 18 tahun kebiasaannya mempunyai akses kepada telefon pintar. Pengalaman mereka dengan telefon pintar membolehkan mereka mempelajari teknik-teknik penghasilan kandungan media dan mampu menilai kembali kreativiti dan nilai-nilai mereka. Mereka juga mendapati program-program pendidikan literasi media di Belanda menyasarkan kanak-kanak dan belia tanpa mengira latar belakang mereka.

Kajian Borkert et al. (2018) pula membuktikan perkaitan antara telefon pintar dan komunikasi berdasarkan internet seperti WhatsApp dan Facebook dengan migrasi terutamanya untuk berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan, membuat dan mengekalkan jaringan sosial di tempat baharu atau tempat asal mereka. Tambahan mereka lagi, terutamanya pelarian dari Syria dan Iraq (sekitar tahun 2015 dan 2016) yang kebanyakannya memiliki pendidikan tinggi dan cekap digital. Bagi pelarian-pelarian ini mereka perlu untuk sentiasa berhubung, mendapat akses WI-FI dan mengecas telefon pintar untuk memastikan keselamatan mereka sama ada dalam dan luar talian. Perkara-perkara ini penting disebabkan oleh faktor keselamatan para pelarian mampu terancam disebabkan oleh misinformasi dan juga kecelaruan maklumat dalam talian. Namun, kajian Syed Sarosh Anwar (2021) menjelaskan di Finland, pendidikan literasi media dalam kalangan belia Muslim turut dikaitkan dengan isu-isu radikal dan ekstremis. Usaha kerajaan Finland menerap pendidikan literasi media dalam kalangan belia Muslim lebih tertumpu dari segi psikologi, praktikal serta mewujudkan perasaan kekitaan dan keselamatan dalam kalangan mereka.

Walaupun negara-negara di Eropah kebanyakan berstatus negara maju, namun mereka masih lagi bergelut untuk meningkatkan kemahiran literasi media dalam kalangan masyarakat mereka. Dalam usaha untuk menjadikan kemahiran literasi media sebagai satu amalan sosial masyarakat, aktiviti lebih dijalankan untuk membina kemahiran literasi media seawal mungkin. Contohnya memulakan pendidikan kurikulum di peringkat sekolah rendah dan pada masa yang sama, menyediakan ibu bapa dengan kelengkapan untuk mendidik anak-anak tentang kemahiran literasi media. Selain daripada itu, mereka juga mengambil kira isu-isu pelarian dan migrasi yang mana memerlukan penekanan terhadap kepentingan untuk mempunyai kemahiran bukan hanya untuk memperoleh maklumat malah, untuk memproses maklumat dengan baik dan mampu mengelakkan misinformasi yang boleh menyebabkan diskriminasi.

Media Literasi & Informasi di Afrika

Pembentukan media bertujuan untuk membentuk nilai awam seperti pembentukan nilai demokratik, daya kreatif dan kebudayaan, pendidikan, masyarakat dan sosial serta nilai-nilai global (Md Azalanshah & Mohd Nazri, 2018). Pada awalnya, di Afrika Selatan, mereka tidak mempunyai masa yang sesuai untuk mempromosi, mengajar dan terlibat dengan literasi media dan informasi (Magda, 2016). Norma masyarakat di Afrika Selatan yang mempunyai kepercayaan agama dan tradisi sosial amat mementingkan penghormatan tinggi kepada figura seperti ibu bapa dan guru di mana pandangan serta pengetahuan mereka tidak boleh dipersoalkan. Selain itu, ahli agama yang sebahagiannya juga memegang tanggungjawab sebagai pendidik turut diberi penghormatan yang tinggi. Maka pendekatan mereka terhadap media dan informasi didorong oleh aspek moralistik dan konservatif terhadap sesuatu topik. Perkembangan dalam penerokaan dan pembinaan literasi media dan informasi di seluruh dunia menyebabkan wilayah Afrika Selatan turut tidak ketinggalan untuk menerokai bidang ini. Literasi media dan informasi juga berperanan sebagai subjek pembelajaran, kaedah pembelajaran, kesedaran diri dan panduan diri dalam bersosialisasi. Tambahan lagi, ia juga sebagai alat kepada semua pembentukan perkembangan sesuatu konteks dan isu.

Namun, di Afrika, pendedahan terhadap penggunaan media baru yang menggunakan jaringan internet masih berada pada tahap yang rendah dan tidak melebihi separuh daripada peratusan populasi. The Mobile Economy Sub-Saharan 2020 merekodkan hanya 477 million penduduk atau 45 peratus populasi penduduk di wilayah berkenaan yang melanggan telefon bimbit dan hanya separuh daripada mereka mempunyai langganan internet.





Sistem pendidikan dan pembelajaran literasi media

Kesan media dalam mempengaruhi tingkah laku, nilai, sikap dan tren generasi baru telah menyebabkan sistem pendidikan dan media perlu melengkapi satu sama lain. Pada 1990an, penggunaan ICT mula mengambil tempat dalam sistem pendidikan dengan adanya pendidikan jarak jauh, sistem e-learning dan laman web pendidikan. Perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan ini memberi cabaran buat negara membangun seperti di Algeria. Sejarah sistem pendidikan di Algeria yang lebih tertumpu ke arah pendidikan berasaskan kaum dan peraturan sistem kolonial telah memberi cabaran dalam perkembangan sistem pendidikan berasaskan teknologi. Namun, bermula pada tahun 2000, Algeria sudah mula menggunakan teknologi komunikasi modern sebagai alat dalam sistem pendidikan dan menggunakan konsep sekolah digitalisasi. Pedagogi yang digunakan juga lebih bersifat terbuka terhadap dunia luar. Tindakan ini adalah bertujuan untuk membentuk masyarakat Algeria yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang politik, ekonomi dan transformasi sosial (Redouane, 2016).

Bagi negara Morocco pula, pendidikan media dan budaya siber telah diperkenalkan sebagai salah satu kurikulum di peringkat pengajian tinggi yang diperkenalkan di fakulti seni dan kemanusiaan. Kurikulum ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami fungsi media dan impak kepada masyarakat. Menurut Abdelhamid dan Drisia (2016), perkara pertama yang disatukan dalam kurikulum berkenaan adalah literasi media dan informasi. Hal ini bertujuan bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran analitikal supaya bertanggungjawab ketika memerhati, membaca, dan menggunakan kepelbagaiannya media yang ada dan kandungan informasi. Melihat kepada perkembangan dan keupayaan pelajar dalam menggunakan kemahiran dalam penggunaan media sebenar, literasi media terus dipromosikan di peringkat pendidikan tinggi Morocco, namun terdapat beberapa kekangan yang wujud seperti kadar buta huruf yang tinggi, tahap penguasaan bahasa asing yang rendah, sistem perpustakaan yang masih menggunakan sistem tradisional dan penggunaan internet yang masih belum menyeluruh. Ini telah menyukarkan proses untuk mewujudkan literasi media yang lebih holistic dalam kalangan masyarakat.

Bagi negara-negara di sub-sahara Afrika pula, kurikulum literasi media mula diperkenalkan semenjak di peringkat awal persekolahan. Namun, kurikulum literasi media yang dijalankan tidak dapat memfokuskan kepada kemahiran pelajar untuk mengenal pasti sesuatu maklumat itu tepat ataupun berita palsu. Antara kekangan utama yang dihadapi adalah masalah kehadiran pelajar ke sekolah. Kadar kehadiran ke sekolah yang rendah dan masa yang singkat menyebabkan mereka lebih memfokuskan kepada disiplin utama seperti sains dan matematik serta menganggap literasi media adalah bukan keutamaan boleh diselitkan antara disiplin yang ada (Cunliffe-Jones, 2021). Sebelum dapat meningkatkan literasi media, kemahiran literasi asas seperti membaca dan mengira perlu diberikan keutamaan. Namun kemahiran literasi asas ini juga masih rendah dalam kalangan pelajar di negara Kenya, Uganda, Nigeria, dan Ghana. Akhir sekali, kekurangan pengalaman dan pengetahuan guru-guru untuk menerapkan kemahiran literasi media kepada pelajar untuk membezakan ketepatan sesuatu informasi juga menjadi kekangan dalam menjadikan literasi media sebagai kurikulum utama dalam sistem pendidikan di samping kekurangan bahan mengajar yang disediakan di institusi pengajian.

Dari aspek pengamal media pula, kehadiran teknologi media baru yang pantas telah merubah landskap penerbitan dan penyampaian maklumat asas kepada penerima maklumat. Teknologi media baru memudahkan para pengamal media untuk mendapatkan maklumat apabila boleh menemui bual responden melalui penggunaan telefon bimbit dan jika terdapat berita secara tiba-tiba, mereka berupaya untuk terus merakam dan melaporkan berita menggunakan peranti dan kemudahan teknologi yang ada. Namun, perkembangan media baru yang merubah landskap

kewartawanan juga memerlukan para wartawan untuk turut memiliki pengetahuan supaya dapat memperkasa bidang kewartawanan dan penggunaan teknologi maklumat (Salawu ,2017). Bagi melahirkan wartawan generasi baru yang beretika dan memahami konsep wartawan era digital, ia perlu dimulakan dengan sistem pendidikan kewartawanan yang ditawarkan. Antara cabaran yang dihadapi di Nigeria ialah tenaga pengajar. Tenaga pengajar yang ada tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mendalam terhadap dunia kewartawanan media baru memandangkan mereka lebih terdedah kepada era media massa yang berkONSEP tradisional. Bukan itu sahaja, kekangan alat keperluan dan makmal media baru yang memiliki semua keperluan juga menjadi salah satu kekangan yang ada sedangkan penggunaan teknologi yang canggih akan membantu kemajuan dalam bidang teknologi. Cabaran yang wujud ini memberi kesan kepada para pelajar apabila mereka mencebur i bidang kewartawanan yang sebenar untuk bergerak seiring dengan dunia kewartawanan antarabangsa.

Isu Media dan Teknologi

Wasserman dan Madrid-Moralas (2019) menjalankan kajian di Kenya, Nigeria dan Afrika Selatan dan mendapati bahawa tanggapan mereka didedahkan kepada informasi yang tidak tepat berada pada tahap yang tinggi dan kepercayaan kepada media kebangsaan pula berada pada tahap yang rendah. Namun, perkongsian informasi tidak kiralah ia palsu atau tepat masih berlaku dalam kalangan warganegara mereka. Di negara Kenya dan Nigeria, perkongsian berita palsu dianggap sebagai salah satu cara memenuhi keinginan pengetahuan sosial. Hal ini bermaksud, mereka beranggapan tindakan ini akan dapat menekan pihak politik untuk memainkan peranan yang lebih progresif untuk manfaat masyarakat. Selain itu, tindakan ini juga dianggap sebagai tugas sivik dalam kalangan masyarakat supaya dapat memberi amaran dan peringatan kepada pengguna media yang lain terhadap keburukan atau bencana yang mungkin akan terjadi. Perkongsian berita palsu ini dianggap sebagai satu tindakan demokrasi dan perlu untuk disebarluaskan supaya diketahui umum.

Platform media sosial seperti YouTube, Facebook, WhatsApp, TikTok, Pinterest, Instagram kini menjadi sangat popular di Afrika Selatan dan penggunanya berupaya untuk mencapai jutaan bilangan pelanggan (Kubheka, Carter & Mwaura, 2020). Kuasa media sosial yang mudah untuk diakses dan dimiliki oleh pelbagai pihak turut memberi cabaran dalam menggunakan media berkenaan. Di Afrika Selatan contohnya, antara isu yang perlu mereka hadapi adalah apabila media sosial seperti Twitter digunakan sebagai perintis untuk menyebarkan informasi yang tidak tepat mengenai politik dan meningkatkan penyebaran berita palsu secara atas talian dan melakukan kritikan sindiran. Bukan itu sahaja, platform media sosial yang mudah diakses melalui telefon bimbit seperti WhatsApp turut digunakan untuk meluahkan pendapat secara ekstrem yang mempunyai unsur hasutan kepada keganasan, atau membangkitkan unsur perkauman, misoginis, dan xenofobia (Wasserman & Madrid-Morales, 2019). Oleh sebab itu, kemahiran literasi media sangat penting dalam kalangan pengguna supaya setiap ahli dalam masyarakat dapat menilai setiap mesej yang diterima.

Dalam usaha membangunkan negara membangun, informasi yang bermanfaat yang wujud, tepat dan terkini adalah penting untuk disajikan kepada masyarakat (Enakire & Onyenanza 2007). Laporan The Mobile Economy Sub-Sahara Africa 2020 melaporkan pada tahun 2019, penduduk berupaya untuk memiliki telefon bimbit berikut harga yang lebih murah. Namun begitu, kadar pemilikan masih berada pada tahap yang rendah iaitu hanya 45 peratus daripada kalangan penduduk. Di sesetengah negara wilayah Afrika, penyambungan internet masih berada pada tahap bawah 4G. keadaan ini akan menyebabkan tempoh untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau melakukan tugas yang melibatkan penggunaan internet akan terjejas lebih-lebih lagi dalam musim pandemik Covid-19 yang sedang melanda.




Setiap negara di Afrika mempunyai cabaran dan halangan yang berbeza dalam meningkatkan kemahiran literasi media dalam kalangan warga negaranya. Namun, antara kekangan utama yang dimiliki oleh semua negara ialah kekurangan sistem pendidikan media literasi di peringkat rendah dan pengajian tinggi, tenaga pengajar yang tidak mempunyai kemahiran untuk meningkatkan kemahiran supaya pelajar dapat membezakan dan menilai ketepatan sesuatu informasi yang disampaikan media dan masalah dengan penyebaran berita palsu dan sistem teknologi yang masih belum maju sepenuhnya.

Kesimpulan

Objektif pembelajaran di bahagian ini adalah untuk para pelajar memahami konsep literasi media dan informasi di dalam konteks negara-negara di Afrika, Asia dan Eropah. Modul ini memberi penekanan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama, bagaimana negara-negara di Afrika mempunyai kekangan dari segi kekurangan sistem pendidikan media literasi yang didorong oleh kadar literasi asas yang masih rendah, kekurangan tenaga pengajaran yang memiliki kemahiran yang bertepatan dan paling utama, sistem teknologi yang masih belum sepenuhnya maju di benua itu. Bahagian kedua pula, memperlihatkan isu-isu literasi media di negara-negara Asia terutamanya, yang berkaitan dengan literasi digital terutamanya penggunaan media sosial. Negara-negara Asia telah menjalankan kempen-kempen kesedaran dan inisiatif dari kerajaan telah dilakukan di pelbagai peringkat masyarakat untuk memupuk kesedaran terhadap literasi media dan maklumat. Di bahagian terakhir, modul ini memfokuskan kepada isu literasi media di benua Eropah. Negara-negara di Eropah memperlihatkan kepentingan untuk memupuk bukan hanya kesedaran tetapi usaha untuk melengkapkan masyarakat mereka dengan kemahiran literasi media dan maklumat. Selain menekankan kepentingan pendidikan literasi media dan maklumat bagi generasi muda, mereka juga menekankan kepentingan pendidikan literasi media untuk golongan minoriti di negara-negara mereka.

AKTIVITI

Untuk menguji kefahaman pelajar tentang kepentingan memahami aspek sosiobudaya di dalam literasi media dan informasi, pelajar digalakkan untuk menyertai aktiviti berikut:



- Dengan menggunakan telefon pintar anda, buka Google Playstore atau App Store, dan lakukan pencarian dan muat turun aplikasi Generasi Celik Media. Mulakan permainan interaktif ini.
- Tahukah anda aplikasi ini dibina hasil kerja sama antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Media (MCMC) dengan Universiti Sains Malaysia (USM). Bincangkan pengalaman anda mengambil bahagian dalam aplikasi ini?
- Sekiranya diberi peluang, apakah penambahbaikan yang anda boleh lakukan kepada aplikasi ini ?
- Lakukan carian Google dan bincangkan bagaimana media-media barat memaparkan isu-isu mengenai pelarian di Eropah? Berdasarkan pemahaman anda terhadap literasi media, kenal pasti sekiranya terdapat gambar, hantaran media sosial dan maklumat yang tidak tepat dalam hasil carian anda.
- Lakukan pencarian dalam media tempatan dan bandingkan dengan bagaimana pemaparan tentang literasi media dan maklumat di media-media utama dunia?
- Pilih sekurang-kurangnya tiga orang dan berikan contoh misinformasi yang pernah tentang masyarakat di ketiga-tiga benua yang telah dibincangkan di bahagian ini. Kemudiannya, rekodkan maklum balas mereka dan bentangkan di dalam kelas tentang pengetahuan masyarakat umum tentang isu-isu di benua-benua ini.
- Pernahkah anda mendengar isu mengenai pelarian Rohingya? Terangkan bagaimana anda mengetahui tentang isu pelarian Rohingya di Malaysia dan pandangan anda tentang pendapat rakyat Malaysia di perbincangan ruangan komen sosial media mengenai isu ini.
- Pernahkah anda berkenalan dengan seseorang yang tidak dikenali di media sosial? Pada masa yang sama, pernahkah anda mendengar dan mengetahui istilah Catfishing. Pada pandangan anda, adakah wujud unsur Love Scam dan bagaimana pula kita boleh mengelak dari terlibat dengan penipuan dalam talian?



- 
- Pilih sebuah negara yang telah dibincangkan dalam modul ini, lakukan pencarian dalam talian dan olahkan satu kempen kesedaran literasi media yang telah dijalankan? Dengan maklumat yang anda peroleh, usulkan cadangan untuk kempen tentang literasi media dan maklumat di Malaysia?
 - Covid-19 merupakan suatu pandemik yang melanda seluruh dunia. Di bantu dengan kefahaman anda berdasarkan modul ini, bincangkan isu infodemik yang berlaku di salah sebuah negara yang telah disebutkan di atas.
 - Sekiranya terdapat rakan anda berkongsi gambar Memes mengenai pelarian di dunia. Adakah anda rasa ia suatu perkara yang lucu atau perkara remeh yang tidak menyakiti sesiapapun. Namun, adakah tindakan ini sesuatu yang beretika untuk dilakukan? Bagaimanakah anda menerangkan isu ini kepada rakan anda terbabit?

RUJUKAN

Abdelhamid Nfissi & Drissia Chouit. 2016. A Moroccan perspective dalam Opportunities For Media and Information Literacy in Middle east and North Africa. The International Clearing House on Children, youth and media :Nordicom.

Anantho, S. 2017. Perception on Media Ethics Among Thai Local Broadcasters: Reflection for Media Literacy Education. Conference proceedings. International Conference in Education for Human Resource Development in the 21st Century.

Aufderheide, P. (1993). Media literacy. A Report of the National Leadership Conference on Media Literacy. Washington, DC: Aspen Institute.

Borkert, M., Fisher, K. & Yafi, E. The Best, the Worst, and the Hardest to Find: How People, Mobiles, and Social Media Connect Migrants In(to) Europe. Social Media + Society January-March 2018: 1–11.

Burniske, R. W. (2008). Literacy in the digital age (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin Press.

Cunliffe-Jones, P. et al. (2021). The State of Media Literacy In Sub-Saharan Africa 2020 and a Theory of Misinformation Literacy, pp. 5–96, in Misinformation Policy In Sub-Saharan Africa: From Laws and Regulations to Media Literacy. London: University of Westminster Press.

GSM Association. (2020). The mobile economy Sub-Saharan Africa 2020.

Jenkins, H., Purushotma, R., Weigel, M., Clinton, K., & Robinson, A.J. 2009. Confronting the Challenges of Participatory Culture: Media Education for the 21st Century. Chicago. MacArthur.

Kajimoto, M. 2020. Media and Information Literacy Education in Asia: Exploration of Policies and Practices in Japan, Thailand, Indonesia and the Philippines. UNESCO; France & Bangkok. Book chapter.

Kubheka, B.Z., Carter. V., & Mwaura. J. (2020). Social media health promotion in South Africa: Opportunities and challenges. African Journal of Primary Health Care & Family Medicine, 2071-2936.

Kusumastuti, A. & Nuryani, A. 2020. Digital Literacy Levels in ASEAN. Conference Paper. Doi: 10.4108/eai.23-10-2019.2293047

Leurs, K., Omerović, E., Bruinenberg, H. & Sprenger, S. Critical media literacy through making media: A key to participation for young migrants? Communications 2018; 43(3): 427–450

Magda Abu-Fadil. (2016). Opportunities For Media and Information Literacy in Midle east and North Africa. The International Clearing House on Children, youth and media :Nordicom.

McDougall, J., Zezulkova, M., van Driel, B., Sternadel, D. (2018). 'Teaching media literacy in Europe: evidence of effective school practices in primary and secondary education', NESET II report. Luxembourg: Publications Office of the European Union.

Mcdougall, J. 2019. Media Literacy in England. Dalam Hobbs, R. and Mihailidis, P. (Editors-in-Chief), Cappello, G., Ranieri, M. & Thevenin, B. (Associate Editors). The International Encyclopedia of Media Literacy. 1- 10. John Wiley & Sons, Inc.



- Md Azalanshah Md Syed. & Mohd Nazri Ibrahim. (2018). Literasi media, cabaran penyiaran sosial, dan kelangsungan industri televisyen di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 13(1), 15-40.
- Mihailidis, P., & Thevenin, B. (2013). Media literacy as a core competency for engaged citizenship in participatory democracy. *American Behavioral Scientist*, 57(11), 1611-1622.
- Moto, S., Ratanoalarn, T., Tuntiwongwanich, S. & Pimdee, P. 2018. A Thai Junior High School Students 21st Century Information Literacy, Media Literacy and ICT Literacy Skills Factor Analysis. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*. 13(9). 87-106.
- Muttaqin. (2016). The emergence of materialism and Islamic view upon it. *Indonesian Journal of Islamic Literature and Muslim Society*, 1(2), 149-166.
- Pandian, A., Baboo, S. B. & Yi, J.L. 2020. Reading the 21st Century World: Self-Assessment of Digital Media Literacy Among Secondary School Students in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*. 10 (7). 350-359.
- Petranová, D., Hossová, M. & Velický, P. 2017. Current development trends of media literacy in European Union countries. *Communication Today*, 8(1): 52-64.
- Polizzi, G. 2020. Digital literacy and the national curriculum for England: Learning from how the experts engage with and evaluate online content. *Computers & Education*. 1-13.
- Priancha, A. 2021. Why Digital Literacy Matters for Indonesia?. Dicapai pada <https://www.policyforum.net/why-digital-literacy-matters-for-indonesia/>.
- Redouane Boujemma. (2016). An Algerian Perspective. Dalam Opportunities For Media and Information Literacy in Middle east and North Africa. The International Clearing House on Children, youth and media :Nordicom.
- Salawu. A. (2017). New media: A review of some trends in Journalism Training in Africa. *Journal of Social Science and Humanities*. 12(3), 1-13
- Salleh, M. S. 2020. Media and Information Literacy Education in Asia: Exploration of Policies and Practices in Japan, Thailand, Indonesia and the Philippines. UNESCO; France & Bangkok. Book chapter
- Shahrul Nazmi Sannusi. (2020). Literasi media dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap isu alam sekitar. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 124-142.
- Sourbati, M. (2009) Media Literacy and Universal Access in Europe. *The Information Society: An International Journal*, 25:4, 248-254.
- Smets, K. & Bozdag, C. 2018. Editorial introduction. *Representations of immigrants and refugees: News coverage, public opinion and media literacy*. Communications 2018; 43(3): 293–299.
- Syed Sarosh Anwar. 2021. Countering Social Exclusion of Young Muslims: A Case Study of the Potential of Inclusion in the Finnish Media Literacy Education. Dicapai pada <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:1561546/FULLTEXT02>.

United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia. 2014. Exploring The Digital Landscape In Malaysia: Access and use of digital technologies by children and adolescents. Malaysia.

Van Audenhove, L., Mariën, I. & Vanwynsberghe, H. 2018. Media literacy policy in Flanders - Belgium: From parliamentary discussions to public policy. *Journal of Media Literacy Education* 10(1), 59 – 81

Wasserman, H & Madrid-Morales, D (2019): An exploratory study of “fake news” and media rust in Kenya, Nigeria and South Africa, *African Journalism Studies*.





Bab 5

LITERASI MEDIA & ETIKA DALAM PRODUKSI BERITA DIGITAL



Literasi Media & Etika Dalam Produksi Berita Digital

HASRUL HASHIM

SINOPSIS

Topik di dalam bahagian ini akan membincangkan tentang kepentingan untuk memahami dan mengaplikasi literasi media dan informasi (MIL) di dalam penghasilan sesebuah produksi media terutamanya penghasilan kandungan berita penyiaran digital. Secara spesifik, topik yang akan dibincangkan di dalam bab ini akan lebih menjurus kepada keperluan untuk mengetahui tentang aspek etika yang merupakan asas utama dalam literasi media dan informasi. Topik ini boleh digunakan sebagai panduan di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek kewartawanan siaran, kewartawanan digital dan kandungan kreatif media sosial.

Kata kunci: Etika, Literasi Media & Informasi, Kewartawanan, Digital

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran di dalam bab ini adalah seperti berikut:

- 1.Untuk memastikan pelajar mampu menganalisis dan menilai naratif yang meningkatkan kemahiran kewartawanan siaran seperti penghasilan kandungan dan kewartawanan digital.
- 2.Untuk memantapkan lagi pemahaman pelajar tentang kepentingan etika di dalam menghasilkan sesebuah laporan berita terutamanya di dalam platform digital.
- 3.Untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep penerbitan berita merentas platform (*cross-media news production*)

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir bab ini, pelajar akan berupaya untuk:

- 1.Menganalisis jenis-jenis kandungan berita samada di platform media arus perdana atau media digital yang tidak mengamalkan prinsip dan etika yang sewajarnya.
- 2.Memahami kepentingan etika dalam literasi media dan informasi.
- 3.Mengaplikasikan konsep etika dan literasi media dan informasi di dalam penghasilan siaran berita tanpa mengira jenis platform.

PENGENALAN

Bidang media dan komunikasi adalah merupakan satu disiplin yang menitik beratkan kepada kaedah menganalisis, menilai, melakukan refleksi serta cara berkomunikasi dengan betul dan beretika. Sebagai seorang pelajar jurusan media dan komunikasi, anda berkemungkinan telah mempunyai pengetahuan asas dalam menilai kebenaran sumber sesuatu berita, melakukan semakan fakta serta melakukan kawalan terhadap setiap bentuk kandungan yang dimuat naik di media sosial. Sekiranya perkara asas ini tidak diketahui oleh pelajar, maka industri kewartawanan dan penyiaran di negara ini akan mempunyai masalah yang besar. Justeru itu, kursus-kursus di dalam bidang media dan komunikasi telah mula menerapkan elemen literasi media dan informasi atau MIL di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Hal ini adalah kerana MIL boleh menjadi panduan terbaik dalam menggunakan dan menghasilkan kandungan media yang selari dengan amalan etika yang tinggi dan dalam masa yang sama meningkatkan kognitif, sosial dan keperluan emosi pelajar (Friesem, 2019). Oleh yang demikian, topik di dalam bahagian ini akan menyentuh tentang kepentingan meningkatkan kemahiran kewartawanan dan penyiaran pelajar terutamanya di dalam menghasilkan kandungan berita digital.

Bidang kewartawanan siaran adalah satu bidang yang telah mengalami transformasi akibat daripada cabaran dari aspek ekonomi, teknologi dan juga sisio-politik. Kemunculan internet dan era pendigitalan telah membantu mempercepatkan proses ini. Penyiaran berita pada hari ini tidak lagi terhad kepada penyiaran di televisyen dan radio semata-mata, malah telah bergabung dengan kandungan-kandungan digital di media sosial dan membentuk ekologi media yang bersifat hibrid. Platform media sosial kini telah menjadi satu ruang untuk mendapatkan sumber dan berkongsi berita malah secara tidak langsung membuka kepada satu fenomena lain seperti penyebaran berita palsu, keceluaran maklumat, disinformasi dan sebagainya (Tandoc, Lim & Ling, 2018).

Di Malaysia, bidang penyiaran diterajui oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang merupakan stesen milikan kerajaan dan juga merupakan stesen media yang telah lama berada di dalam industri penyiaran sejak tahun 1946 lagi. Media Prima dan Astro pula merupakan syarikat media milikan swasta yang lebih bermotifkan keuntungan di dalam pengoperasiannya. Konglomerat Media Prima terdiri daripada stesen-stesen seperti TV3, 8TV, TV9, HotFM, FLyFM, KoolFM, Buletin FM, dan juga 8 FM. Astro pula merupakan syarikat yang menawarkan perkhidmatan TV satelit dan juga mempunyai lebih daripada 15 buah stesen radio tempatan. Dari aspek kandungan kewartawanan siaran, saluran yang menyiaran program berita sepenuhnya adalah seperti saluran Berita RTM, Bernama News Channel dan Astro Awani. Manakala saluran-saluran yang lain mempunyai program berita yang tersendiri pada waktu-waktu tertentu adalah seperti Buletin Utama di TV3 dan Berita Perdana di TV1. Di samping itu juga terdapat juga program berita di radio seperti yang terdapat di RTM dan radio swasta yang lain.

Kesemua stesen-stesen dan saluran rancangan yang mempunyai program berita di Malaysia telah mengintegrasikan penyiaran di media arus perdana dengan penggunaan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *TikTok*. Sebagai contohnya, klip-klip pakej berita yang disiarkan di televisyen akan disunting sebagai kandungan yang akan dikongsikan di *Instagram* dan *Tiktok*. Tajuk-tajuk utama berita semasa pula akan disunting menjadi infografik berbentuk gambar dan video dan turut dikongsikan di media sosial.





Etika Dalam kewartawanan

Menurut Ward (2020), etika kewartawanan adalah bidang dan pengaplikasian norma etika yang digunakan sebagai panduan di dalam amalan praktis sosial bidang kewartawanan termasuklah dalam bentuk kepelbaaan penggunaan teknologi dan organisasi. Kita semua menyedari bahawa media mempunyai satu kuasa yang sangat besar dalam mempengaruhi khalayak. Mempunyai kuasa bererti memiliki satu tanggungjawab. Oleh yang demikian, secara umumnya, perkara utama yang mendasari etika seseorang wartawan adalah kebertanggungjawaban terhadap sebuah berita atau kandungan yang dilaporkan kepada khalayak. Menurut Posetti (2020), terdapat tujuh prinsip utama yang berkaitan dengan etika yang digunakan secara umum di dalam bidang kewartawanan iaitu ketepatan, kebebasan, keadilan, kerahsiaan, kemanusiaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan. Namun, revolusi teknologi pendigitalan dan kemunculan pelbagai platform media, secara tidak langsung turut memberikan kesan terhadap takrifan dan pemahaman etika. Jika dahulu, etika seseorang wartawan hanyalah melaporkan kebenaran, tetapi dalam situasi yang melibatkan kepelbaaan platform dan kepelbaaan jenis kewartawanan, struktur dan pengamalan etika kewartawanan perlu disesuaikan dengan persekitaran digital dan global.

Ward (2020) telah menenaraikan enam bidang permasalahan yang menjadi perdebatan etika di dalam dunia kewartawanan terutamanya di dalam era pendigitalan dan kemunculan pelbagai platform media. Antaranya adalah:

1. Ketepatan & Pengesahan

- Pengesahan yang bagaimana diperlukan sebelum sebuah berita atau kandungan disiarkan? Sejauhmanakah pengampang (*gate-keepers*) memainkan peranan dalam memastikan ketepatan berita?

2. Berdikari & Prinsip

- Bagaimana seseorang wartawan boleh berdikari tetapi dalam masa yang sama mengekalkan perhubungan etika dengan majikan, penyunting, sumber, dan khalayak? Bagaimana yang dikatakan terjadinya konflik terhadap sumber?

3. Ketidakjujuran & Penipuan

- Perlukah seseorang wartawan menggunakan kaedah yang tidak jujur dalam mencari sumber seperti kamera tersembunyi atau rakaman tanpa izin?

4. Manipulasi Imej & Visual

- Bagaimanakah penerbitan imej dan visual boleh menyebabkan eksplotasi dan manipulasi? Wajarkah sesuatu imej atau visual disunting?

5. Sumber & Kerahsiaan

- Wajarkah seseorang wartawan menjanjikan kerahsiaan sumber? Bagaimana dari aspek perlindungan terhadap sumber? 'Off the record'?

6. Situasi Khas

- Bagaimanakah wartawan perlu melaporkan berita tergempar atau berita-berita sensitif seperti pembunuhan, tebusan, bunuh diri dan sebagainya? Bilakah wartawan perlu melanggar ruang privasi?

Oleh yang demikian, persoalan berkenaan etika di dalam kewartawanan sangat berkait rapat dengan asas kebertanggungjawaban. Hal ini adalah kerana, walaupun etika yang diamalkan bersifat global, namun pengamalannya dilihat berbeza-beza mengikut objektif sesebuah organisasi media dan budaya sesebuah negara.

Era Pasca Kebenaran (*Post-Truth*)

Pengajaran dan pembelajaran kursus media dan kewartawanan di dalam era pasca-kebenaran atau *post-truth* memerlukan satu pendekatan yang lebih sistematik terutamanya untuk menghadapi fenomena berita palsu. Hal ini adalah kerana, ekosistem maklumat di dalam era ini dibentuk oleh elemen-elemen yang tidak dijangka seperti jaringan media yang tidak telus, amalan etika penerbit, propaganda politik serta khalayak media yang mempunyai literasi yang kurang dan taksub terhadap sesuatu informasi (Bhaskaran, Mishra & Nair, 2019). Justeru, kebolehan membentuk mesej media oleh bakal pengamal media adalah merupakan satu kemahiran yang sangat penting dalam menyampaikan maksud sebenar mesej berkenaan agar tidak disalah tafsir, tidak dimanipulasi dan bersifat neutral.

Revolusi teknologi telah mentransformasikan bidang kewartawanan terutamanya di dalam aspek pendigitalan. Penerbitan sesuatu berita dan kandungan kini lebih mudah untuk diakses dan mampu menarik perhatian pengamal bukan profesional, khalayak, kumpulan sosial malah warganet untuk dimanipulasi atau disebarluaskan di media sosial. Teknologi media mengubah penerimaan sfera publik terhadap kandungan media kepada sesuatu yang bersifat negatif, berbahaya, konspirasi dan boleh dimanipulasikan sehingga menimbulkan fenomena berita palsu, misinformasi dan disinformasi dalam kalangan pengguna (Wardle & Derakhshan, 2020).

Misinformasi merujuk kepada maklumat yang tidak benar, tetapi penyebar maklumat berkenaan merasakan maklumat berkenaan adalah benar. Disinformasi pula merujuk kepada maklumat yang tidak benar dan penyebar maklumat berkenaan tahu bahawa maklumat yang disebarluaskan tersebut adalah memang tidak benar. Selain daripada disinformasi dan misinformasi, terdapat satu lagi konsep iaitu mal-informasi. Mal-informasi merujuk kepada perlakuan menyebarkan maklumat yang diperolehi secara realiti tetapi dengan niat untuk memberikan keburukan terhadap seseorang organisasi mahupun negara.





Justeru, keadaan ini menimbulkan persoalan-persoalan baharu terhadap etika kewartawanan seperti:

- Persoalan tentang ‘identiti’ seseorang wartawan – adakah khalayak dan bukan pengamal profesional yang menghasilkan berita boleh dianggap sebagai wartawan?
- Persoalan tentang skop – sejauh mana etika kewartawanan perlu diamalkan sekiranya khalayak juga boleh menyebarkan berita?
- Persoalan tentang kandungan – Bagaimanakah pendekatan etika terhadap etika kewartawanan bentuk digital?
- Persoalan tentang toleransi dan berita palsu – bagaimana wartawan perlu menangani penyebaran berita palsu dan tidak benar sekiranya dilakukan oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab?

Oleh yang demikian, dengan mengamalkan literasi media seperti kemahiran mengakses, menganalisis, menghasilkan, refleksi dan hubungan sivik maka tindakan ini adalah merupakan strategi terbaik untuk mengangkat dan menerapkan nilai etika sebagai amalan kepada para pelajar dan bakal pengamal industri di masa akan datang (Friesem, 2019).

Pengalaman Etika Kewartawanan di Malaysia

Bidang kewartawanan di Malaysia tertakluk kepada beberapa akta seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972 serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Namun disebabkan oleh perkembangan teknologi dan kemunculan media dalam talian, kesemua akta ini dilihat kurang membantu di dalam mengawal etika terutamanya bagi media dalam talian dan media sosial. Justeru, terdapat cadangan untuk menubuhkan Majlis Media Malaysia pada tahun 2019 yang berperanan untuk mengawal selia industri media yang pantas berubah terutamanya dari aspek pelarasian peraturan yang merangkumi media cetak, penyiaran dan media dalam talian. Melalui penubuhan Majlis ini, satu akta baharu yang dikenali sebagai Akta Majlis Media Malaysia 2020 bakal dimuktamadkan untuk mempertingkatkan kebebasan wartawan dan media, memperbaiki mutu kewartawanan, serta membuat peruntukan bagi pengawalseliaan kendiri oleh media. Namun sehingga ke hari ni penubuhan Majlis ini masih belum dilaksanakan akibat daripada perubahan struktur kepimpinan kerajaan.

Kes Pelanggaran Etika Penyiaran di Malaysia

Bidang kewartawanan siaran di Malaysia juga pernah berhadapan dengan pelbagai isu yang berkaitan etika di dalam pelaporan sesuatu berita. Malah boleh dikatakan kes-kes etika ini mendapat perhatian ramai khalayak disebabkan oleh kepantasan teknologi media sosial dan kesedaran mereka terhadap etika pengamal media di negara ini.

Sebagai contohnya pada November 2020, Buletin TV3 telah membuat kenyataan maaf akibat pelaporan berita tentang Naib Presiden Amerika Syarikat, Kamala Harris. Di dalam pelaporan berkenaan, Buletin TV3 telah merujuk Kamala Harris sebagai ‘pendatang’ dari India ketika membacakan latar belakang Naib Presiden Amerika Syarikat yang baharu tersebut. Pelaporan ini menjadi isu apabila diketengahkan oleh Senator MIC, S. Vella Paari yang kesal dengan kesalahan fakta tidak sensitif berkenaan. Pada tahun sebelum itu, isu sensitiviti di dalam pelaporan berita oleh Buletin TV3 pernah terjadi pada Oktober 2019 apabila pihak penerbit menyiarkan petikan kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan pada waktu itu, YB Teo Nie Ching di dalam bahasa mandarin. Petikan berkenaan telah mengakibatkan warganet marah dan mengecam Timbalan Menteri berkenaan kerana beranggapan beliau tidak menghormati bahasa kebangsaan, sedangkan kenyataan berkenaan adalah untuk digunakan di dalam berita berbahasa mandarin.

Stesen berita Astro Awani juga tidak terlepas daripada isu-isu pelaporan yang tidak tepat. Pada bulan Februari 2021, stesen berkenaan telah memohon maaf kepada seorang peguam yang bernama Dato' Haji Zainul Rijal Abu Bakar apabila menggunakan nama beliau di dalam pelaporan artikel di platform digital stesen berkenaan. Kesilapan berpunca apabila berlaku kekeliruan terhadap nama sebenar peguam berkenaan iaitu Zainur Zakaria dan bukannya Dato' Zainul Rijal. Sebulan selepas insiden berkenaan, Astro Awani sekali lagi membuat kenyataan maaf kepada Datuk Seri Zahid Hamidi apabila berlaku kesilapan di dalam klip video infografik tentang kronologi siasatan dan pendakwaan terhadap bekas timbalan perdana Malaysia berkenaan. Penerbitan infografik berkenaan telah memberikan intrepetaasi salah yang seolah-olah merujuk kepada keputusan dakwaan sebaliknya perkara sebenar hanyalah merupakan fakta-fakta pendakwaan dan bukannya keputusan mahkamah.

Walaupun RTM adalah merupakan stesen milikan kerajaan, stesen ini juga turut terpalit dengan isu etika di dalam pelaporan beritanya. Sebagai contoh pada bulan Mei 2021, pihak penerbitan Berita Mandarin RTM telah memohon maaf setelah dikritik menggunakan istilah ‘militan’ terhadap pejuang-pejuang Pergerakan Perjuangan Islam Palestin (Hamas) di dalam pelaporan beritanya. Penggunaan istilah ‘militan’ dilihat cenderung membawa maksud keganasan dan kekerasan dan dianggap tidak sesuai dengan konflik Palestin-Israel pada ketika itu. Isu Palestin adalah merupakan satu isu yang sangat sensitif kepada masyarakat di Malaysia terutamanya yang beragama Islam.

Produksi Berita Merentas Platform Media (Cross-media news production)

Penghasilan dan penyebaran sesuatu berita tetapi melalui platform yang pelbagai adalah merupakan satu trend yang telah menjadi kebiasaan di dalam dunia kewartawanan di pelbagai negara akibat daripada ledakan perubahan teknologi dan pendigitalan. Produksi berita merentas platform (*cross-media news production*) memberikan satu persoalan dari aspek kualiti dan etika di dalam penghasilannya. Sebagai contohnya, melalui produksi merentas platform ini memerlukan wartawan mempunyai kemahiran yang pelbagai untuk menggunakan teknologi yang akan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman.





Di samping itu juga penerbitan berita di dalam platform yang pelbagai juga memerlukan kepentasan di dalam pelaporan dan penerbitan kerana terikat dengan persaingan dalam mendapatkan perhatian khalayak untuk membaca, berkongsi dan memberikan komen. Sebagai contohnya, penerbitan berita di media sosial akan lebih mudah dikongsikan oleh khalayak dan berita boleh dimuat naik tanpa mengira masa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, isu ketepatan pelaporan merupakan satu isu yang wajar diberikan perhatian kerana kebanyakan penularan berita palsu di media sosial berpunca daripada sikap berlumba-lumba untuk menjadi pantas dan mendapat perhatian.

Seterusnya, persempahanan berita di dalam platform media sosial boleh dipelbagaikan melalui penciptaan infografik, klip-klip video yang berdurasi pendek yang secara tidak langsung lebih memudahkan proses pembacaan dan pemahaman seterusnya disebarluaskan. Contohnya stesen Astro Awani adalah merupakan saluran berita 24 jam. Kandungan yang terdapat di televisyen akan diselaraskan dengan kandungan yang terdapat di laman web dan juga di media sosial seperti Instagram, Twitter dan TikTok. Kandungan di Twitter akan meletakkan hebahan-hebahan seperti poster tajuk berita dan terus disambungkan kepada berita lanjut di laman web stesen berkenaan. Kandungan di TikTok akan menumpukan kepada perkongsian klip-klip pendek berkenaan sesuatu berita yang mempunyai jangkauan tinggi oleh khalayak. Justeru model produksi seperti ini memerlukan daya kemahiran yang sangat pantas dan cekap oleh seseorang wartawan untuk memastikan kandungan yang disampaikan benar-benar tepat, mematuhi etika dan dalam masa yang sama pantas.

Kerangka Konstruksi dan Dekonstruksi Media

Kerangka yang diperkenalkan oleh Center For Media Literacy boleh dijadikan panduan dalam menghasilkan sesebuah kandungan berita media tanpa mengira jenis platform. Hal ini adalah kerana, kerangka ini menekankan tentang aspek kemampuan untuk berfikir secara kritikal terhadap penghasilan mesej dan penerimaan mesej tanpa dipengaruhi oleh platform penyampaian. Terdapat lima kata kunci utama yang perlu ditekankan oleh penerbit (yang menghasilkan mesej) dan pengguna (khalayak) seperti di dalam jadual berikut:

Kata Kunci	Konstruksi (Penerbit)	Dekonstruksi (Khalayak)
Kepengarangan (Authorship)	Adakah saya benar-benar memahami dan bertanggungjawab terhadap mesej yang saya hasilkan?	Adakah saya sedar sumber atau pencipta mesej yang saya baca?
Format (Format)	Adakah mesej yang dihasilkan boleh difahami dari bentuk format, kreativiti dan teknologi?	Apakah pendekatan teknik kreatif yang digunakan untuk menarik perhatian saya?
Khalayak (Audience)	Adakah mesej yang saya hasilkan sampai kepada khalayak sasaran tanpa disalah tafsir?	Adakah pemahaman saya berbeza dengan pemahaman khalayak lain?

Kata Kunci	Konstruksi (Penerbit)	Dekonstruksi (Khalayak)
Kandungan (Content)	Adakah kandungan yang dihasilkan benar-benar jelas dari segi nilai dan sudut pandang?	Apakah bentuk nilai dan sudut pandang yang dipersembahkan di dalam mesej berkenaan?
Tujuan (Purpose)	Adakah bentuk komunikasi saya benar-benar efektif?	Mengapa mesej ini dihantar?

AKTIVITI

Untuk menguji kefahaman pelajar tentang aspek etika dan literasi media dan informasi, pelajar digalakkan untuk menyertai aktiviti berikut:

- Pelajar dikehendaki untuk mencari mana-mana kes yang berkaitan dengan pelanggaran etika atau isu-isu kontroversi di dalam pelaporan berita TV di Malaysia. Seterusnya pelajar perlu mengenalpasti apakah bentuk pelanggaran etika serta undang-undang yang telah dilakukan berdasarkan kepada tujuh kategori information disorder seperti yang diperkenalkan oleh Wardle & Derakhshan (2017).
- Pelajar dikehendaki membentuk kumpulan. Di dalam kumpulan berkenaan, pelajar perlu menghasilkan sebuah laporan berita TV kurang daripada tiga minit berkenaan dengan isu semasa. Setelah itu, pelajar perlu menghasilkan satu poster untuk hebahan di media sosial tentang tajuk pelaporan berkenaan. Laporan berita berkenaan perlu mengambil kira lima aspek kerangka konstruksi dan dekonstruksi yang telah dinyatakan.



RUJUKAN

- Astro AWANI mohon maaf kepada Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. 31 Mac 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/astro-awani-mohon-maaf-kepada-datuk-seri-ahmad-zahid-hamidi-290815>
- Criteria for Media Literacy Instruction. 2012. Connection MediaLit Moments. Vol. 43 <http://consortiumformedialiteracy.org/images/NEWSLETTERS/criteria%20for%20media%20literacy%20instruction.pdf>
- Draf Akta Majis Media Malaysia. Laman web Majlis Media Malaysia. Diakses di <https://majlismedia.my/> pada 24 Julai 2021.
- Kesilapan nama, Astro AWANI mohon maaf. 3 Februari 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesilapan-nama-astro-awani-mohon-maaf-281151>
- Posetti, J. 2020. Bab Pengenalan. Kewartawanan, Berita Palsu & Disinformasi. UNESCO.
- Selepas dikritik, RTM mohon maaf gelar Hamas militant. 12 Mei 2021. <https://ismaweb.net/2021/05/12/selepas-dikritik-rtm-mohon-maaf-gelar-hamas-militan2/>
- TV3 mohon maaf kerana lapor Kamala Harris anak pendatang tanpa izi. 9 November 2020. <https://www.malaysiakini.com/news/550113>
- TV3 mohon maaf siar kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan Dalam Bahasa Mandarin. 4 Oktober 2019. <https://ohbulan.com/tv3-mohon-maaf-siar-kenyataan-timbalan-menteri-pendidikan-dalam-bahasa-mandarin>
- Ward, S. J. A. 2020. Journalism Ethics in Wahl-Jorgensen, K. & Hanitzsch, T. 2020. The Handbook of Journalism Studies. 2nd ed. Routledge : New York
- Wardle, C. & Derakhshan, H. 2020. Modul 2: Berfikir tentang ‘Keceluaran Maklumat’: Format Misinformasi, Disinformasi dan Mal-informasi. Kewartawanan, Berita Palsu & Disinformasi. UNESCO.



Bab 6

SEMAKAN FAKTA



Semakan Fakta

KUEK SER KUANG KENG, DARSHINI KANDASAMY & HAZWANI JAMALUDDIN

SINOPSIS

Bab ini akan memperkenalkan pelajar dengan pelbagai alat dan kaedah untuk mencari dan mengesahkan maklumat dalam talian, sumber maklumat, lokasi dan elemen-elemen lain yang boleh digunakan menerusi pelbagai platform. Kesemua alat dan kaedah ini boleh digunakan di dalam membuat semakan fakta secara kendiri. Tiga konsep utama akan diterangkan di dalam bab ini iaitu pencarian dan analisis sumber; teknik, alat dan panduan carian, manakala yang ketiga adalah pengesahan lokasi dan masa terhadap video atau gambar.

Kata kunci: Sumber, Media Sosial, Bacaan Lateral, Bacaan Menegak, SITF, Geolokasi (pengesahan-geo), carian gambar berbalik, operator carian.

OBJKTIF PEMBELAJARAN

Objektif pembelajaran di dalam bab ini adalah seperti berikut:

- 1.Untuk membina kemahiran mencari dan mengesahkan sumber berita serta maklumat dalam talian.
- 2.Untuk membina kemahiran dalam mengesahkan masa dan lokasi kandungan dalam talian.
- 3.Untuk membina kemahiran dalam menilai kredibiliti dan kebolehpercayaan sumber dalam talian.
- 4.Untuk memahami kepentingan semakan fakta.

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir bab ini, pelajar akan berupaya untuk:

- 1.Memahami bahawa semakan fakta yang cukup dan menyeluruh terdiri daripada pelbagai faktor dan alatan.
- 2.Menggunakan pelbagai alatan dan kemahiran untuk mencari sumber maklumat dan kandungan yang sah dari aspek masa dan lokasi.
- 3.Menilai kredibiliti dan kebolehpercayaan sumber dalam talian.
- 4.Memahami peranan dan kepentingan semakan fakta dalam membendung penyebaran berita palsu.

PENGENALAN

Semakan fakta adalah elemen penting di dalam literasi media kerana ia membantu melengkapkan khalayak dengan kemahiran relevan yang diperlukan untuk menilai dan menganalisis dengan kritis terhadap ketepatan atau kebenaran, kualiti dan kesahan maklumat, serta mengenal pasti maklumat yang tidak benar atau palsu. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan kaedah semakan fakta sebagai cara untuk mengekang penyebaran maklumat palsu dalam talian.

MENGESAN SUMBER DAN ANALISIS

Aspek utama dalam unsur maklumat palsu adalah kemampuan untuk memperdaya penerima maklumat. Oleh itu adalah penting untuk memberikan perhatian terhadap sumber maklumat berkenaan. Sumber maklumat selalunya merujuk kepada individu atau kumpulan tetapi boleh juga merujuk kepada medium lain seperti laman sesawang, gambar atau video. Bahagian ini akan membekalkan anda dengan kaedah dan kemahiran yang diperlukan untuk mencari dan mengenal pasti sumber maklumat digital dalam talian dan untuk mengesahkan ketulenan identiti maklumat.

Mengesan Maklumat Berdasarkan Sumber Asal

Bagi memulakan sebarang semakan fakta, kita harus mengenal pasti petikan, dakwaan, video atau media yang asal. Perkara ini mungkin kelihatan mudah dan jelas tetapi kebiasaannya, wartawan atau penyelidik bahkan penyemak fakta yang berpengalaman masih juga tertipu, terutamanya ketika meneliti laporan atau laman sesawang, atau apabila bekerja dengan tergesa-gesa. Jika anda tidak meneliti kandungan sumber asal, anda mungkin akan terpedaya atau akan membuat kesimpulan yang salah dari makna sebenar yang dimaksudkan oleh sumber asal. Mengenal pasti konteks atau sumber asal adalah salah satu elemen penting dalam kaedah literasi maklumat digital SIFT. Empat langkah yang terdapat di dalam kaedah SIFT yang telah dirumuskan oleh pakar literasi maklumat digital Mike Caulfield (2019) di Washington State University ialah:

- **Stop** (Berhenti)
- **Investigate the source** (Selidik sumber)
- **Find the better coverage** (Cari liputan lebih baik)
- **Trace claims, quotes and media to the original context** (Mengesan dakwaan, petikan dan media berdasarkan sumber asal)



STOP




INVESTIGATE THE SOURCE



FIND BETTER COVERAGE



TRACE CLAIMS, QUOTES AND MEDIA TO THE ORIGINAL CONTEXT



Sumber: Check, Please! Starter Course (www.notion.so)



Bahagian ini akan menfokuskan kepada langkah terakhir iaitu, mengesan punca asal sumber. Perkara ini penting agar kita dapat memahami konteks yang dimaksudkan atau konteks asal sesuatu maklumat. Selain itu, kita juga dapat memastikan sama ada maklumat yang diterima adalah sahih dan disampaikan sepenuhnya, atau maklumat itu telah direka atau dimanipulasikan. Berikut adalah beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan apabila mengesan sumber asal:

Siapa yang menghasilkan maklumat tersebut?

Contohnya, anda terjumpa sebuah laporan berita di sebuah laman sesawang. Adakah syarikat berita laman web tersebut merupakan pengarang artikel tersebut? Adakah video, gambar, dakwaan atau petikan yang dimasukkan ke dalam artikel tersebut hasil daripada temu ramah dan penyelidikan yang dilakukan oleh wartawan, jurugambar dan juruvideo mereka sendiri? Dalam kata lain, adakah kandungan yang diterbitkan, dimuat naik atau dikongsikan di dalam laman berkenaan telah dihasilkan oleh mereka sendiri?

Cari tanda-tanda seperti atribusi, rujukan-rujukan, logo yang diubah suai, tanda ciapan semula (retweet) atau mesej yang telah dipanjangkan (forwarded), rujukan pautan URL, tera air (watermark) gambar, atau perbezaan dan percanggahan seperti kandungan, gaya, bahasa yang dapat menunjukkan bahawa kandungan berasal dari sumber yang berbeza.

Cari tanda-tanda seperti atribusi, rujukan-rujukan, logo yang diubah suai, tanda ciapan semula (retweet) atau mesej yang telah dipanjangkan (forwarded), rujukan pautan URL, tera air (watermark) gambar, atau perbezaan dan percanggahan seperti kandungan, gaya, bahasa yang dapat menunjukkan bahawa kandungan berasal dari sumber yang berbeza.

Bagi media sosial pula, ia akan memberitahu anda jika sesuatu mesej telah dihantar berulang kali, dikongsi, ciapan semula, dipetik atau proses salin dan tampil (copy pasted), dengan atribusi atau tanpa atribusi. Sebagai contoh, aplikasi WhatsApp mempunyai ciri yang melabelkan mesej forwarded. Aplikasi ini turut akan melabelkan mesej yang telah dihantar berulang kali “forwarded many times”, untuk memperlihatkan mesej itu telah dikongsi sekurang-kurangnya lima atau lebih rangkaian mesej bual (chats) dari pengirim asal. Ciri ini bukan hanya terdapat pada mesej teks tetapi juga pada mesej gambar, video dan audio.

Dari mana sumbernya jika ia berasal dari tempat lain?

Anda boleh mencari tanda-tanda lain seperti bibliografi, pautan URL, atribusi, rujukan dan mercu tanda lokasi yang dapat membawa anda ke sumber asalnya. Di bawah ini, kami akan menunjukkan kaedah untuk melakukan pencarian sumber mengesan dan mengenal pasti kandungan asal dalam talian.

Mengapakah maklumat asal disampaikan dengan cara ini?

Bayangkan jika kandungan mesej adalah bertujuan untuk memperdaya penerima mesej. Jika benar, adakah ia dilakukan bagi tujuan menipu penerima untuk memberi tanggapan bahawa kandungan itu asli. Adakah ia telah diubah atau disampaikan dengan konteks yang berbeza? Adakah mungkin individu yang menghasilkan atau membuat hantaran kandungan itu mempunyai agenda atau memihak kepada satu-satu pihak? Mungkinkah terdapat unsur motivasi kewangan, helah penipuan, telah diplagiat atau hanya satu kesilapan manusia?

Adakah terdapat kemungkinan maklumat berkenaan dihasilkan untuk alasan yang mudah? Sebagai contoh, satu laporan berita dengan pemetikan sumber. Dalam hal ini, adakah terdapat cubaan untuk menghubungkan maklumat kepada sumbernya? Adakah maklumat yang diberikan cukup untuk membantu pembaca mengenal pasti sumber asalnya? Perkara ini juga boleh diguna pakai bagi perantara-perantara lain termasuk kertas penyelidikan, hantaran dalam media sosial, forum, aplikasi pemesejan, serta platform muat naik video dan gambar seperti TikTok, Youtube, Twitter, Instagram dan Facebook.

Menyelidik Sumber

Perkara ini juga merupakan langkah kedua di dalam kaedah SIFT. Bagi mengesahkan dakwaan tertentu, lebih baik sekiranya kita menyiasat sumbernya terlebih dahulu. Adakah individu/ laman sesawang / kandungan video yang diperolehi benar-benar berasal dari sumber berkenaan? Adakah kandungan berkenaan palsu atau dimanipulasikan? Adakah identiti/nama/video/laman sesawang sumber tersebut digunakan tanpa pengetahuan mereka atau bagi tujuan selain daripada yang dimaksudkan? Bagi individu atau organisasi pula, adakah mereka mempunyai kuasa atau berkelayakan untuk menyampaikan maklumat berkenaan?

Mencari Sumber Individu

Dengan perkembangan internet dan media sosial di dalam kehidupan seharian kita seperti urusan sosial dan profesional, ramai di antara kita sering menggunakan pelbagai perkhidmatan dalam talian bagi pelbagai tujuan yang tertentu. Laman-laman sesawang ini sering kali dipenuhi dengan maklumat peribadi dan petunjuk yang membolehkan pemerhati luar untuk membina profil dan mempelajari tentang individu berkenaan serta orang lain yang berkaitan dengan mereka.


Laman Sesawang/Profil Palsu

Kita juga perlu sentiasa berwaspada dengan sesetengah laman sesawang atau profil yang menghasilkan dan berkongsi kandungan palsu. Kaedah ini kebiasaannya digunakan dengan tujuan berniat jahat untuk menipu dan mengelirukan pembaca seperti menyamar atau meniru identiti orang yang tidak diketahui atau dipercayai untuk mendapatkan kepercayaan pembaca. Di samping itu juga, ada yang membuat profil palsu termasuklah bots.

Bacaan Lateral

Bacaan lateral merujuk kepada amalan mengesahkan maklumat mengenai sesuatu kandungan semasa anda masih membacanya. Jika di dalam talian, bacaan lateral melibatkan aktiviti membuka tetingkap (tab) beberapa laman sesawang untuk mencari maklumat, menyiasat sumber dan banyak lagi ketika masih membaca atau melihat kandungan asal.

Pada tahun 2017, kumpulan penyelidik Stanford History Education Group telah menguji kemahiran menyemak fakta para sejarawan dan pelajar sarjana muda Stanford dengan menyemak fakta profesional. Ketiga-tiga kumpulan ini diminta untuk membandingkan dua organisasi profesional yang sangat serupa dan dikehendaki menentukan laman sesawang yang manakah mempunyai maklumat tentang kanak-kanak yang boleh lebih dipercayai. Hasil ujian menunjukkan menyemak fakta mengatasi para sejarawan dan pelajar-pelajar. Hal ini adalah kerana kedua-dua kumpulan ini kebanyakannya bergantung kepada maklumat sedia ada yang terdapat di dalam kedua-dua laman sesawang itu tanpa merujuk atau membandingkan dengan sumber yang lain. Kaedah ini dipanggil bacaan menegak, yang bermaksud seseorang akan terus berada di halaman asal sesebuah laman sesawang.





Kedua-dua kumpulan itu juga (sejarawan dan pelajar) mudah terpedaya dengan “petunjuk yang tidak boleh dipercayai” yang kelihatan seakan-akan menggunakan nama, penampilan laman web dan logo yang profesional. Sementara itu, penyemak fakta hanya membaca sepintas lalu laman-laman web tersebut tetapi dengan segera membuka beberapa tetingkap lain dan mencari maklumat berkaitan dengan sumber (kedua-dua organisasi tersebut). Hal ini membolehkan mereka membandingkan dan menganalisis maklumat dengan lebih baik.

TEKNIK MENCARI, ALATAN & PANDUAN

Kemudahan penggunaan dan populariti media sosial serta aplikasi pemesejan peribadi menjadikan platform ini sebagai alat yang sempurna untuk menyebarkan maklumat palsu dan tidak benar. Bahagian ini akan membincangkan amalan terbaik untuk mengesan maklumat dengan tepat dan pantas. Di samping itu juga, topik di dalam bahagian ini merangkumi teknik untuk kesahan atau pentaksahan kesahihan maklumat tular dan juga untuk mengenal pasti motivasi di sebalik maklumat itu. Di dalam bahagian ini juga, kita akan melakukan penetapan istilah carian pada pelayar sesawang, platform media sosial dan platform pihak ketiga dengan mengikut garis panduan SHEEP yang dicadangkan oleh FirstDraft.



Sumber: firstdraftnews.org

Di bahagian awal bab ini, kita telah mempelajari aspek asas bagi mengesan maklumat dari sumbernya. Paling penting sekali, kita mesti sentiasa menganggap yang tidak semua maklumat tersedia adalah sahih. Seperti yang telah diketengahkan oleh Alexios Mantzarlis (2008), setiap individu yang mahu meyakinkan individu lain mempunyai insentif untuk memutarbalikkan, membesar-besarkan atau mengelirukan fakta. Bagi mengesahkan kesahihan maklumat, adalah penting bagi kita untuk menggunakan alat-alat yang boleh membantu kita mencari sumber utama dan mempunyai reputasi yang baik.

Penetapan Asas Dalam Carian Istilah

Apabila kita menerima sesuatu maklumat dari mesej yang dipanjangkan melalui aplikasi WhatsApp atau hantaran yang tular melalui media sosial, kita mesti memastikan kita tidak akan tertipu dengan maklumat yang salah atau palsu. Mungkin ada maklumat yang mempunyai niat untuk menyakiti, menyalahgunakan seseorang atau mahu melibatkan seseorang dengan sesuatu kesalahan. Oleh itu, untuk mengurangkan bahaya dan mencegah perkara yang negatif dari maklumat yang salah atau palsu, kita boleh menggunakan garis panduan SHEEP seperti yang dicadangkan oleh Trina Leong (2020).

1. Sumber

Melakukan carian asas bagi sumber tertentu di google.com adalah satu titik permulaan yang bagus. Berwaspada apabila membaca atau menganalisis sesuatu maklumat untuk mendapatkan lebih banyak petunjuk bagi identiti sumber. Perkara ini termasuklah seperti nama pertama atau keluarga, nama pengguna, nama samaran dalam media sosial, gambar profil, logo, tempat pekerjaan, dan juga lokasi.

Panduan: Sesetengah individu atau syarikat menggunakan gambar profil dan nama pengguna yang sama bagi pelbagai akaun dalam talian.

Lebih banyak maklumat yang anda tahu, lebih mudah untuk melakukan carian. Jadi, jika sesuatu sumber tertentu tidak membawa hasil, anda boleh mencari nama atau maklumat yang berkaitan dengan sumber itu seperti hubungan keluarga, sekolah, rakan sekerja, nama syarikat, gambar popular, atau karya yang diterbitkan. Sebagai contoh, apabila mencari tentang Kate Middleton, kerabat diraja British, selain "Kate Middleton", anda juga boleh mencuba menggunakan carian perkataan seperti "Kate Middleton Twitter"; "Istana Buckingham Kate Middleton"; "Duchess of Cambridge"; atau "isteri Putera William". Anda juga boleh menggunakan Google untuk melakukan carian imej berbalik bagi mengesan asal-usul gambar tersebut. Terdapat juga enjin carian (Search Engine) lain yang boleh anda gunakan seperti Yandex dan Baidu. Anda juga boleh cuba mencari sumber di Wikipedia atau anda hanya perlu menaip "wikipedia" selepas menaip nama di omnibar atau di ruang carian pelayar web anda.

Satu lagi contoh adalah satu video TikTok tular yang dimuat naik oleh pengguna akaun@zieee795 yang telah tersebar di WhatsApp. Di dalam video berkenaan, seorang ketua pemimpin agama Islam menyampaikan dakwah tentang vaksin yang paling berkesan di akhir zaman adalah dengan menggunakan beberapa ayat dari Surah Al-Kahfi yang dipetik dari Al-Quran.



Sumber: Akaun TikTok @videodakwah.my



Bagi memulakan carian mudah, kita boleh menggunakan salah satu teks "videodakwahmy" sebagai istilah carian dan menaipkannya di ruang carian di Google. Berdasarkan hasil keputusan, kita boleh melihat cadangan yang telah disusun oleh Google dari permulaan hingga akhir halaman laman web. Dari hasil keputusan ini, kita boleh mengecilkan lagi carian dengan memilih keputusan pertama yang sesuai dengan istilah carian yang diambil dari TikTok tersebut. Keputusan pertama membawa kita ke akaun profil Instagram @videodakway.my

Bagi mengesahkan bahawa @videodakwah.my adalah sumber video tular berkenaan, kita akan mula memperluaskan carian dengan menatal akaun (scrolling) untuk mencari pakaian, kerusi dan latar belakang video yang serupa dengan ketua pemimpin agama Islam tersebut. Salah satu hantaran di akaun tersebut didapati mempunyai persamaan dengan pakaian, wajah ketua pemimpin agama Islam itu, latar belakang yang berwarna hijau dan juga kerusinya. Ketika kita mendengar melalui video di Instagram, maklumat yang diberikan juga adalah sama kecuali muzik latar video TikTok tersebut.

Video Instagram ini seperti versi suntingan yang lain kerana teks di dalam video itu tidak sama dengan video TikTok yang telah tular. Kita boleh memeriksa dengan lebih teliti butiran berkaitan dengan video Instagram berkenaan. Pengguna Instagram telah memberi kredit sumber video kepada "Ust Wadi Annuar". Kita boleh menggunakan maklumat ini untuk melakukan carian mudah di Google sekali lagi untuk mengumpul lebih banyak maklumat mengenai "Ust Wadi Annuar".

Berdasarkan hasil carian Google, kita boleh lihat lebih banyak maklumat mengenai "Ust Wadi Annuar" muncul dan hal ini membawa kita kepada lebih banyak pautan media sosial, artikel berita, gambar, termasuk carian yang berkaitan. Kita juga perlu mempertimbangkan bahawa carian berkaitan membolehkan kita memperluaskan carian yang membawa kepada lebih banyak hasil carian lain yang menunjukkan tentang kematian "Ust Wadi Annuar".

Dalam artikel berita terbitan Berita Harian, "Ust Wadi Annuar" dilaporkan sebagai seorang pendakwah bebas bernama Mohamad Wadi Annuar Ayub yang terlibat dalam kemalangan kereta pada 4 Januari 2018. Dia dan juga dua pendakwah bebas yang lain terlibat di dalam kemalangan yang sama. Di dalam artikel berita susulan pula, kita dapat mengesahkan bahawa Ustaz Wadi Anuar tidak meninggal dunia dari kemalangan kereta tersebut. Dengan menggunakan artikel berita ini, kita dapat membuktikan bahawa pengguna TikTok @zieee795 dan pengguna Instagram @videodakwah.my menerbitkan kandungan berkaitan pendakwah bebas, Ustaz Wadi Anuar. Selain itu, pengguna TikTok @zieee795 juga memberikan kredit video tersebut kepada pengguna Instagram @videodakwah.my yang juga akaun menerbitkan video tular itu.

2. Sejarah

Dalam proses mencari kesahihan, adalah sangat penting untuk memahami sejarah maklumat tular yang mungkin mempunyai maksud tersirat seperti untuk mengetengahkan agenda tertentu melalui video kerana ianya sangat mudah bagi sesuatu pandangan untuk diputarbelitkan. Seperti yang dicadangkan oleh FirstDraft, kita boleh cuba mencari jawapan kepada tanda-tanda kritikal untuk mengetahui agenda tersembunyi dari akaun pengguna Instagram @videodakwah.my dan akaun pengguna TikTok @zieee795:

1. Apakah jenis cerita atau bahan yang selalu dipromosikan oleh sumber?
2. Adakah hanya satu pihak (pendapat) yang sering disasarkan atau diketengahkan oleh mereka?
3. Adakah mereka hanya menumpukan kepada satu isu secara konsisten?

Sebahagian besar hantaran di Instagram @videodakwah.my mengandungi unsur-unsur Islam yang mempromosikan dakwah oleh pemimpin agama Islam, pemakanan dan rawatan alternatif untuk kesihatan dan kecantikan, panduan bagi ibu bapa dan berkongsi tangkap layar dari akaun media sosial seperti Twitter dan juga artikel berita. Namun, tidak seperti @videodakwah.my, hantaran di TikTok @zieee795 pula menfokuskan dari satu sudut terutamanya berkongsi video dakwah dari pemimpin-pemimpin agama Islam. Kedua-dua akaun media sosial ini juga tidak mempromosikan agenda yang didorong oleh politik.

Apa yang ada di bahagian komen TikTok?

Semasa menatal (scrolling) di bahagian komen video TikTok, kita dapat melihat satu komen yang dibuat oleh pengguna TikTok @yucen yang menyiratkan mesej tersembunyi oleh pendakwah tersebut mengenai vaksin yang disediakan adalah sebahagian dari agenda bersekutu dengan Dajjal. Komen dari @yucen ini ditulis dengan bahasa penuh perasaan dalam bahasa Melayu untuk tujuan menimbulkan dan memutarbelitkan pandangan mengenai vaksin.

Bilakah Hantaran Video di Tiktok Dibuat?

Seperti yang dicadangkan oleh FirstDraft, kita boleh mendapat tahu bila hantaran video TikTok dibuat oleh @zieee795.

- Langkah 1 - Buka laman individu bagi video TikTok yang sedang kita selidik di pelayar web seperti Chrome atau Brave.
- Langkah 2 – Klik-kanan pada video dan pilih "Lihat Sumber Laman" - Sekiranya anda menggunakan Windows, taip CTRL-F, dan cari frasa "createtime" di dalam kod. Di sebelah "createtime" adalah angka waktu pengguna memuat naik video mengikut waktu UNIX.
- Langkah 3 - Tukarkan waktu UNIX ke GMT waktu Manusia dengan menggunakan laman web seperti Epoch Converter.

Epoch Converter adalah alat untuk menukar cap masa UNIX menjadi waktu dan tarikh manusia. Berdasarkan cap masa yang disediakan oleh laman web, kita boleh menganggap yang cap masa adalah dalam saat/ kita boleh melihat cap masa dalam beberapa saat. Contohnya;


GMT: Sabtu, 21 Ogos 2021 11:20:09 PAGI

Zon waktu kita: Sabtu, 21 Ogos 2021 7:20:09 PTG GMT + 08:00

Relatif: 21 hari yang lalu

- Langkah 4 - Berdasarkan hasil keputusan dari Epoch Converter, apakah zon waktu bagi akaun pengguna @zieee795?

Kita dapat tahu dari waktu UNIX yang pengguna ini telah membuat hantaran video 8 jam dari zon waktu kita.




3. Bukti

Bagi memeriksa dengan teliti butiran-butiran dan untuk mengetahui sama ada terdapat bukti yang boleh dipercayai di tempat lain, kita perlu mengumpul lebih banyak maklumat dan melihat sumber-sumber lain yang terdapat di Google yang sepadan dengan hantaran video oleh pengguna TikTok @zieee795 dan pengguna Instagram @videodakwah.my.

Di manakah video yang lengkap?



Untuk mendapatkan maklumat yang lain, perkara yang perlu kita pertimbangkan adalah dengan memperluaskan carian di Google bagi tujuan mencari video asal yang lengkap. Kita boleh merujuk teks yang telah dipangkas (trimmed) di dalam video TikTok tersebut, termasuklah pakaian, wajah pemimpin agama Islam terbabit, latar belakang yang berwarna hijau dan kerusinya yang serupa. Teks yang telah dipangkas ini memberikan petunjuk untuk istilah carian "Ustaz Wadi Anuar ceramah perdana maal hijrah" yang dapat kita gunakan untuk melakukan carian yang mudah di Google.



Dengan melihat sepintas lalu keputusan carian, keputusan kedua menunjukkan pakaian, wajah pemimpin berkenaan, latar belakang dan kerusi yang serupa. Pautan itu membawa kita ke video lengkap berdurasi 53.50 minit yang dikongsi pada 20 Ogos 2021 dari saluran YouTube pemimpin agama, Ustaz Wadi Anuar. Di ruang deskripsi video tersebut, maklumat terperinci diberikan dengan pautan media sosial ke akaun rasmi pendakwah itu di kumpulan Facebook, laman Facebook, YouTube, Instagram, Spotify, Telegram dan laman Facebook sekolah milik beliau yang dikenali "Sekolah Ustaz Wadi Annuar.

Maklumat lain yang dapat kita lihat adalah video itu disiarkan secara strim langsung pada 20 Ogos 2021 yang membawa kita ke ulangan ruang sembang. Dari minit ke 19:03 hingga 20:02 dalam video lengkap itu, kita dapat membuktikan bahawa ucapan yang sama telah dibuat oleh Ustaz Wadi Anuar sepadan dengan video hantaran yang telah disunting oleh akaun pengguna Instagram @videodakwah.my dan akaun pengguna TikTok @zieee795. Kita dapat mengesahkan bahawa, video YouTube ini merupakan sumber yang asal untuk konteks kandungan yang telah dikongsi sebelum ini. Selain itu, didapati video hantaran oleh akaun pengguna Instagram @videodakwah.my dan akaun pengguna TikTok @zieee795 penuh dengan suntingan penambahan teks, gambar dan ikon dengan muzik latar.

Rentetan itu, kita juga boleh menggunakan sambungan palam web pelayar (plugin) yang dikenali sebagai InVID untuk menjimatkan masa ketika mengesahkan video dan gambar. Alat ini membolehkan kita membuat carian video dan gambar berbalik di Google, Yandex, Bing, dan Tineye. Selain Google, domain carian alternatif lain yang boleh digunakan adalah Yandex dan Baidu. Yandex adalah domain carian yang dimiliki oleh syarikat multinasional Rusia yang mempunyai banyak hasil keputusan carian dari Eropah Timur. Baidu pula dimiliki oleh syarikat teknologi multinasional China yang mempunyai lebih banyak hasil keputusan carian dari China.



Salah satu alat dari InVID yang boleh kita gunakan adalah alat pengesahan kontekstual video yang menyediakan konteks video untuk pengesahan seperti tajuk video, deskripsi video, maklumat lanjut tentang saluran YouTube termasuklah jumlah komen di bawah sesuatu video itu. Ketika menatal ke bahagian bawah laman, kita boleh klik pada carian berbalik Google Image, carian berbalik Yandex Index, carian berbalik Tineye Image dan carian video melalui Twitter. Apabila meneliti secara sepintas lalu keputusan carian, beberapa pautan ke video yang serupa telah dijumpai.



4. Emosi

Seterusnya, kita boleh mengambil langkah yang lebih lanjut dengan memeriksa penggunaan bahasa yang bersifat sensasi, mengapi-apikan dan memecahbelahkan beberapa pihak dari satu-satu sumber video. Perkara ini disebabkan oleh sesetengah penggunaan bahasa mampu untuk menyentuh emosi seseorang. Perkara ini boleh mencetuskan reaksi tidak terkawal untuk berkongsi dan memberitahu orang lain tentang video tersebut. Langkah-langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut;

Langkah 1: Kenal pasti bahasa yang digunakan

- Berdasarkan kepada tajuk dan deskripsi video lengkap di YouTube termasuk bahasa yang dituturkan oleh pendakwah tersebut, kita boleh mengetahui bahawa bahasa yang digunakan untuk video ini sebahagian besarnya merupakan bahasa Melayu dengan penggunaan bahasa Inggeris yang sangat minimum.

Langkah 2: Mendengar video dan kenal pasti bahasa yang bersifat sensasi, mengapi-apikan dan memecahbelahkan pelbagai pihak

- Berdasarkan kuliah lengkap oleh pendakwah tersebut, beliau berbicara dengan penuh perasaan tentang kisah-kisah para nabi dan dia tidak menggunakan bahasa yang bersifat provokatif yang boleh menimbulkan kemarahan pendengar di sepanjang video berkenaan. Beliau turut mengingatkan pendengarnya untuk membaca ayat-ayat tertentu dari surah Al-Quran. Selain itu, beliau juga menggunakan istilah "vaksin" apabila menasihati pendengarnya untuk mengingati ayat-ayat yang disarankan bagi mempersiapkan diri ketika menghadapi Dajjal pada akhir zaman. Dajjal yang terkenal sebagai figura kejahatan dalam eskatologi Islam yang berpura-pura akan menjadi Messiah yang muncul sebelum Hari Kebangkitan Semula.
- Berdasarkan video TikTok oleh @zieee795, video yang dipangkas itu telah disunting dengan muzik bagi membangkitkan perasaan melankoli dan sedih yang menguatkan lagi reaksi terhadap komen yang ditulis oleh pengguna @yucen.

5. Gambar

Akhir sekali, gambar mempunyai kemampuan untuk melangkau pemikiran kritis kita dan boleh mengetengahkan mesej tertentu. Memes sering digunakan untuk mengalun (resonate) perasaan dengan suntingan teks bagi menambahkan mesej tertentu untuk ditujukan kepada sasarannya. Sebagai contoh, gambar yang dikongsi oleh pengguna Instagram @videodakwah.my mempunyai teks yang disertakan petikan kapsyen yang menyoroti watak-watak mati syahid dan dikreditkan kepada "Hidayat Kadaban".

MENGESAHKAN LOKASI DAN MASA

Salah satu kemahiran yang penting menyemak fakta kandungan dalam talian adalah keupayaan untuk menyelidik dan mengesahkan lokasi dan masa maklumat yang dihasilkan atau diterbitkan. Perkara ini dapat membantu penyemak fakta membuktikan asal-usul kandungan, dan untuk menentukan sama ada kandungan itu dihasilkan atau diterbitkan dengan cara yang telah mengubah konteks asalnya, seperti penggunaan gambar, video atau mesej lama, atau hanya sebahagian daripadanya. Bahagian ini akan dapat membekalkan pembaca dengan kemahiran, alat dan teknik untuk mengesan lokasi dan juga masa ciptaan dan penerbitan kandungan dalam talian dan untuk menganalisis penggunaan kandungan secara kritis.

Alatan peta dengan geolokasi

Bagi menentukan lokasi gambar atau video, cara termudah adalah dengan melakukan carian gambar atau video berbalik. Proses ini boleh dilakukan jika terdapat mercu tanda yang boleh dikenal pasti seperti bangunan, monumen atau arca yang terkenal. Sekiranya tiada mercu tanda seperti itu, anda perlu fokus kepada butiran lain seperti susun atur jalan, perincian seni bina, papan tanda jalan, bangunan atau premis, lesen plat dan model kenderaan, bentuk manusia, tanaman, landskap dan juga paparan pada papan tanda.

Carian gambar berbalik boleh membantu anda untuk mencari gambar atau video yang sama dengan resolusi yang berbeza dan akan memudahkan carian anda. Selain itu, anda juga perlu mendengar audio dengan teliti kerana anda mungkin dapat mengesahkan nama tempat, loghat atau dialek. Apabila anda sudah mempunyai petunjuk mengenai sesuatu lokasi, anda boleh menggunakan Street View di Google Map untuk mengesahkan lokasi tersebut. Berikut adalah contohnya:



Contoh video : Farmasi Kim Chuan

Video ini disebarluaskan melalui WhatsApp pada atau sebelum 29 Mac 2020, setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama diumumkan. Tiada laporan media mengenai video ini dibuat hingga waktu petang 29 Mac 2020. Video ini menunjukkan kes ragut yang berlaku di hadapan sebuah farmasi sementara terdapat beberapa pelanggan sedang menunggu untuk memasuki farmasi.


Terdapat tiga petunjuk di dalam video tersebut: (a) apabila pintu farmasi ditutup, anda dapat melihat nama farmasi tersebut ialah "FARMASI KIM CHUAN 健全 西药 X" (tulisan Cina yang terakhir tidak jelas); (b) nombor plat 168 yang menunjukkan alamat farmasi atau kedai di sebelahnya; dan (c) farmasi ini terletak di hujung bangunan kedai.

Carian bagi "Kim Chuan Pharmacy 健全 西药" (tanpa tulisan Cina yang terakhir) di Google Map menunjukkan bahawa terdapat hanya satu farmasi dengan nama sedemikian. Ia terletak di Taman Bayu Perdana, Klang dan merupakan sebuah kedai yang berada di hujung bangunan, sama seperti yang terdapat di dalam video tular tersebut. Tetapi, bukti ini tidak kukuh kerana mungkin terdapat farmasi lain dengan nama dan lokasi yang sama namun tidak disenaraikan di Google Map.



Di sinilah ciri Street View di Google Map dapat membantu proses menyemak fakta. Ia membolehkan kita melihat gambar jalan secara 360-darjah. Di beberapa lokasi, terdapat banyak gambar yang diambil pada masa yang berbeza. Hal ini membolehkan anda untuk membandingkan perubahan yang berlaku di lokasi. Dengan memeriksa gambar Street View, kita dapat melihat bangunan yang sama dari pelbagai sudut bagi pembedahan ciri-ciri yang terdapat di dalam video tersebut.

Terdapat dua cara untuk menggunakan Street View:

- Klik pada gambar lokasi/tempat di bahagian kiri atas dan Street View akan muncul di tetingkap peta.
- Klik pada tanda lelaki kecil berwarna kuning di sudut kanan. Jalan yang mempunyai garis biru adalah jalan yang mempunyai gambar Street View. Terdapat juga lokasi dan jalan di mana Street View tidak tersedia (teruskan membaca untuk alternatif lain). Klik pada mana-mana bahagian pada garis biru itu dan ini akan membawa Street View ke lokasi tersebut.



Apabila semakan dilakukan pada 29 Mac 2020, gambar farmasi berkenaan diambil pada bulan September 2018 dan terdapat kain rentang yang digantung di hadapan farmasi yang menutup bahagian atas muka kedai. Seperti disebutkan sebelum ini, beberapa lokasi akan mempunyai sejarah gambar dan farmasi ini adalah salah satu daripadanya. Kesediaadaan sejarah bagi gambar boleh dilihat dengan ikon jam di kotak kiri atas di sebelah perkataan "Street View". Klik pada ikon itu dan anda akan dapat lihat garis masa yang menunjukkan lima gambar, yang masing-masing diambil pada tahun 2014, 2015, 2017, 2018 dan 2021. Anda boleh memilih mana-mana gambar untuk ditunjukkan di tetingkap besar.



Ketika penyemakan fakta ini dilakukan, ketika itu gambar bagi tahun 2021 masih tidak tersedia lagi. Namun, jika gambar ditukar ke gambar yang diambil pada bulan Disember 2015, ini akan ‘mengalihkan’ kain rentang dan muka kedai boleh dilihat dengan lebih jelas. Pada masa ini, gambar bagi tahun 2021 juga tidak mempunyai kain rentang. Dengan gambar tanpa kain rentang, kita boleh membuat padanan yang lebih baik seperti;

- 
- (a) Jenis font dan susun atur nama farmasi di pintu kaca sama dengan papan tanda kedai di Google Map.
 - (b) Lokasi pintu kaca dan poster di sebelahnya padan dengan yang terdapat di video walaupun poster berbeza (kemungkinan diubah selepas gambar diambil).
 - (c) Jeriji berkarat kedai di sebelahnya dan pintu lipat farmasi yang boleh ditarik atas adalah sama.
 - (d) Jubin lantai juga mempunyai corak yang sama.
 - (e) Kedua-dua gambar dan video menunjukkan penapis air di luar yang sama.
 - (f) Google Map menunjukkan yang alamat farmasi ialah No, 168, Jalan Batu Unjur 1 yang sepadan dengan nombor plat 168 di dalam video.

Kesemua bukti ini mengesahkan bahawa farmasi di dalam video adalah sama dengan farmasi di Taman Bayu Perdana, Klang. Di samping itu juga, surat khabar harian tempatan bahasa Inggeris, The Sun ada memaparkan berita pada 8:51 malam, 29 Mac 2020 (hari yang sama penyemakan fakta dilakukan) mengenai rompakan tersebut. Ia disahkan oleh polis Klang bahawa rompakan itu berlaku di farmasi Kim Chuan di Taman Bayu Perdana, Klang. Bagaimanapun, polis mengatakan bahawa rompakan itu berlaku sekitar jam 12:40 malam pada 29 Mac, bukan 28 Mac seperti yang ditunjukkan oleh cap masa (time stamp) di dalam video tersebut. Cap masa CCTV betul bagi waktu tetapi tidak bagi tarikh. Perkara ini mungkin berlaku disebabkan oleh kesalahan teknikal ketika memasang CCTV itu.

Kesimpulan dari contoh ini adalah:

- Perhatikan dengan teliti setiap butiran dalam video atau gambar seperti papan tanda kedai yang boleh membantu anda untuk mendapatkan petunjuk mengenai lokasi.
- Carian di Google Map dapat membantu mengenal pasti lokasi video atau gambar yang berkemungkinan.
- Gambar Street View di Google Map dapat membantu memadankan ciri dalam video atau gambar.
- Jika butiran penting dalam gambar Street View ditutup dengan objek seperti kain rentang atau kenderaan, cari sejarah gambar bagi bangunan atau lokasi.
- Ada kemungkinan waktu yang ditunjukkan pada video atau gambar salah.
- Video atau gambar mungkin dilaporkan oleh penyemak fakta, media atau pihak berkuasa tempatan yang lain. Sekiranya anda tidak dapat mengesahkannya, tunggu dan cari laporan sedemikian.

Di samping Street View, gambar dan video yang dikongsi oleh pengguna di platform yang berbeza boleh juga menjadi sumber tambahan untuk mengesahkan lokasi dan waktu kandungan dalam talian terutamanya bagi tempat di dalam bangunan yang tidak tersedia di Street View. Jika Street View dan Google Map tidak mempunyai gambar yang anda perlukan atau sudut dan resolusi gambar tidak memuaskan, anda boleh mencuba alternatif lain. Antara alternatif lain yang boleh digunakan adalah:

- Mapillary (<https://www.mapillary.com/app/>) – meliputi lokasi yang tiada di Google tetapi gambar berdasarkan sumber awam.
- Bing Maps (<https://www.bing.com/maps>) - kadangkala mempunyai zon lebih baik, lebih terperinci daripada Google.
- Yandex Maps (<https://yandex.com/maps>) - paparan jalan bagi lokasi di Eropah Timur yang tidak terdapat di Google.
- Baidu Maps (<https://map.baidu.com/>) - untuk lokasi di China.
- Versi komputer meja Google Earth Pro (<https://www.google.com/earth/versions/>) – baik untuk gambar satelit.

Menyemak cap masa (Time Stamp) di platform media sosial yang berbeza

Apabila carian di dalam talian atau carian gambar atau video berbalik membawa anda ke kandungan yang dikongsi di platform media sosial, langkah seterusnya adalah untuk memeriksa maklumat kandungan tersebut termasuklah masa penerbitannya. Namun, platform media sosial yang berbeza mempunyai cara yang berbeza untuk menunjukkan cap masa penerbitan. Video tutorial ini menerangkan format cap masa berbeza (<https://youtu.be/GZrzzcXxZIY>) yang digunakan oleh Twitter, Facebook, YouTube, Instagram dan TikTok sehingga tarikh 23 Ogos 2021. Perlu diberikan peringatan bahawa format ini mungkin akan berubah pada masa akan datang.


Mengesahkan waktu menggunakan butiran dalam kandungan

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa masa muat naik atau penerbitan berbeza dari masa gambar atau video diambil. Untuk menganggarkan waktu gambar atau video diambil, sila beri perhatian teliti pada semua butiran dalam kandungan yang dapat menunjukkan waktu, tarikh atau tempoh masa. Perkara yang boleh menunjukkan tarikh adalah seperti:

- Bangunan yang muncul/hilang atau sedang diubah suai
- Bahan terbitan (misalnya, poster filem, papan iklan, pengumuman jualan)
- Pakaian (misalnya, musim fesyen, pakaian untuk acara seperti maraton)
- Tumbuhan bermusim (misalnya, durian, manggis)
- Cuaca

Sekiranya gambar atau video diambil di luar, bayangan dari bangunan dan keadaan cuaca dalam gambar atau video juga mungkin dapat membantu anda mengesahkan masa dan tarikh. Alat dalam talian seperti SunCalc.org (<https://www.suncalc.org/>) dapat membantu menentukan arah cahaya matahari dan bayang di lokasi tertentu pada hari dan waktu yang berbeza. Anda juga boleh menggunakan untuk memeriksa bayangan di gambar atau video. Ini adalah tutorial video (<https://www.youtube.com/watch?v=yQ-eSWnKMUU>) cara untuk menggunakan alat ini dan juga contoh penggunaannya (<https://medium.com/quiztime/lining-up-shadows-2351ae106cec>).

Memeriksa cuaca lalu sesuatu lokasi juga dapat membantu menentukan waktu dan tarikh gambar atau video. Anda boleh menggunakan alat dalam talian seperti timeanddate.com (<https://www.timeanddate.com/weather/>) untuk memeriksa keadaan cuaca di lokasi pada hari tertentu untuk melihat sama ada ia padan dengan cuaca dalam gambar/video. Selain itu, anda juga boleh bertanya dengan seseorang yang tinggal di lokasi berkenaan jika anda yakin gambar/video itu diambil baru-baru ini.



AKTIVITI

Untuk menguji kefahaman pelajar tentang aspek etika dan literasi media dan informasi, pelajar digalakkan untuk menyertai aktiviti berikut:

Cari mana yang palsu

Malaysiakini adalah portal berita berdaftar dan terkenal yang membuat liputan berita Malaysia. Sekarang kaji dua tangkap skrin di bawah.

Gambar #1 menunjukkan akaun Twitter bagi Malaysiakini. Gambar #2 menunjukkan akaun Twitter Malaysiakini2.



Gambar 1



Gambar 2

Bolehkah anda menyenaraikan perbezaan bagi kedua-dua profil ini? Kemudian, dengan menggunakan kemahiran yang dipelajari dari bab sebelum ini, bolehkah anda mengenal pasti yang mana satu akaun Twitter asli Malaysiakini dan yang mana satu akaun palsu?

Cabaran menentusahkan Universiti Inisiatif dari Google News

Cabaran dalam talian ini merangkumi enam kuiz yang meliputi berbagai teknik asas dan alat untuk pengesahan kandungan dalam talian. Pelajar dikehendaki melayari URL berikut dan melakukan aktiviti yang disediakan.

<https://www.youtube.com/playlist?list=PLXYuDvosdAxwp8fjyNbl4gZ2d1gteMrF>

RUJUKAN

Brave [https://en.wikipedia.org/wiki/Brave_\(web_browser\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Brave_(web_browser))

Caulfield, Introducing SIFT, [dalam talian, 2019], Just add Wikipedia, Didapati di <https://www.notion.so/Just-add-Wikipedia-87fb3606d42a47cfa21162e3491648ae>

Chrome https://en.wikipedia.org/wiki/Google_Chrome

Epoch Converter <https://www.epochconverter.com/>

Facebook post, Kuek Ser Kuang Keng, 29 March 2020 (accessed on 11 Sep 2021), <https://www.facebook.com/506517933/videos/10157261533722934/>

Funke, [dalam talian, 2018], WhatsApp launches a feature that labels forwarded messages, Didapati di <https://www.poynter.org/fact-checking/2018/whatsapp-launches-a-feature-that-labels-forwarded-messages/>

Funke, [dalam talian, 2018], WhatsApp launches a feature that labels forwarded messages, Didapati di <https://www.poynter.org/fact-checking/2018/whatsapp-launches-a-feature-that-labels-forwarded-messages/>

Heick, [dalam talian] What's The Difference Between Lateral Reading And Vertical Reading? Didapati di <https://www.teachthought.com/literacy/how-res-ding-different-future-literacy>

How to find out when a Tik Tok video was posted https://youtu.be/lkHe_U3Rn9I

https://www.instagram.com/p/CTl2E_HlRs8/

<https://www.instagram.com/p/CTlhNzinXRK/>

<https://www.instagram.com/p/CTlqC3tFm96/>

<https://www.instagram.com/p/CTq3CPUIjTk/>

<https://www.instagram.com/p/CTqgp0tL7OK/>


<https://www.tiktok.com/@zieee795?>

Instagram user account videodakwah.my https://www.instagram.com/p/CTWjvmMHbB_/

Journalism, 'Fake News' & Disinformation. UNESCO. 2018. Link: <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000265552>

Malaysiakini, [dalam talian, Twitter] Malaysiakini official Twitter account, Didapati di <https://twitter.com/malaysiakini>

Malaysiakini2, [dalam talian, Twitter] Malaysiakini2 Twitter account, Didapati di <https://twitter.com/malaysiakini2>



Mohamad, [dalam talian, 2015], Dr Mahathir Mohamad official Twitter page, Didapati di <https://twitter.com/chedetofficial>

Mohamad, [dalam talian, 2021], Dr Mahathir Mohamad official blog Chedet, Didapati di <https://chedet.cc/>

Mohamad, [dalam talian, 2021], Dr Mahathir Mohamad official Facebook, Didapati di <https://www.facebook.com/TunDrMahathir/>

Mohamad, [dalam talian, 2021], Dr Mahathir Mohamad official Instagram, Didapati di <https://www.instagram.com/chedetofficial>

Online verification workshop by Google News Initiatives, 23 Aug 2021 (not publicly available)

Quiz 3 Tutorial - Social Media Timestamps, Google News Initiative, 16 April 2021, accessed on 11 Sep 2021, <https://youtu.be/GZrzzcXxZlY>

Snatch thieves strike as customers line up at pharmacy (Video), The Sun, 29 Mar 2020, accessed on 11 Sep 2021, <https://www.thesundaily.my/local/snatch-thieves-strike-as-customers-line-up-at-pharmacy-video-DJ2193423>

Spector, [dalam talian, 2017], Stanford scholars observe 'experts' to see how they evaluate the credibility of information online, Didapati di <https://news.stanford.edu/2017/10/24/fact-checkers-outperform-historians-evaluating-online-information/>

Think 'Sheep' before you share to avoid getting tricked by online misinformation. Link: <https://firstdraftnews.org/articles/think-sheep-before-you-share-to-avoid-getting-tricked-by-online-misinformation/>

Think 'Sheep' before you share to avoid getting tricked by online misinformation. Link: <https://firstdraftnews.org/articles/think-sheep-before-you-share-to-avoid-getting-tricked-by-online-misinformation/>

TikTok User Account @zieee795 <https://vt.tiktok.com/ZSJKDGHXo/>

Ustaz Murtadza meninggal dunia
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/374996/ustaz-murtadza-meninggal-dunia>

Ustaz Wadi Anuar dipindahkan ke HRPB (January 5, 2018)
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/01/371557/ustaz-wadi-anuar-dipindahkan-ke-hrbp>

Whatsapp,[dalam talian] About forwarding limits. Didapati di
<https://faq.whatsapp.com/general/chats/about-forwarding-limits/?lang=en>

3 penceramah bebas cedera kemalangan (January 4, 2019)
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/01/370875/3-penceramah-bebas-cedera-kemalangan>